

# BESTARI BERBICARA 2024



## Cetakan Julai 2024

Hak cipta terpelihara © 2024 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan e-buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-94-0459-9


Diterbitkan oleh



Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura

Pendapat dan pandangan yang terkandung dalam penyelenggaraan bahan perkongsian dalam e-buku ini merupakan pendapat dan pandangan penulis masing masing dan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan penganjur Bestari Berbicara 2024.

# KANDUNGAN



**5**      **Sekapur Sirih**

**7**      **Teh Tarik! Program Profesional dari Guru untuk Guru**

Dr Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz  
Maktab Rendah St Andrews

**18**     **Menggunapakai Maklum Balas, Rubrik dan Komen untuk Bahasa Melayu Sekolah Rendah**

Ruhaizah Osman  
Sekolah Rendah Seng Kang

**27**     **Memperkasa Pembelajaran Kendiri Melalui Program Bacaan Intensif Digital**

Mohd Zaki Bin Hashim  
Sekolah Rendah North Vista

**39**     **Pakej Pembelajaran Simpulan Bahasa & Nilai Melalui Aplikasi Laman Web, Pixton**

Mohd Saidali Bin Ali  
Sekolah Rendah Sembawang

**49**     **Meningkatkan Penerokaan dan Perbincangan Sastera Melalui Pembelajaran Autentik**


Noorlizasabariah Ramli  
Sekolah Menengah Anderson

**59**     **Penerapan Rutin Berfikir Dalam Pelajaran Kefahaman Membaca**

Makhfadzah Bte Abu Bakar  
Sekolah Rendah Naval Base




# KANDUNGAN



- 70**      **Penerapan Aspek Budaya Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu**  
Sanisah Bte Rahim  
Sekolah Rendah Huamin
- 
- 82**      **Mendorong Minat Murid Melalui Kaedah SDL dan Media Sosial**  
Qamarul Azhar Bin Ahmad Kamil  
Sekolah Rendah Evergreen
- 
- 91**      **Kemantapan Prinsip Kerana Sokongan Yang Padu**  
Samsiah Mohamed Diah  
Sekolah Menengah Fairfield Methodist
- 
- 104**     **Alam Berkembang Jadikan Guru**  
Faedah Binte Noorahman  
Sekolah Menengah Edgefield
- 
- 116**     **NLC: Meningkatkan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu melalui Reka Bentuk Pembelajaran Universal (Universal Design for Learning, UDL)**  
Kasumawati Benti Wansi (Sekolah Menengah New Town)  
Siti Aisha Bte Ahmat Yusop (Sekolah Menengah Yio Chu Kang)  
Rita Zarina Mohd Nazeer (Sekolah Menengah Marsiling)
- 
- 129**     **Penggunaan ClassPoint Dalam PdP untuk Menyuntik Keceriaan Dalam Pembelajaran Dan Meningkatkan Motivasi**  
Siti Fatimah Bte Omar Bakri  
Sekolah Rendah Xinmin
- 
- 141**     **Memperkasa Guru, Mentransformasi Pembelajaran**  
Noor Aini Binte Jamin  
Sekolah Rendah Northoaks



# KANDUNGAN



**153**     **Meningkatkan Percancangan dan Pengajaran e-Pedagogi**

Suriana Mohamed Bakri  
Sekolah Rendah Kranji

**162**     **Ke Arah Keberkesanan Pembangunan Profesional Guru-guru Bahasa Asing**

Azyanti Mohamd Mudakir  
Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan

**173**     **Kelompok S1 Bersatu Meneraju untuk Perkembangan Profesional Guru-guru**

Safidah Samsudin (Sekolah Rendah Jing Shan)  
Norwati Sulaiman (Sekolah Rendah Punggol)

**183**     **Model Rotasi Stesen Dalam Pembelajaran Teradun**

Norhidayana Jabar  
Sekolah Rendah Punggol Green

**193**     **Menggunakan Kecerdasan Buatan dalam Penilaian Kendiri**


Esfan Rizal Bin Rahwom  
Sekolah Menengah Tampines

**203**     **Meningkatkan Kemahiran Menulis Pelajar Melalui Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman**

Norah Bte Nordin  
Sekolah Perempuan Haig



# KANDUNGAN



**213**     **Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman:  
Satu Kolaborasi Pembelajaran Budaya**

Zulkifli Bin Khamis  
Sekolah Menengah Bendemeer

**225**     **Program Memupuk Kemahiran Bertutur dan  
Berkomunikasi Pelajar**

Manisah Bte Osman  
Sekolah Rendah Yio Chu Kang

**236**     **Jawatankuasa Pengajar**

**237**     **Sekalung Budi**





## **NORHAYATI AWANG**

Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Sinapura  
Kementerian Pendidikan Singapura

# Sekapur Sirih

Salam Sejahtera Ketua-Ketua Pedagogi,

Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada fraterniti Ketua Pedagogi ini kerana tidak jemu-jemu berusaha untuk berkongsi ilmu. Inilah semangat yang dapat kita banggakan. Biarpun dalam kesibukan menggalas tugas seharian di sekolah, namun usaha untuk berkongsi ilmu tidak pernah luntur pada jiwa mereka. e-penerbitan kali ini memuatkan 21 perkongsian ilmu yang telah dilaksanakan di sekolah masing-masing. Kali ini, kerencaman dalam perkongsian amat ketara kerana disamping perkongsian individu, terdapat juga perkongsian yang merupakan Komuniti Rangkaian Kerjasama Pembelajaran atau Network Learning Community (NLC) yang bermula dari pertemuan Bestari Berbicara dua tahun yang lalu. Syabas Ketua Pedagogi!

Peranan seorang ketua pedagogi amatlah mustahak. Seorang Ketua Pedagogi berperanan menyokong pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Di samping itu, seorang ketua pedagogi memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan budaya pembelajaran yang dinamik yang dapat menyokong pembelajaran pelajar dan pembangunan profesional rakan-rakan pendidik di sekolah.

Dalam Bestari Berbicara kali ini, Ketua Pedagogi diperkenalkan dengan Kerangka Kerja Seorang Ketua Pedagogi yang melibatkan perkara-perkara berikut:




- Membina Hubungan dengan guru-guru
- Menyediakan Sumber dan Kajian
- Meluangkan Masa Memberikan Maklum Balas
- Belajar Bersama-sama dengan Guru dan Pentadbir Sekolah
- Mengumpul dan Menganalisis Dapatan
- Meneraju Inovasi Bersama-sama guru

Apa yang diharapkan, ketua pedagogi kita dapat menajamkan kemahiran mereka dalam proses meneraju pedagogi di sekolah masing-masing, bersikap reflektif dalam melaksanakan tugas dan kerangka kerja seorang ketua pedagogi yang diperkenalkan ini dapat membantu seorang ketua pedagogi.

Program Bestari Berbicara MLCS ini memberikan ruang dan peluang untuk ketua pedagogi melibatkan diri dalam wacana profesional bersama-sama Guru Pakar. Usaha ini diharapkan juga dapat melahirkan pendidik yang sentiasa mencari jalan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang berkesan dan bermakna. Marilah kita bersama-sama menuju ke arah visi guru cemerlang dan pelajar budiman. Semoga perkongsian kali ini dapat ditambah nilai dan melebarkan rangkaian kerjasama pembelajaran dalam kalangan ketua pedagogi kita.





# TEH TARIK! – PROGRAM PEMBANGUNAN OLEH GURU UNTUK GURU



**Dr Mohamed Pitchay Gani Bin  
Mohamed Abdul Aziz**  
Guru Peneraju  
Maktab Rendah St Andrews

## SINOPSIS

Teh Tarik! merupakan program perkongsian bulanan yang diusulkan oleh guru untuk guru di Maktab Rendah St Andrew. Program ini tercetus kerana guru-guru di maktab rendah ini menghadapi cabaran bagi memperuntukkan masa yang terhad untuk mengikuti program pembangunan profesional di luar waktu sekolah. Melalui program ini, guru diharapkan dapat terus mendalami ilmu, kepakaran, minat di samping menjaga kemaslahatan diri dan mengeratkan hubungan sesama guru. Program Teh Tarik! menerapkan prinsip andragogi yang melibatkan guru secara aktif dalam penghasilan, penyampaian dan penilaian program pembelajaran. Guru selaku seorang pelajar dewasa diberikan kebebasan untuk meneroka pedagogi baharu atau wahana pembelajaran yang ingin digunakan semasa mengajar. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran untuk menentukan kesesuaian masa kerana ia bersifat tidak formal dan bukanlah satu aktiviti yang wajib. Berdasarkan pemantauan pelaksanaan program, program ini berjaya mewujudkan suasana pembelajaran profesional yang interaktif dan berkesan.

## PENGENALAN

Idea Teh Tarik! timbul daripada keinginan untuk memudahkan guru mengikuti program pembangunan profesional (PD) serta menjaga kemaslahatan diri secara informal. Program ini didapati mampu memanfaatkan bukan sahaja guru tetapi juga kakitangan pentadbiran dan sokongan di sekolah. Maka, ia dijadikan inisiatif peringkat sekolah untuk direalisasikan pada setiap bulan kerana potensinya untuk membentuk kumpulan pembelajaran profesional, kumpulan wewenang dalam membangunkan minat atau hobi secara bersama dan neksus antara jabatan untuk tujuan kolaborasi.

Perkongsian ini bertujuan mendedahkan tentang adanya cara untuk menangani masalah kekangan masa dalam kalangan guru untuk mengikuti program pembangunan/pembelajaran profesional (PD/PL). Ia juga bertujuan mendedahkan bahawa guru dalam setiap sekolah adalah sumber ilmu, pengalaman dan inspirasi yang boleh dimanfaatkan oleh setiap sekolah dalam usaha membangunkan program PD. Selain itu, ia berharap untuk membuktikan bahawa sekolah juga boleh menyediakan platform yang menyeronokkan untuk merealisasikan program PD di samping menjaga kemaslahatan guru.

Teh Tarik! Mengaplikasikan prinsip-prinsip penting daripada teori andragogi yang diperkenalkan oleh Malcome Knowles. Beliau menekankan bahawa golongan dewasa mempunyai rangsangan pembelajaran sendiri dan tanggungjawab dalam membuat keputusan (1975). Ini bermakna dalam melakarkan program pembelajaran bagi orang dewasa ia perlu memenuhi aspek asas tersebut. Teori andragogi mengemukakan empat prinsip berikut mengenai pembelajaran golongan dewasa (1984a).

**I.Pertama**, mereka perlu tahu sebab sesuatu perkara itu dipelajari. Ini bermakna mereka perlu terlibat dalam perancangan dan penilaian pembelajaran mereka. Licorish et. al. (2018) mendapati bahawa cara ini dapat mengukuhkan konsep-kendiri dalam pembelajaran (self-concept in learning).

**II.Kedua**, pembelajaran yang diraih perlu diaplikasikan . Pengalaman ini termasuk kesilapan yang pernah dilakukan boleh dijadikan asas kepada kegiatan pembelajaran. Kajian Pitt (2013) mengenai dengan pengalaman dalam pembelajaran mendapati bahawa pengalaman lalu dalam melakukan kegiatan yang menjadi fokus dalam sesi yang dihadiri juga dapat membantu pelajar dewasa kerana mereka dapat mengaitkan pengalaman tersebut dengan pembelajaran mereka.

**III.Ketiga**, mereka mengutamakan perkara yang relevan pada pekerjaan atau kehidupan mereka. Merriam & Bierema (2013) dalam mengaitkan teori dan praktis menjelaskan bahawa cara ini dapat melahirkan peluang berkongsi pembelajaran dengan mudah dan tepat (teachable moment) untuk mengukuhkan lagi kemahiran pelajar dewasa.

**IV. Keempat**, pembelajaran menjadi ideal sekiranya mempunyai nilai yang dapat dimanfaatkan segera dan relevan bagi mereka. Ini bermaksud arahan bagi orang dewasa dalam pembelajaran haruslah fokus pada proses. Domysheva dan Kopylova (2021) menekankan kepentingan untuk menyediakan kegiatan yang praktikal berdasarkan situasi hidup dan tanggungjawab dalam pekerjaan mereka. Knowles (1984b) juga menyarankan strategi mesra orang dewasa termasuk kajian kes, main peran, simulasi, dan penilaian-diri. Di sini pelatih atau penyampai kursus memainkan peranan fasilitator atau nara-sumber bukan pengajar.

---

## **PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU**

Program ini dikonseptualisasikan dan digerakkan oleh guru peneraju setelah membuat penilaian SWOT yang mendapati bahawa guru amat proaktif pada PD (kekuatan) tetapi menghadapi kekangan masa yang menjejaskan komitmen mereka untuk pembangunan dan menjaga kemaslahatan diri (kelemahan). Ini bermakna bahawa guru akan mengikuti program PD sekiranya terdapat platform yang memudahkan mereka untuk mengikutinya.

Seperti dalam prinsip andragogi, melalui program ini, guru dilibatkan dalam pembentukan, penyampaian dan penilaian program pembelajaran masing-masing. Guru sebagai pelajar dewasa diberikan kebebasan untuk meneroka pedagogi baharu atau wahana pembelajaran yang ingin digunakan dan mengaplikasikannya pada pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah atau mengikut peranan ataupun keperluan mereka di sekolah.

Guru peneraju juga menentukan lokasi yang sesuai dan kondusif bagi program ini dijalankan agar dapat memaksimumkan pengalaman pembelajaran guru. Hal ini memenuhi prinsip andragogi di mana guru perlu selesa dan bebas untuk melibatkan diri dalam kegiatan yang dijalankan. Maka, tempat yang digunakan ialah bilik istirahat guru (staff lounge) yang lapang dan selesa. Tempat ini didapati sesuai dengan konsep santai yang ditekankan dalam program ini.

Penentuan masa merupakan antara cabaran program ini jikalau guru yang pelbagai. Maka, sesi ini lazimnya diadakan pada sebelah petang mengikut keadaan jadual yang ada pada minggu tertentu. Sesi yang diadakan harus dapat memberikan peluang kepada lebih ramai guru untuk mengikutinya. Namun demikian, bagi mereka yang tidak dapat mengikutinya mereka boleh mengikuti rakaman sesi tersebut.

Selanjutnya, guru akan diberikan peluang untuk berkongsi mana-mana aspek pembangunan profesional melalui platform Teh Tarik!. dengan mendaftarkan kesediaan mereka untuk berkongsi. Guru peneraju bertindak selaku fasilitator yang akan melakukan pementoran dan membimbing guru dalam memastikan agar perkongsian yang dijalankan itu menepati matlamat program. Dalam hal ini, guru peneraju meluangkan masa untuk memberikan maklum balas yang spesifik, praktikal, bersesuaian dan selaras dengan keperluan sekolah dan juga kemaslahatan guru serta objektif program. Malah, dua perkongsian juga boleh digabungkan sekiranya dapat memaksimumkan impak pembelajaran profesional guru-guru dalam program ini. Perkongsian ini dijalankan setiap bulan pada setiap semester. Guru peneraju mengumpulkan data kelapangan guru-guru dan menyeleraskan perkongsian dalam sebuah jadual. Setelah menerima jadual tersebut, guru yang terlibat perlu menyediakan sinopsis ringkas dan bahan perkongsian masing-masing.. Rakaman bagi setiap sesi juga disediakan agar guru yang tidak dapat hadir boleh juga mengikutinya pada masa yang lebih sesuai dengan jadual mereka. Guru peneraju menekankan kepentingan konsep belajar bersama-sama dengan guru dan pentadbir sekolah dan pembangunan secara satu pasukan. Rakaman ini juga menjadi bahan dokumentasi bagi PD di sekolah.

Selain itu, program ini juga dipromosikan melalui emel dan juga poster yang diletakkan di beberapa lokasi strategik untuk mendapatkan perhatian guru-guru. Guru-guru akan mendaftar mengikut kesesuaian masa dan kepraktikalan pedagogi baharu atau wahana pembelajaran yang bakal dikongsi. Malah, mereka boleh juga turut serta tanpa mendaftar pada hari sesi tersebut dijalankan (walk-in). Fleksibiliti ini dapat memaksimumkan peluang guru untuk menjalani program pembelajaran profesional . Melalui fleksibiliti ini juga, Guru Peneraju dapat meneraju inovasi bersama-sama guru bagi membina kepakaran dan meneroka teknologi dan pedagogi terkini di Maktab Rendah St Andrew.

Semasa sesi dijalankan, guru peneraju memainkan peranan selaku fasilitator untuk menggalakkan perbincangan dan pemberian idea-idea yang boleh menyumbang kepada sesi tersebut. Namun demikian, peranan ini hanyalah kecil kerana lazimnya, guru-guru akan rancak berbincang kerana topik yang dikemukakan kerana ia menepati cita rasa mereka dan memberangsangkan. Hal ini juga dapat membantu guru-guru membina hubungan dan rangkaian pembelajaran profesional dengan satu sama lain. Guru Peneraju juga dapat meneraju Inovasi bersama-sama guru bagi membina kepakaran dan meneroka teknologi dan pedagogi terkini dalam PdP di bilik darjah.

Demi mengeratkan hubungan selain untuk tujuan dokumentasi, setiap sesi akan berakhir dengan pengambilan gambar kenang-kenangan beramai-beramai. Para peserta juga akan mengisi borang lapor balik ringkas melalui kod QR untuk mengiktiraf sumbangan guru yang berkongsi dan memberikan cadangan untuk sesi selanjutnya.

Antara perkongsian yang telah dijalankan termasuk pengenalan kepada perisian interaksi Classpoint, pemeriksaan kertas secara digital Softmark, organisasi bahan pengajaran di Google spaces,kebijakan buatan (AI) dalam PdP, pedagogi digital menggunakan permainan, pendekatan dalam membuat kajian, proses perancangan kerja dan membangunkan prestasi guru, pengalaman mengajar di luar negara, penjagaan kesihatan mental melalui meditasi, dan kesihatan otot dengan menggunakan kettle bell.

Putaran ini akan berlaku setiap bulan dalam usaha mengekalkan momentum guru untuk mengikuti sesi-sesi Teh Tarik! selanjutnya yang dirancang. Pada penghujung tahun, pengetua sekolah akan menyerahkan sijil kepada setiap guru yang membuat perkongsian sebagai tanda penghargaan atas sumbangan mereka terhadap pembangunan PD di sekolah.

---

## REFLEKSI

Program Teh Tarik! adalah berteraskan prinsip andragogi dan falsafah keseronokan dalam pembelajaran! (Joy of learning). Ia didapati berkesan dalam membina dan menggalakkan budaya PD/PL di Maktab Rendah St Andrew yang bukan hanya melibatkan penyertaan semua staf tetapi menyumbang kepada perancangan strategik sekolah khususnya dalam aspek pembangunan kognitif, kemahiran, dan penjagaan kemaslahatan guru. Ia juga mampu merapatkan jurang ilmu-minat-kemaslahatan dalam kalangan guru kerana guru-guru berkongsi pedagogi baharu atau wahana pembelajaran yang dianggap penting bagi guru-guru di Maktab Rendah St Andrew. Kini Teh Tarik! sering di bibir guru dan kepimpinan sekolah apabila mereka memerlukan platform perkongsian PD. Selain itu, guru-guru menyatakan keseronokan pembelajaran yang dialami dan ternyata ia dapat mengukuhkan hubungan sesama guru dan juga kakitangan yang lain di Maktab Rendah St Andrew.

Perkongsian bahan sama ada mudah ataupun kompleks dalam sesi yang santai dan menyeronokkan sebenarnya menggalakkan guru untuk sentiasa berfikir tentang pembangunan diri. Program ini juga telah menyediakan ruang yang selamat untuk guru belajar dan berkongsi dengan satu sama lain. Ia juga menjadi platform untuk guru membina keyakinan diri dan membuat persiapan untuk perkongsian di platform yang lebih besar seperti perkongsian pada peringkat kelompok, zonal atau nasional. Yang lebih penting, ia merupakan perkongsian ilmu oleh guru untuk guru sekali gus dapat membina budaya perkongsian ilmu dan kemahiran dalam sekolah.

Sungguhpun faktor masa menjadi antara cabaran utama dalam melaksanakan program ini, ia dapat membantu menggalakkan guru mengambil inisiatif untuk menerajui PD/PL masing-masing. Satu cara cabaran ini diatasi adalah dengan menjadikan sesi tersebut dinamik dan berubah-ubah mengikut situasi jadual kegiatan di sekolah. Ini telah dapat memudahkan guru untuk mengikuti sesi yang dirancang.

Teh Tarik! berjaya mencapai objektifnya dan berpotensi menjadi cara pembelajaran pada masa hadapan (future of learning) bagi guru. Program ini telah dianugerahkan dengan MOE Outstanding Contribution Award pada tahun 2023 dan dicalonkan bagi MOE Innergy Award 2024.

---

## RUJUKAN

Domysheva, S. & Kopylova, N. (2021). Overcoming non-linguistic barriers to effective speaking in Russian adult ESP classroom. *Vestnik of Samara University. History, pedagogics, philology*, 27(1), 87-94.

Knowles, M. (1975). *Self-Directed Learning*. Chicago: Follet.

Knowles, M. (1984a). *The Adult Learner: A Neglected Species (3rd Ed.)*. Houston: Gulf Publishing.

Knowles, M. (1984b). *Andragogy in Action*. San Francisco: Jossey-Bass.

Licorish, S. A., Owen, H. E., Daniel, B., & George, J. L. (2018). Students' perception of Kahoot!'s influence on teaching and learning. *Research and Practice in Technology Enhanced Learning*, 13(1), 1-23.

Merriam, S. B., & Bierema, L. L. (2013). *Adult learning: Linking theory and practice*. John Wiley & Sons.

Pitts, A. (2013). Learning from experience. *Nursing Standard*, 27 (39).

# POSTER PERBINCANGAN

GUG ← ① KONSEP



PROGRAM PEMBANGUNAN  
PROFESIONAL  
OLEH GURU UNTUK GURU

Dr Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz  
Maktab Rendah St Andrew's



VISION: A COSY & INTERACTIVE SPACE FOR  
PROFESSIONAL SHARING, LEARNING &  
GROWTH FOR TEACHERS BY TEACHERS.

② ISU

⇒ Guru kurang masa  
untuk ikuti PD  
di luar sekolah

③ IDEA

⇒ Membawa PD  
kepada guru.

④ KAJIAN

⇒ Analisis SWOT  
⇒ Guru Proaktif  
⇒ Guru tiada masa

⑦ DAPATAN

⇒ Suasana interaktif yang  
selamat, selesa dan riang  
dalam PD.

⑥ FAEDAH


⇒ Kebebasan untuk  
meneroka sambil  
belajar

⑤ REKABENTUK

⇒ Prinsip Androgogi  
⇒ Guru terlibat secara  
aktif.

# POSTER PERBINCANGAN

## PERANAN GURU PENERAJU



### ① EMPATI

- ⇒ Pemerhatian suasana PD
- ⇒ Perbuatan Santai
- ⇒ Dokumen PD Sekolah

### ② TAKRIF MASALAH

- ⇒ kenal pasti isu/masalah
- ⇒ kajian SWOT untuk kenal pasti kekuatan & kelemahan



# POSTER PERBINCANGAN

## PERANAN - GP



## ② PEMBENTUKAN IDEA

- ⇒ Penghibatan Guru
- ⇒ Prinsip Androgogi
  - membekas PD kepada guru!


## ④ PROTOTAIIP

- ⇒ Program
  - Bahan Perancangan
  - Platform
  - Masa
  - Promosi
  - Rakaman & Arkib
  - Penyelidikan



# POSTER PERBINCANGAN

## REFLEKSI



### TOPIC: CLASSPOINT AND SHARING OF USE OF PLD IN SECONDARY SCHOOL

- Very informal but serious teaching. Joy of learning.
- Practical sharing with demonstrations ... and TEH + food Abundance
- Interactive elements of Classpoint is presented very well. Experiential learning!
- Sharing of various Classpoint features with hands-on learning
- Classpoint can be used as an interactive tool during lessons. Students will be provide more ways of learning and we as teachers can also gather their feedback more effectively.
- It was a good start to learn how technology can be used to support T&L
- Informal sharings, live hands-on practice.
- Informative and useful
- Hearing about what sec schools are doing n using classpoint activities within presentation.

## ① INOVASI MEMUASKAN

- ⇒ Manfaat guru d staff sokongan.
- ⇒ Guru teruja.
- ⇒ Platform tetap
- ⇒ Budaya PD
- ⇒ Kemesteraan
- ⇒ Perkongsian menyekuruk

## ② Labaran

- ⇒ Masa
- ⇒ Ruang
- ⇒ Strategi



# MENGGUNAPAKAI MAKLUM BALAS, RUBRIK DAN KOMEN UNTUK BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH



**Ruhaizah Osman**  
Guru Kanan Bahasa Melayu  
Sekolah Rendah Seng Kang

---

## SINOPSIS

Program ini menerapkan pendekatan kolaboratif yang melibatkan penilaian sebagai pedagogi kritikal yang berpusatkan pelajar dalam pengajaran dan penilaian. Pelajar darjah 3 diharapkan dapat menggunakan rubrik dalam penulisan dan pertuturan. Pelajar juga diharapkan dapat memahami Kriteria Penilaian dengan lebih baik memandangkan penulisan karangan adalah sesuatu yang baharu bagi mereka disamping tahu akan ciri-ciri karangan yang baik. Cabaran yang dihadapi ialah menjadikan pelajar dapat menerima maklum balas yang diberikan dan guru perlu tahu selok-belok menjadikan maklum balas berguna (*Actionable Feedback*). Melalui program ini, guru diharapkan dapat membina kepakaran mereka dalam penilaian karangan dengan menjadikan maklum balas yang diberikan dapat membantu murid disamping mendorong pembangunan guru untuk memperbaiki proses pengajaran menulis dan membuat pembetulan dengan menyesuaikan rubrik mengikut profil pelajar yang mereka bimbing.

## PENGENALAN

Pelajar peringkat darjah 3 hingga 6 (Blok Pertengahan dan Atas) di Sekolah Rendah Seng Kang akan mula didedahkan pada penulisan karangan di dalam kelas. Guru mendapati pelajar kurang peka terhadap kepentingan dan keperluan menulis dengan baik. Jika guru tidak mengulang penerangan kriteria penulisan yang baik kepada pelajar, pelajar tidak akan tahu akan ciri-ciri karangan yang baik. Justeru itu, pendekatan pendekatan kolaboratif yang melibatkan penilaian menggunakan rubrik telah diguna pakai dalam proses ini.

Rubrik yang mempunyai kriteria yang jelas dan fokus dapat menghasilkan maklumat bermutu yang mencukupi (Brookhart & Chen, 2015) yang dapat membantu guru memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Rubrik-rubrik yang digunakan juga disunting agar pelajar dapat membina bersama (*co-create*) Kriteria Penilaian (*Assessment Criteria*) dengan guru. Dengan membina rubrik bersama, pelajar mungkin berpeluang untuk lebih menghayati keperluan aspek penilaian tersebut dan juga menyumbang suara mereka dalam proses penilaian (Fraile, Panadero, & Pardo, 2017).

Dalam proses ini, guru telah mengandaikan bahawa pelajar dapat memahami ciri-ciri karangan yang baik setelah latihan penulisan dan pembetulan dilakukan berulang kali sepanjang tahun. Proses yang berulang ini juga membantu pelajar memahami perkara yang perlu diambil kira untuk mencapai sesuatu tahap atau prestasi (Reddy & Andrade, 2010; Fraile, Panadero, & Pardo, 2017). Proses ini juga dimulakan pada awalnya dengan penulisan karangan bergambar. Unsur PBL (*Problem-Based Learning*) juga diterapkan dalam proses ini dengan pemilihan topik tertentu yang dekat dengan hati dan pengalaman pelajar.

### Objektif

Melalui pelaksanaan program ini, guru diharapkan dapat:

- membimbing pelajar-pelajar menulis karangan secara teratur dengan menggunakan rubrik yang sedia ada (Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*Student-Centred Teaching and Learning (SCL) approach*))
- membentuk Maklum balas Berpandu (*Actionable Feedback*) dengan menggunakan rubrik dan
- mengamalkan Proses Pembelajaran secara Aktif (*Active Learning Processes*) untuk memberikan pelajar motivasi dan keseronokan pembelajaran dalam PdP

Pelajar juga diharapkan dapat menjadi pelajar yang berdikari (*Self-directed Learners*) dengan menggunakan dan merujuk pada rubrik secara konsisten. Pelajar juga akan lebih peka terhadap penilaian sendiri yang mampu melibatkan pelajar dalam membuat pertimbangan tentang pembelajaran mereka sendiri, terutamanya tentang pencapaian mereka dan hasil pembelajaran mereka (Boud & Falchikov, 1989, m.s. 529)

Maklum balas dan penilaian dijadikan teras utama dalam pelaksanaan program ini kerana ia menjadi pemacu kelakonan pelajar dan ukur tara guru dalam membimbing pelajar. Jika tujuan penilaian dan maklum balas adalah untuk menambah baik pengajaran dan pembelajaran, maka ia seharusnya berkait rapat dengan tindakan susulan guru di dalam bilik darjah (Cross, 1988). Rubrik dan komen menjadi bimbingan objektif kepada guru untuk membentuk *Actionable Feedback (AF)* atau Maklum balas Berpandu. Sehubungan dengan itu, guru dapat memahirkan diri dengan langkah-langkah yang harus diambil oleh pelajar kerana AF merupakan salah satu komponen kritikal pengajaran dan pembelajaran (PdP).

---

## **PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU**

Di Sekolah Rendah Seng Kang, guru kanan memainkan peranan sebagai ketua pedagogi dengan mempelopori dan membuka jalan ke arah pengaplikasian pedagogi tradisional dan teknologi serta berkongsi dengan guru-guru lain di peringkat sekolah. Guru kanan telah mencuba dahulu sendiri pedagogi yang dipilih, dan melihat keberkesannya di dalam bilik darjah sebelum berkongsi di peringkat jabatan dan sekolah. Sebagai seorang ketua pedagogi juga, guru kanan telah mencuba sendiri ciri-ciri SLS dan aplikasi yang pernah digunakan dan tidak malu menyatakan keberkesannya secara jujur. Hal ini telah membantu guru kanan meneraju inovasi bersama-sama guru-guru bagi membina kepakaran dan meneroka teknologi dan pedagogi terkini dalam PdP di bilik darjah.

Guru Kanan mempunyai dua sahsiah: berani dan takut. Keberanian telah memberi semangat ingin mencuba dan sentiasa berkongsi kejayaan serta tidak malu menghadapi kegagalan. Perasaan takut pula telah membuat Guru Kanan lebih berhati-hati dan berwaspada dalam membuat perkongsian. Guru Kanan merupakan individu yang merendah diri, berisi dengan berkemahiran, pengetahuan dan kemampuan yang akan membantu sesiapa sahaja. Guru kanan dapat belajar bersama-sama dengan guru di Sekolah Rendah Seng Kang bagi pembangunan diri sebagai satu pasukan.

Pengurusan masa yang baik juga telah membolehkan Guru Kanan menyediakan bahan kajian kerana pihak sekolah sudah menyiapkan ruang berinteraksi. Nilai ini membawa keuntungan kepada Pentadbir Sekolah kerana sikap proaktif akan lahir dengan sendirinya. Sifat proaktif ini akan membantu perancangan dan pelaksanaan kalendar Pembangunan Profesional (PD) sekolah. Kemajuan PD bukan sahaja dalam lingkungan sekolah, malah Guru Kanan akan mencari lowongan untuk memajukan dan menggerakkan teman-teman sekerja di peringkat kluster dan sebagainya.

Bagi saya sebagai seorang ketua pedagogi, jika segan bertanya, sesat jalan. Maka itu membuat saya berfikir, salahkah sesat jalan? Salahkah segan bertanya? Jika tidak rasa bersalah yang tidak kena tempat, cuba sahajalah! Dahulu, dekad 70-90an, kita ambil falsafah "Just Do It". Sekarang, "Why Not?" Nampaknya, itulah falsafah kerja seorang Ketua Pedagogi. Guru-guru di sekolah menunggu dalam diam. Apakah pedagogi terbaru yang akan dikongsi? Ia memberi mereka momen Eureka! Saat 'Ahha!' itu mahal kerana mereka dapat memberi penambahbaikan apabila kita berbincang untuk memperhalusi dapatan atau mencari jalan keluar masalah yang difikirkan. Sekiranya tiada jalan penyelesaian ditemui, sekurang-kurangnya ada perbincangan yang dilakukan.

Masalah lazim yang seringkali berlaku ialah ketidakberanian, rasa sangsi, faktor masa dan keselesaan untuk tidak ingin mencuba. Jika ingin melihat kejayaan, Guru Kananlah yang seharusnya ke hadapan dahulu. Sokongan akan hadir dalam pelbagai bentuk, bergantung kepada tanggapan projek itu sama ada membawa keuntungan kepada pihak sekolah atau tidak.

Penggunaan rubrik, maklum balas dan komen dapat dilihat sebagai gabungan yang dapat membantu pelajar- kerana guru-guru sudah biasa menggunakannya. Perkara yang boleh dipelajari adalah menjadikan penanda-penanda aras ini difahami oleh pelajar-, dan bukan sekadar berhenti setelah pemarkahan selesai.

---

## RUJUKAN

Brookhart, S. M., & Chen, F. (2015). The quality and effectiveness of descriptive rubrics. *Educational Review*, 67(3), 343-368.

Cross, K. P. (1988). *Feedback in the Classroom: Making Assessment Matter*. AAHE Assessment Forum, American Association for Higher Education, One Dupont Circle, Suite 600, Washington, DC 20036.

Fraile, J., Panadero, E., & Pardo, R. (2017). Co-creating rubrics: The effects on self-regulated learning, self-efficacy and performance of establishing assessment criteria with students. *Studies in Educational Evaluation*, 53, 69-76.

Reddy, Y. M., & Andrade, H. (2010). A review of rubric use in higher education. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 35(4), 435-448. <http://doi.org/10.1080/02602930902862859>

# POSTER PERBINCANGAN



## OBJEKTIF PROJEK

- 01**

Menunjukkan peranan dan hubung kait **maklum balas**, **rubrik** dan **komen** untuk penulisan karangan.
- 02**

Menggunakan pedagogi **Pembelajaran Berpusatkan Murid** untuk penulisan dengan berkesan.
- 03**

Menyentuh, mendalami dan mengulang **Kriteria kejayaan** agar penerangan guru dapat diikuti.



# POSTER PERBINCANGAN

## PERANAN KETUA PEDAGOGI (KP)

### FILO-FIRST IN LAST OUT

Menjadi pelopor, pembuka jalan pedagogi tradisional dan teknologi, pembuka taruhan, penerima kesan dan pengongsi kejayaan dan/atau kegagalan kepada pedagogi yang diterokainya

### BERDWI SAHSIAH

*berani dan takut*  
**Berani** : mahu mencuba dan sentiasa mengongsi kejayaan tetapi tidak malu menghadapi kegagalan.

**Takut** : membuat Guru Kanan berhati-hati dan fikirkan langkah-langkah keselamatan

### PROAKTIF

Menjadi pembekal bahan penyediaan dan bahan kajian untuk mengisi ruang berinteraksi. Sifat proaktif membantu perancangan dan pelaksanaan PD

## PERANAN KETUA PEDAGOGI (KP)

### FILO-FIRST IN LAST OUT



## RUBRIK YANG DISUNTING UNTUK 2024

Rubrik Kartas 1 Tarikh & Kool Tugasan KT No Indeks MTL

Indeks	1	2	3	4	5
1	1	2	3	4	5
2	1	2	3	4	5
3	1	2	3	4	5
4	1	2	3	4	5
5	1	2	3	4	5
6	1	2	3	4	5
7	1	2	3	4	5
8	1	2	3	4	5
9	1	2	3	4	5
10	1	2	3	4	5
11	1	2	3	4	5
12	1	2	3	4	5
13	1	2	3	4	5
14	1	2	3	4	5
15	1	2	3	4	5
16	1	2	3	4	5
17	1	2	3	4	5
18	1	2	3	4	5
19	1	2	3	4	5
20	1	2	3	4	5
21	1	2	3	4	5
22	1	2	3	4	5
23	1	2	3	4	5
24	1	2	3	4	5
25	1	2	3	4	5
26	1	2	3	4	5
27	1	2	3	4	5
28	1	2	3	4	5
29	1	2	3	4	5
30	1	2	3	4	5
31	1	2	3	4	5
32	1	2	3	4	5
33	1	2	3	4	5
34	1	2	3	4	5
35	1	2	3	4	5
36	1	2	3	4	5
37	1	2	3	4	5
38	1	2	3	4	5
39	1	2	3	4	5
40	1	2	3	4	5
41	1	2	3	4	5
42	1	2	3	4	5
43	1	2	3	4	5
44	1	2	3	4	5
45	1	2	3	4	5
46	1	2	3	4	5
47	1	2	3	4	5
48	1	2	3	4	5
49	1	2	3	4	5
50	1	2	3	4	5
51	1	2	3	4	5
52	1	2	3	4	5
53	1	2	3	4	5
54	1	2	3	4	5
55	1	2	3	4	5
56	1	2	3	4	5
57	1	2	3	4	5
58	1	2	3	4	5
59	1	2	3	4	5
60	1	2	3	4	5
61	1	2	3	4	5
62	1	2	3	4	5
63	1	2	3	4	5
64	1	2	3	4	5
65	1	2	3	4	5
66	1	2	3	4	5
67	1	2	3	4	5
68	1	2	3	4	5
69	1	2	3	4	5
70	1	2	3	4	5
71	1	2	3	4	5
72	1	2	3	4	5
73	1	2	3	4	5
74	1	2	3	4	5
75	1	2	3	4	5
76	1	2	3	4	5
77	1	2	3	4	5
78	1	2	3	4	5
79	1	2	3	4	5
80	1	2	3	4	5
81	1	2	3	4	5
82	1	2	3	4	5
83	1	2	3	4	5
84	1	2	3	4	5
85	1	2	3	4	5
86	1	2	3	4	5
87	1	2	3	4	5
88	1	2	3	4	5
89	1	2	3	4	5
90	1	2	3	4	5
91	1	2	3	4	5
92	1	2	3	4	5
93	1	2	3	4	5
94	1	2	3	4	5
95	1	2	3	4	5
96	1	2	3	4	5
97	1	2	3	4	5
98	1	2	3	4	5
99	1	2	3	4	5
100	1	2	3	4	5

- Mesra murid
- Membentuk rutin
- Berstruktur dan relevan

Kekata kunci diterjemah kepada bahasa Inggeris

# POSTER PERBINCANGAN

## PERANAN KETUA PEDAGOGI (KP)

BERDWI SAHSIAH



Rubrik dijelaskan

membantu pembelajaran sendiri

### Kotak markah Bacaan




### BACAAN KUAT

Markah	Cemerlang (Excellent)	Kepujian (Merit)	Baik (Good)	Bederhana (Normal)	Lemah (Poor)
Kejelasan dan Kejelasan (pronunciation and clarity) (5 marks)	• berbicara dengan baik dan jelas (speak clear and clearly)	• berbicara jelas tetapi ada sedikit kekeliruan (speak clearly but with some mistakes)	• banyak kekeliruan dalam berbicara (speak with many mistakes)	• berbicara kurang jelas (speak unclear)	• berbicara tidak jelas dan sukar untuk difahami (speak unclear and difficult to understand)
Kelancaran dan Gaya (smooth and stylish) (5 marks)	• ucapan amat lancar (speak very smoothly)	• ucapan lancar (speak smoothly)	• ucapan agak lancar (speak smoothly)	• ucapan teragak-agak (speak hesitantly)	• ucapan teragak-agak dan banyak kekeliruan (speak hesitantly and with many mistakes)

## PERANAN KETUA PEDAGOGI (KP)

BERDWI SAHSIAH



Rubrik dijelaskan

membantu pembelajaran sendiri

### Perbualan



### LISAN- PERBUALAN

Markah	5	4	3	2	1
Isi (Content) (5 marks)	• petak dan terangkan semua (2 relevant points that student can use from own experience)	• agak petak dan semua (2 relevant points with enough examples to make your story believable)	• mencukupi dan agak semua (2 relevant points with some examples)	• agak tidak mencukupi dan kurang semua (insufficient points and not suitable to describe)	• tidak mencukupi dan tidak semua (insufficient and not enough as responses)
Respons (Response) (5 marks)	• jelas dan respons sangat jelas dan lancar (able to explain confidently on your own)	• dapat berikan respons dengan keyakinan yang mudah (able to explain and give examples)	• dapat berikan respons seboleh-bolehnya (able to explain and give examples)	• dapat berikan sedikit respons seboleh-bolehnya (able to explain and give examples)	• hampir tidak respons (unable to explain and give examples)

# POSTER PERBINCANGAN

## PERANAN KETUA PEDAGOGI (KP)

PROAKTIF



## PERANAN KETUA PEDAGOGI (KP)

PROAKTIF




Komen dan Maklum balas disertakan

1

2

3

4



9) NURALYANA	8 FATH	✓	28/11/23	23) HARFIZ
10) BETH	8 FATH	✓	28/11/23	24) KARRI
11) JOHAN	8 HOPE	✓	28/11/23	24) ZIKI
12) BUHAZRIZMAN	8 HOPE	✓	28/11/23	
13) CHLOE	8 HOPE	✓	28/11/23	

*Kelompok*  
 Keluaran menggunakan dengan label yang sesuai  
 dan yang terdapat di dalam folder yang  
 sudah disediakan. Pastikan dan pastikan terdapat  
 label yang sesuai di dalam folder.

Perhatikan penggunaan label gambar di dalam folder yang  
 sudah disediakan. Pastikan dan pastikan terdapat  
 label yang sesuai di dalam folder. Pastikan dan pastikan  
 terdapat label yang sesuai di dalam folder.

# POSTER PERBINCANGAN



**REFLEKSI SEORANG KP**

**RUTIN & SOALAN LAZIM**

- malu bertanya sesat jalan
- ayuh lakukannya!
- apa salahnya ?
- rumuskan
- cari & guna bukti
- melihat tren
- membaca artikel cendekiawan

## REFLEKSI SEORANG KP

Guru-guru sepasukan tertanya-tanya. Apakah pedagogi terbaru yang dikongsi? Apabila soalan terjawab, diharap timbullah momen Eureka!

Saat 'Ahha!' itu mahal kerana mereka dapat memberi penambahbaikan atau mencari jalan keluar bagi masalah yang difikirkan. Sekiranya jalan penyelesaian belum ditemui, sekurang-kurangnya perbincangan telah dilakukan.

Jika ingin melihat kejayaan dan kemajuan, Guru Kanan ke hadapan dahulu. Sokongan akan hadir dalam berbagai bentuk, bergantung kepada kemampuan kita untuk mendukung projek itu.

Penggunaan rubrik, maklum balas dan komen, dilihat sebagai satu set bantuan untuk murid-murid menulis karangan. Apa yang ingin dicapai ialah set ini menjadi penanda-penanda aras yang difahami oleh murid-murid. Catatan guru adalah pembuka jalan kepada Maklumbalas Berpandu.

Guru-guru harus konfiden kerana mereka sentiasa berdamping dengan 3 elemen itu.



# MEMPERKASA PEMBELAJARAN KENDIRI MELALUI PROGRAM BACAAN INTENSIF DIGITAL



**Mohd Zaki Bin Hashim**  
Guru Kanan Bahasa Melayu  
Sekolah Rendah North Vista

## SINOPSIS

Program Bacaan Intensif Digital merupakan satu pendekatan inovatif yang dijalankan di Sekolah Rendah North Vista untuk meningkatkan kemahiran membaca, terutama dalam kalangan pelajar yang belum dapat menguasai kemahiran membaca sepenuhnya. Program ini memanfaatkan fitur interaktif dalam PowerPoint untuk memenuhi gaya pembelajaran murid yang pelbagai dan juga menggalakkan pembelajaran sendiri. Guru-guru Bahasa Melayu telah memainkan peranan penting dalam proses menyediakan pandangan dan konsep, pedagogi dan pembinaan bahan. Program ini diterajui guru kanan Bahasa Melayu. Ibu bapa yang terlibat pula bertindak sebagai fasilitator kepada pembelajaran pelajar di rumah. Cabaran utama program ini ialah meyakinkan ibu bapa agar terlibat secara aktif di rumah dengan menyediakan kemudahan seperti komputer agar pelajar dapat melakukan pembelajaran secara sendiri. Namun, perkara ini mampu diatasi dengan memuatnaikkan pakej Bacaan Intensif Digital ini ke SLS agar guru dapat menjalankannya di kelas dan kemajuan pelajar dapat dipantau dengan berkesan. Ini membentuk satu usaha bersama guru dan ibu bapa pelajar.

# PENGENALAN

## Rasional Program

Program Bacaan Intensif Digital dilaksanakan berujuan menangani cabaran berterusan yang berkaitan dengan kadar literasi yang rendah dan kemahiran membaca yang lemah dalam kalangan kumpulan pelajar tertentu. Ini merupakan halangan besar kepada kejayaan akademik pelajar secara keseluruhan. Lantaran itu, untuk memperbaiki kecekapan membaca dalam kalangan pembaca yang lemah ini, penyelesaian berbentuk program yang sesuai dan berkesan harus segera dibina.

## Minat Kumpulan Guru

Kumpulan guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah North Vista telah menggunakan pendekatan yang komprehensif untuk mengenal pasti masalah dan punca akar masalah lemah membaca. Kami menyelidiki dengan mendalam akan punca masalah ini dengan mengenal pasti halangan-halangnya dan mencadangkan intervensi yang mampu membantu pelajar. Kami menganalisis punca masalah untuk mengenal pasti isu-isu asas yang menyumbang kepada kelemahan membaca. Melalui pendekatan pelbagai aspek ini, kumpulan kami memperoleh pandangan berharga tentang sifat kompleks masalah ini dan keperluan pembelajaran sekumpulan pelajar.

Program Bacaan Intensif Digital ini merupakan satu program yang inovatif serta berani kerana perbezaannya yang ketara dengan pendekatan konvensional untuk meningkatkan literasi dalam kalangan pelajar. Berbeza dengan kaedah konvensional yang sering bergantung pada buku atau petikan teks, program ini memanfaatkan teknologi terkini dalam bentuk slaid interaktif PowerPoint untuk meningkatkan literasi dalam kalangan murid yang lemah membaca.

## Objektif perkongsian

Objektif perkongsian kali ini, tertumpu kepada keunikan Program Bacaan Intensif Digital. Fokus utama terletak kepada penggunaan butang perkataan yang boleh diklik yang dimasukkan ke dalam slaid. Setiap satu perkataan dihubungkan dengan sebutan bunyi yang dirakam. Pelajar, terutamanya mereka yang mempunyai kemahiran membaca yang lemah, boleh melibatkan diri secara aktif dalam pengalaman pembelajaran sendiri dengan mengklik butang ini untuk mendengar sebutan perkataan yang betul. Pendekatan yang kami sifatkan sebagai inovatif ini mengubah proses pembelajaran menjadi pengalaman yang lebih dinamik dan berbilang sensori, sekaligus berupaya untuk menangani keperluan pelbagai pelajar yang berbeza.

Tambahan pula, penekanan program ini tertumpu kepada aspek pembelajaran sendiri. Ini berbeza jika dibandingkan dengan model pembelajaran yang berpusatkan guru. Dengan memberi autonomi kepada pelajar untuk mengemudi kandungan bacaan mengikut tahap kesediaan dan kemampuan mereka sendiri, ini dapat memupuk rasa tanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Faktor ini penting dalam memenuhi gaya dan kelancaran pembelajaran yang pelbagai dan memastikan bahawa semua pelajar dapat mencapai kemajuan berdasarkan keperluan dan keupayaan unik mereka.

## **Kajian Lepas**

Dalam satu kajian Jamshidifarsani, H., Garbaya, S., Lim, T., Blazevic, P., & Ritchie, J. M. (2019) yang bertajuk, "*Technology-based reading intervention programs for elementary grades: An analytical review*", mendapati penggabungan teknologi ke dalam intervensi pengajaran boleh membawa beberapa manfaat. Pertama sekali, dengan cara belajar dalam persekitaran digital yang menyeronokkan dan menarik, ini boleh meningkatkan motivasi pelajar, yang seterusnya boleh meningkatkan penerimaan, tumpuan, dan juga ketekunan dalam melaksanakan tugas-tugas pembelajaran (Malouf, 1988; Papastergiou, 2009).

Manfaat kedua adalah keupayaan arahan berasaskan teknologi untuk mengurangkan beban kognitif, serta meningkatkan pengekalan bahan pembelajaran (Mayer & Moreno, 2010; T. C.; Williams & Zahed, 1996; Ricci, Salas, & Cannon-bowers, 1996).

Ketiga, cara ini boleh menyediakan bimbingan peribadi dan adaptif yang hanya memerlukan sedikit atau tiada penglibatan pengajar sama sekali. Ini sangat bermanfaat apabila tidak terdapat sumber manusia yang mencukupi (Andreev, Terzieva, & Kademova-Katzarova, 2009; Athanaselis, Bakamidis, Dologlou, Argyriou, & Symvonis, 2014).

Akhir sekali, tanpa menghadkan masa seorang pengajar, ini membolehkan pengguna mencapai tahap penguasaan dengan membenarkan mereka berlatih mengikut kadar mereka sendiri (Corbett, 2001). Dalam erti kata lain, ini mendorong pelajar mempertingkatkan kemahiran belajar secara sendiri yang amat ditekankan oleh pihak kementerian pendidikan.

---

# PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU

## a) Pengkonsepsian, Pembangunan, dan Pelaksanaan

Program Bacaan Intensif Digital lahir daripada usaha kolaboratif yang didorong oleh komitmen untuk menangani masalah kemahiran membaca yang lemah dalam kalangan pelajar. Kumpulan ini diterajui oleh Guru Kanan. Usaha pertama bermula dengan menganalisis punca masalah ini dengan menilai pengajaran guru di kelas dan melakukan pemerhatian anekdot. Pemahaman yang menyeluruh ini menyumbang kepada pengkonsepsian program intervensi yang berkesan dan inovatif.

Langkah untuk meneroka intervensi inovatif ini timbul daripada keputusan untuk menggabungkan teknologi dalam program bacaan intensif konvensional. Kami yakin bahawa dengan menggunakan slaid interaktif PowerPoint, yang disertai dengan sebutan bunyi yang dirakam, ia boleh merubah pengalaman pembelajaran pelajar yang terlibat. Cabarannya, ada dalam kalangan anggota yang kurang yakin dalam mengintegrasikan teknologi dalam pendidikan. Namun, semangat berani untuk mencuba dan didorong keyakinan yang kuat bahawa pendekatan yang berani ini diperlukan untuk memutuskan kitaran kemahiran membaca yang lemah daripada pelajar.

Pelajaran yang diperoleh daripada pengalaman terdahulu, baik kejayaan mahupun kegagalan, telah memainkan peranan yang penting dalam membentuk Program Bacaan Intensif Digital ini. Pandangan yang diperoleh daripada pelaksanaan percubaan intervensi literasi konvensional sebelum ini menekankan kepentingan inovasi. Kisah kejayaan dari inisiatif teknologi pendidikan lain memberikan kami inspirasi dan pelajaran berharga mengenai kepentingan penglibatan aktif pengguna program ini. Kumpulan kami menggunakan pengalaman sebelumnya untuk mengelakkan potensi masalah yang akan timbul. Kami juga memperhalusi reka bentuk program dan memastikan agar ia selaras dengan cabaran dan peluang unik dalam landskap literasi.

Pelaksanaan program ini melibatkan ujian dan penambahbaikan yang berulang kali. Peningkatan berterusan adalah matlamat utama. Kumpulan kami telah menunjukkan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan segera dalam menangani isu yang timbul semasa fasa pelaksanaan. Proses ini telah menyumbang kepada evolusi dan kejayaan akhir program ini.

## b) Keperluan Pengguna dan Pemegang Taruh

Kumpulan kami sering mengutamakan keperluan pengguna iaitu kumpulan pelajar sasaran yang lemah membaca. Reka bentuk program dibangunkan bagi memastikan keperluan unik pembaca yang lemah dapat dicapai. Dengan memberi tumpuan kepada keperluan pengguna, kumpulan kami bertujuan memupuk penglibatan mereka yang aktif dalam bacaan dan hal ini diharapkan dapat memberikan keberkesanan yang lebih besar dalam pembelajaran mereka.



Pembangunan Program Bacaan Intensif Digital adalah usaha kolaboratif yang melibatkan pelbagai pemegang taruh. Guru memainkan peranan penting dalam memberikan pandangan pedagogi dan pertimbangan praktikal untuk diintegrasikan dalam kelas. Ibu bapa yang terlibat di rumah pula bertindak sebagai fasilitator kepada pembelajaran pelajar.

Usaha kolaboratif ini tidak terhad pada fasa pembangunan sahaja tetapi berterusan ke peringkat pelaksanaan dan penskalaan. Maklum balas dengan pengguna akhir telah membolehkan peningkatan yang berterusan pada program ini. Pendekatan kolaboratif dan inklusif ini memainkan peranan yang penting dalam membina program intervensi yang bukan sahaja memenuhi keperluan pengguna tetapi juga mendapat sokongan daripada pelajar. Dengan sokongan ibu bapa dan pelajar, kesinambungan dan keberkesanan pada program ini mampu diraih.

---

## REFLEKSI

### a) Refleksi sebagai Ketua Pedagogi

Sebagai ketua pedagogi, Program Bacaan Intensif Digital Bahasa Melayu ini telah memberikan pelbagai pengalaman, baik dan buruk. Dari sudut kelebihan, program ini telah meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran kerana pendekatan digital yang interaktif dan menarik. Pelajar dapat belajar mengikut kadar mereka sendiri, mendengar sebutan yang betul, dan memperbaiki kemahiran membaca mereka dengan lebih efektif. Ini juga telah mengurangkan cabaran guru dalam memberikan perhatian perseorangan kepada setiap pelajar kerana teknologi mengambil alih sebahagian daripada peranan tersebut.

Dari sudut kekurangannya pula terdapat cabaran dalam memastikan semua pelajar mempunyai akses kepada alat digital yang diperlukan terutama di rumah. Tidak semua ibu bapa mampu menyediakan komputer atau tablet di rumah, menyebabkan ketidaksamaan dalam akses pembelajaran. Selain itu, terdapat juga kesukaran dalam membimbing murid dan ibu bapa untuk menggunakan teknologi dengan betul, terutamanya mereka yang kurang celik teknologi.

### b) Impak kepada Guru-Guru di Sekolah

Impak positif program ini kepada guru-guru di sekolah antaranya termasuklah peningkatan kemahiran digital mereka dalam membina pakej bacaan intensif digital. Guru-guru perlu belajar menggunakan teknologi baharu dan mengintegrasikannya ke dalam pengajaran harian mereka, yang memperkayakan kemahiran profesional mereka. Program ini juga membantu guru memahami keperluan pelajar yang berbeza dan menyesuaikan strategi pengajaran dengan lebih baik.

### **c) Penambahan Nilai Pembangunan Pedagogi Guru di Sekolah**

Pedagogi yang dilaksanakan melalui Program Bacaan Intensif Digital ini telah menambah nilai pembangunan pedagogi guru di sekolah dengan memberi mereka peluang untuk bereksperimen dengan kaedah pengajaran baharu dan interaktif. Guru-guru juga menjadi lebih inovatif dan kreatif dalam menyediakan bahan pembelajaran yang sesuai dengan era digital. Ini memperkukuh keyakinan dan kemahiran mereka dalam mengendalikan kelas yang berasaskan teknologi.

### **d) Cabaran sebagai Ketua Pedagogi**

Sebagai ketua pedagogi, cabaran utama adalah untuk memastikan semua guru dan pelajar dapat mengikuti dan mengadaptasi teknologi baharu ini. Menghadapi kekangan sumber, seperti kekurangan peralatan digital dan internet yang tidak stabil di rumah, adalah antara cabaran terbesar bagi murid yang ingin melakukan pembelajaran sendiri ini di rumah. Selain itu, melatih guru-guru dan meyakinkan mereka tentang keberkesanan program ini juga memerlukan usaha yang gigih. Kepimpinan dan kesabaran merupakan kunci dalam menangani pelbagai reaksi dan kesediaan guru terhadap perubahan.

---

## **PENUTUP**

Status terkini program ini boleh dikatakan masih memerlukan penambahbaikan. Walaupun terdapat peningkatan yang ketara dalam kemahiran membaca dalam kalangan pelajar dan penglibatan guru dalam penggunaan teknologi, masih ada kekangan yang perlu diatasi. Keperluan untuk memastikan akses yang sama rata kepada semua pelajar terutama di rumah dan latihan yang lebih intensif untuk guru-guru adalah penting. Penambahbaikan berterusan diperlukan untuk mencapai objektif program sepenuhnya dan memastikan keberkesanan yang berterusan.


## RUJUKAN

- Abraham, L. B. (2008). Computer-mediated glosses in second language reading comprehension and vocabulary learning: A meta-analysis. *Computer Assisted Language Learning*, 21(3), 199–226. <https://doi.org/10.1080/09588220802090246>
- Adams, D. M., Mayer, R. E., MacNamara, A., Koenig, A., & Wainess, R. (2012). Narrative games for learning: Testing the discovery and narrative hypotheses. *Journal of Educational Psychology*, 104(1), 235–249. <https://doi.org/10.1037/a0025595>
- Andreev, R., Terzieva, V., & Kademova-Katzarova, P. (2009). An approach to development of personalized e-learning environment for dyslexic pupils' acquisition of reading competence. *Proceedings of the International Conference on Computer Systems and Technologies and Workshop for PhD Students in Computing*. <https://doi.org/10.1145/1731740.1731829>
- Athanaselis, T., Bakamidis, S., Dologlou, I., Argyriou, E. N., & Symvonis, A. (2012). Making assistive reading tools user friendly: A new platform for Greek dyslexic students empowered by Automatic Speech recognition. *Multimedia Tools and Applications*, 68(3), 681–699. <https://doi.org/10.1007/s11042-012-1073-5>
- Blomert, L., & Froyen, D. (2010). Multi-sensory learning and learning to read. *International Journal of Psychophysiology*, 77(3), 195–204. <https://doi.org/10.1016/j.ijpsycho.2010.06.025>
- Denckla, M. B., & Rudel, R. (1974). Rapid “automatized” naming of pictured objects, colors, letters and numbers by normal children. *Cortex*, 10(2), 186–202. [https://doi.org/10.1016/s0010-9452\(74\)80009-2](https://doi.org/10.1016/s0010-9452(74)80009-2)
- Ecalte, J., Kleinsz, N., & Magnan, A. (2013). Computer-assisted learning in young poor readers: The effect of grapho-syllabic training on the development of word reading and reading comprehension. *Computers in Human Behavior*, 29(4), 1368–1376. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2013.01.041>
- Jamshidifarsani, H., Garbaya, S., Lim, T., Blazevic, P., & Ritchie, J. M. (2019). Technology-based reading intervention programs for elementary grades: An analytical review. *Computers & Education*, 128, 427–451. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2018.10.003>
- LaBerge, D., & Samuels, S. J. (1974). Toward a theory of automatic information processing in reading. *Cognitive Psychology*, 6(2), 293–323. [https://doi.org/10.1016/0010-0285\(74\)90015-2](https://doi.org/10.1016/0010-0285(74)90015-2)
- Philip C. Abrami, Larysa Lysenko, & Eugene Borokhovski. (2019). Author Response for “the Effects of Abracadabra on Reading Outcomes: An Updated Meta-analysis and Landscape Review of Applied Field Research.” <https://doi.org/10.1111/jcal.12417/v2/response1>

# POSTER PERBINCANGAN

{Pengenalan}

Mengapakah PBI diperkenalkan?



Δ untuk menangani cabaran kadar literasi yg rendah dlm

Kalangan murid2 tertentu



Cikgu Mohd Zaki

Sekolah Rendah North Vista

## Program Bacaan Intensif Digital

Kajian: "Technology based reading intervention programs for elementary grades: An analytical review."

faedah

1. ↑kan motivasi murid  
→ ↑kan penerimaan, tumpuan  
\* ketekunan
2. mengurangkan beban kognitif pd pajar serta ↑kan pengekekapan bahan p belajaran

faedah

## POSTER PERBINCANGAN

faedah

3. bfungsi sbg bimbingan peribadi & adaptif yg memerlukan sedikit @ tiada plibatan pengajar

faedah

4. Murid blatih mikut kadar keselesaan mereka  
→ ↑ pbelajaran sendiri



### Peranan Ketua Pedagogi

1. P konsepsian, Pembangunan & Pelaksanaan
  - m analisis punca masalah
  - m cari intervensi inovatif


2. m e n e t a i p b i n a a n p a k e j  
P B I D

- m a j a r & m e n u n j u k c a r a  
p b i n a a n P B I D d g n m e m a n f a k t a  
b u t a n s e b u t a n d a l a m P P T.

# Refleksi

1. Impak pd guru
  - ↑kan kemahiran digital dlm mbina pakej
  - belajar teknologi baharu & m'integrasi dlm pengajaran

## Cabaran

- Kekangan Sumber, cth kekurangan peralatan digital & internet yg stabil di rumah.  dimuatnaikkan di SLS spydpt dijalankan di kelas.





# PAKEJ PEMBELAJARAN SIMPULAN BAHASA & NILAI MELALUI APLIKASI LAMAN WEB, PIXTON



**Mohd Saidali Bin Ali**  
Guru Kanan, Bahasa Melayu  
Sekolah Rendah Sembawang

---

## SINOPSIS



Pelajar berpendapat pembelajaran simpulan bahasa dan nilai membosankan. Ini disebabkan pelajar tidak dapat melihat kerelevanannya kerana dianggap abstrak. Ini menjejaskan semangat dan keberkesanan guru di dalam mengajar topik ini. Pakej ini terhasil dengan tujuan merangsang minat dan meningkatkan motivasi pelajar untuk mempelajari simpulan bahasa dan nilai. Pendekatan yang bersifat konstruktivisme ini telah mendorong pelajar-pelajar menghasilkan satu komik berdasarkan pengetahuan serta pengalaman mereka. Dengan itu, apa yang dianggap abstrak pada mulanya, kini difahami kerana pelajar-pelajar dapat menghubungkan komik mereka dengan pengalaman seharian mereka. Pada mulanya, guru-guru dapati sukar untuk menggunakan aplikasi Pixton namun setelah dibimbing, perubahan dapat dilihat pada minat pelajar. Guru terangsang untuk mencubanya malah yakin untuk menjadikannya program tetap tahunan untuk Dwiminggu Bahasa Ibunda. Lanjutan daripada ini, guru-guru telah menggunakan aplikasi ini untuk pengajaran lisan, bacaan dan karangan. Ternyata, pakej ini telah berjaya mengubah persepsi guru dan juga pelajar-pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran simpulan Bahasa dan nilai.

# PENGENALAN

Keinginan untuk membuat perkongsian ini tercetus setelah meneliti keberkesanan di dalam meningkatkan minat pelajar-pelajar untuk mempelajari simpulan bahasa dan nilai melalui komik. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pelajar-pelajar yang melalui pakej ini, semua responden pelajar menyatakan bahawa mereka berasa seronok belajar melalui komik dan jumlah yang sama juga berpendapat bahawa ini merupakan suatu pendekatan yang amat kreatif. Seramai 73.5 peratus pula yakin bahawa mereka dapat menggunakan komik untuk pembelajaran subjek yang lain. Sekaligus, ini telah mengubah persepsi guru-guru dan pelajar-pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa dan nilai. Ini juga merupakan suatu inisiatif yang telah diperkenalkan oleh ketua pedagogi kepada Jabatan Bahasa Ibunda. Inisiatif ini mendapat sokongan padu daripada ketiga-tiga bahasa di dalam Jabatan Bahasa Ibunda.

## 1. Objektif perkongsian

Tujuan perkongsian ini adalah untuk membantu guru-guru yang mungkin melalui pengalaman mencabar yang serupa di dalam pengajaran simpulan bahasa dan nilai. Sememangnya, simpulan bahasa merupakan satu komponen bahasa yang agak abstrak bagi pelajar-pelajar terutama di sekolah rendah. Mungkin dengan cara ini, situasi akan berubah. Ingin juga diperlihatkan kepada guru-guru dalam perkongsian ini, bagaimana pengajaran ini dapat dijadikan satu pakej pengajaran dengan disisipkan nilai-nilai tambahan agar pelajar-pelajar bukan sahaja terasa seronok untuk mencubanya malah berupaya mengekspresikan pemahaman mereka secara kreatif.

## 2. Kajian lepas yang menyokong perkongsian:

Idea ini tercetus setelah guru kanan menghadiri majlis taklimat Peraduan Kartunis Cilik yang dianjurkan oleh Sekolah Rendah White Sands pada tahun 2021. Terlanjur pula beberapa tahun sebelum itu, Sekolah Rendah Sembawang telah mempraktikkan teori Kecerdasan Pelbagai (MI) sebagai amalan utama di sekolah di mana teori ini menjelaskan bahawa setiap orang mempunyai cara yang tersendiri dan unik untuk menyelesaikan suatu persoalan atau masalah (Laurie Kagan, 2000). Di sini, dua bentuk kecerdasan yang menonjol ialah kecerdasan visual ruang dan verbal linguistik.

Di dalam buku hasil kajian Patti Drapeau yang berjudul 'Sparkling Student Creativity', beliau menjelaskan bahawa melalui strategi Visual-Lukis-Menulis (Pearson, 1997), seorang pelajar itu akan lebih memahami sesuatu perkara daripada langsung dimulakan dengan penulisan (Drapeau, 2014)

---

## **PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU**

Di dalam salah satu mesyuarat reviu Jabatan Bahasa Ibunda, guru kanan telah mengetengahkan masalah pembelajaran simpulan bahasa dalam kalangan -pelajar. Kemudian, guru kanan telah menyarankan suatu pendekatan yang dapat mengubah persepsi mereka. Saranan tersebut telah mendapat sokongan daripada ketiga-tiga bahasa yang mempunyai masalah yang serupa. Para guru bersetuju bahawa perlu ada tindakan yang dapat mengatasi masalah ini. Maka, guru kanan telah mencadangkan idea menggunakan komik sebagai pengenalan kepada pelajaran yang dimaksudkan dengan tujuan menimbulkan minat dalam kalangan pelajar. Kemudian, guru kanan juga telah menjelaskan manfaat lain yang boleh diperolehi daripada aktiviti ini. Sebelum itu ini, guru kanan telah menjalankan ujicuba dengan pelajar-pelajar Bahasa Melayu Darjah 4 dengan menggunakan versi Pixton yang percuma. Setelah menjalankan beberapa pengajaran, barulah guru kanan telah menunjukkan kepada guru-guru hasil pengajaran dan kesannya kepada pelajar-pelajar. Dari situ, saya sedari beberapa guru mulai menunjukkan minat untuk mencubanya. Hal ini telah menggalakkan guru kanan agar meneraju inovasi bersama-sama guru bagi membina kepakaran dan meneroka teknologi dan pedagogi terkini.

Kumpulan guru pertama yang mencuba inovasi ini ialah guru-guru Bahasa Ibunda Darjah 4. Guru kanan telah mengadakan sesi untuk menunjukkan kepada guru-guru bagaimana untuk menggunakan Pixton untuk menghasilkan komik. Pasukan pertama bekerja secara harmoni dan saling membantu antara satu sama lain sehinggalah akhirnya, telah dapat menghasilkan sebuah e-buku komik yang terdiri daripada tiga bahasa ibunda. Sepanjang tempoh ini, Ketua Jabatan Bahasa Ibunda dan Ketua Subjek Bahasa Melayu saya sedari akan timbulnya minat dalam kalangan guru dan pelajar dalam menggunakan Pixton lalu mencadangkan membuat peruntukan bajet untuk melanggan Pixton di mana dengan langganan ini, lebih banyak pelajar dan guru akan dapat memanfaatkannya. Menyedari akan kebaikan aplikasi ini, Ketua Jabatan langsung mencadangkan agar aplikasi menjadi sebahagian daripada program Dwiminggu Bahasa Ibunda di Sekolah Rendah Sembawang. Ini telah dapat memastikan agar guru kanan dapat belajar bersama-sama dengan guru-guru lain bagi pembangunan diri dan belajar sebagai satu pasukan.

Justeru, setelah mendapat persetujuan kedua-dua ketua, maka guru kanan telah membuat rangka kerja pakej sepanjang dua minggu di mana pelajar-pelajar tidak hanya belajar cara membuat komik malah mempelajari juga kemahiran-kemahiran lain yang berkaitan dengannya. Dengan menggunakan pakej ini, guru-guru berjaya menghasilkan e-buku yang kedua. Demi menambah baik pakej ini, maklum balas guru-guru dan pelajar-pelajar boleh didapatkan melalui padlet dan fail excel.

Melalui Padlet juga, pelajar-pelajar dapat menyampaikan refleksi mengenai pengalaman menggunakan Pixton untuk membuat komik. Akhirnya, pakej ini menjadi program tahunan tetap Dwiminggu Bahasa Ibunda. Pada setiap tahun, setiap kohort Darjah 4 dan guru-guru yang menjalankan pakej ini sewaktu Dwiminggu Bahasa Ibunda memberikan maklum balas yang positif mengenai pengalaman mereka dan bagaimana ia telah membantu mereka memahami simpulan bahasa dengan lebih baik lagi. Di antara cadangan yang telah diguna pakai sebagai penambahbaikan adalah dengan menyisipkan unsur nilai di dalam komik pelajar-pelajar.

Pada tahun 2020, pasukan ini telah menghantarkan pakej ini untuk 'MOE Innergy Award' dan telah dianugerahkan dengan 'kepujian' bagi usaha ini.

---

## REFLEKSI

Sebagai guru yang memperkenalkan dan kemudian, menerajui penggunaan pakej ini, saya dapati penerimaan guru pada mulanya agak kurang memuaskan. Ini berkemungkinan mereka kurang yakin dengan penggunaan aplikasi ini. Setelah dibimbing serta menunjukkan dapatan daripada pelajar-pelajar yang membuktikan betapa seronoknya pendekatan ini, guru-guru mulai berjinak-jinak dengan aplikasi ini dan kemudiannya, terangsang untuk mencubanya bersama pelajar-pelajar mereka. Ada juga guru bahasa lain yang mulai menggunakannya di dalam pengajaran karangan dan lisan.

Tujuan utama pakej ini adalah untuk menarik minat pelajar-pelajar untuk belajar simpulan bahasa dan nilai dengan cara yang seronok dan kreatif. Pada pendapat saya, tujuan utama pakej ini tercapai jika berdasarkan maklum balas daripada pelajar-pelajar. Cabaran seterusnya adalah untuk guru mengambil kesempatan minat pelajar yang terangsang dengan mengajarkan simpulan bahasa dan nilai dengan lebih mendalam tanpa hilang keseronokan yang dikecapi pelajar-pelajar pada awalnya. Dari sinilah timbul masalah di mana kami memerlukan usaha penambahbaikannya.

---

## RUJUKAN

Abbas Mohd Shariff. (2012). *Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa*. Alfa Media.

Drapeau, P. (2014). *Sparking student creativity: Practical ways to promote innovative thinking and problem solving*. ASCD.

George M. Jacobs, Gan Siowk Lee & Jessica Ball. (1997). *Cooperative Learning, A Sourcebook of Lesson Plans for Teacher Education*. Kagan Cooperative Learning, San Clemente, CA.


Kagan, L. (2000). Multiple intelligences: structures and activities. (No Title).

*Sparking student creativity: Practical ways to promote innovative thinking and problem solving*. ASCD. (n.d.). <https://www.ascd.org/books/sparking-student-creativity?chapter=intentional-creativity-fostering-student-creativity-from-potential-to-performance>

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu: Sekolah Rendah 2015 / *Curriculum Planning & Development Division, Ministry of Education, Singapore*. (2014). Curriculum Planning and Development Division, Ministry of Education.

Tomlinson, C. A. (2017). *How to differentiate instruction in academically diverse classrooms*. ASCD, Alexandria, Virginia USA.

## POSTER PERBINCANGAN



# POSTER PERBINCANGAN

## Pengenalan

### Permasalahan

- Pembelajaran → membosankan
- Kerelevanan dipersoalkan
- Komponen → abstrak
- ↓ Semangat & keberkesanan mengajar



### Penyelesaian

Memperkenalkan pembelajaran melalui komik.

### Kesan Positif

- Mengekspresikan pemahaman → kreatif
- Komik → kerelevanan Simpulan Bahasa.
- Suasana menyenangkan → Semangat belajar
- 3P: pemikiran, penciptaan & penulisan
- Fitur-fitur → penjanaaan idea
- Hubungan Visual-Verbal



# POSTER PERBINCANGAN

JADUAL DAN ARAHAN DI DALAM BAHASA INGGERIS UNTUK KEGUNAAN  
KETIGA-TIGA JABATAN BAHASA IBUNDA

SEMBAWANG PRIMARY SCHOOL  
2024 MT Fortnight  
P4 Comic Creation  
Activities & Timeline

## T2W1 (Week 1, 18 – 22 March)

No	Term/Week	Activity
1	18 March	<p>1) As a class, promote Comic Creation event by showing pupils previous years' work via <b>Sembawang Buzz</b>. Below is the sequence how you can access the comic:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- SBPS Website</li> <li>- Quick link</li> <li>- For Student</li> <li>- Sembawang Buzz</li> <li>- Home</li> <li>- (in padlet) select '2023'</li> <li>- Scroll down till 'P4 MTL Comic Creation Project'</li> <li>- Click on that then find '2023 P4 MT Comic' amongst pupils' feedback.</li> </ul> <p>2) Engage in discussion with pupils. Some point of engagement can include:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Reading some of the comments by 2023 pupils</li> <li>- Looking at the comics created.                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a) what are the focus? (ie – idioms/proverbs &amp; values. Can ask pupils to identify some of the idioms and values from some of the comics )</li> <li>b) any strength</li> <li>c) any AFG (improvements)</li> </ol> </li> </ul> <p>3) Discuss this year's own dept. writing strategy for comic creation (based on <b>own dept approaches</b>. Eg. for ML, Using of <b>AMP</b> in writing comic scripts)</p>
2	19 March	<p>1) <b>Ppt Presentation 1 (no voiceover)</b> (Sharing Folder – MT Fortnight, No 2) – Objective and Characteristics of a good comic</p>

6	26 – 28 March	<p>1) Please book the comp lab or ipad for your practices prior to this week.</p> <p>2) You can inform them that they can do on their own from home after this session.</p> <p><b>Deadline for pupils' submission: 7 April 2023 (Friday)</b></p>
7	29 March (1period)	<p><b>Reflection</b> – please inform pupils on the reflection in SLS (I will create simple reflection document in SLS and share with all teachers)</p> <p><b>Feedback</b> – we will not do immediate feedback for staff as MT will have their own MT Fortnight feedback after the whole event. However, do think of strength &amp; AFGs for the feedback.</p>

## Post-MT Fortnight Schedule for e-Book

8	T2W5	<p>Own language MT Teachers are to come together to vet and select pupils' work and put onto the template which will be provided (product – template)</p> <p><b>Selection - 10 pieces per language from Pixton</b></p> <p>Only <b>10 best entries from Pixton</b> (per language) will be selected for e-Book.</p> <p>Please use the given template and refer to the sample (product – sample) as a reference. (Sharing Folder – MT Fortnight, No 7 &amp; 8)</p>
9	T2W7	<p>To submit your collated pupils' work to me (one rep per dept. please)</p> <p>I will convert all work in PDF after editing</p>
10	e-Book Creation	<p>Using 'Online PDF Combiner', I will then combine all work in PDF form to create a simple e-book.</p> <p>With Padlet created in <b>Sembawang Buzz</b>, I will upload the e-book.</p> <p>All P4 Teacher are to guide your pupils to visit 'Sembawang Buzz' and take a look at the e-book. Then, they can leave their comments in the padlet created.</p>

Thank you for your commitment, hardwork and cooperation.

Cikgu Mohd Saidali  
IC, P4 Comic-creation  
Updated – 15 March 2024

# ANNUAL ACTIVITIES





		<p>2) <b>Ppt Presentation 2 (no voiceover)</b> (Sharing Folder – MT Fortnight, No 3) Steps to create an interesting comic</p> <p>3) Teacher will <b>distribute notes</b> to pupils based on today's 2 presentations. (Sharing Folder – MT Fortnight, No 4)</p> <p>Remind pupils to bring the following for tomorrow's activity:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- MOE idioms / proverbs list (if available)</li> <li>- colouring materials</li> </ul>
3	20 March	<p>1) Planning – allow pupils sometime to think of the <b>idioms/proverbs</b> and the <b>values</b> they would like to use for their comics</p> <p>2) Hands-on Activity: Hardcopy Version Teacher to show a good example (Sharing Folder – MT Fortnight, No 5) Teacher to provide each pupil with a template (Sharing Folder – MT Fortnight, No 6)</p> <p><b>Note</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Remind pupils the need to have <b>idioms/proverbs</b> and the <b>values</b> in their comics.</li> <li>b) Show samples to pupils (can retrieve from sites)</li> <li>c) To use department writing strategy for script-writing</li> </ol>
3	21 March	<p>1) Pupils to submit their comic artwork</p> <p>2) Teachers can select some of their artwork to share with the other pupils in class. (the do's and don'ts)</p>
4	22 March	<p>1) Teacher to <b>introduce &amp; demo Pixton</b> to pupils in class.</p> <p><b>Note:</b> Please ensure that you are already logged-in with Pixton and familiar with the application</p>
<p><b>Prior to 2<sup>nd</sup> Week activities:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i) Create pupils' log-in ID</li> <li>ii) Please book your ipads or Comp Labs in advance.</li> </ol>		
<p><b>T2W2 (Week 2, 25 – 29 March)</b></p>		
5	25 March	<p>1) Teacher to show each pupil's log-in ID before this session</p> <p>2) Teacher can show some sample by Pixton (ie – revisit Sembawang Buzz)</p> <p>3) Guide pupils to Pixton in creating comics</p>






# POSTER PERBINCANGAN

## Avatar



## POSTER PERBINCANGAN





# MENINGKATKAN PENEROKAAN DAN PERBINCANGAN SASTERA MELALUI PEMBELAJARAN AUTENTIK



**Noorlizasabariah Ramli**  
Guru Kanan  
Sekolah Menengah Anderson

## SINOPSIS

Pembelajaran Autentik merupakan pendekatan pembelajaran yang memberi peluang dan kesempatan untuk pelajar meneroka, mengkaji, berbincang serta memahami konsep-konsep dengan menjalinkannya dengan isu-isu semasa seperti isu sosial, moral dan ekonomi. Pendekatan ini membolehkan guru menentukan kerangka isu yang berkaitan dengan sajak atau cerpen dan menjadi pemudah cara dengan menimbulkan soalan-soalan pemikiran beraras tinggi untuk menjana pemikiran kritis pelajar dan merangsang perasaan ingin tahu pelajar. Cabaran yang dihadapi guru pada awalnya adalah membina keyakinan pelajar untuk berbincang secara terbuka tentang isu-isu yang diketengahkan dalam karya dan memberikan rasional yang tepat serta sahih dengan mengaitkan dengan isu-isu semasa serta teori-teori sastera yang berkaitan. Selain daripada itu, program ini membina keyakinan guru untuk tidak terus memberi jawapan dan bersifat kritikal akan pemikiran serta pandangan pelajar. Guru menjadi konsisten dengan bertanyakan soalan-soalan yang menyokong pemahaman dan pertimbangan pelajar. Melalui kaedah ini, guru mahir dalam membina sikap berdikari dalam pembelajaran dan membina pemahaman pelajar.

## PENGENALAN

Pembelajaran abad ke-21 memerlukan pelajar dilengkapkan dengan kemahiran dan kecekapan abad ke-21 agar mereka dapat bersaing dan sejajar dengan perkembangan zaman. Pelajar-pelajar bukan sahaja perlu menguasai pemikiran kritis, adaptif, dan daya mencipta semula malah harus mahir berkomunikasi dan berkolaborasi. Selain itu, pelajar-pelajar harus juga mengenali kaitan antara apa yang dipelajari di dalam kelas dan diketengahkan dalam pembelajaran di bilik darjah. Dalam hal ini, pelajar perlu mengenal kaitan antara teks sastera dengan isu-isu semasa yang berlaku di luar bilik darjah. Melalui perkaitan ini, tidaklah pelajar melihat apa yang dipelajari itu terpisah dengan kehidupan mereka serta isu-isu yang bakal mereka lewati kelak seperti masalah jati diri seperti yang dipaparkan dalam cerpen 'Sambal Goreng Mak' atau sajak 'Anakku' dan kepentingan berdaya bingkas seperti dalam karya 'Bintang 12' dan 'Kepada pohon tak bernama'. Melalui sastera, pelajar dapat mengaitkan tema dan persoalan yang ditimbulkan dengan kehidupan harian mereka atau apa yang bakal mereka lalui kelak. Matlamat ini pasti akan tercapai melalui pembelajaran autentik. Dalam pembelajaran autentik, guru boleh mereka cipta pembelajaran dengan menerapkan elemen kolaborasi, renungan, kajian pelbagai sumber serta perspektif dan sebagainya. Pelajar pula boleh sahaja berbahas, main peran, membuat reviu dan sebagainya untuk memaparkan pengetahuan serta mengaitkan apa yang telah dipelajari dengan isu-isu semasa.

### Objektif perkongsian

Perkongsian ini bertujuan untuk mengetengahkan keberkesanan pembelajaran autentik dalam membina keyakinan:

- pelajar untuk membincangkan isu-isu yang diketengahkan dalam sesebuah karya sastera dan
- guru untuk tidak terus memberi jawapan dan bersifat kritikal akan pemikiran serta pandangan pelajar.

Pembelajaran autentik dipilih untuk diketengahkan dengan harapan ia dapat mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Pembelajaran melalui amalan (*Learning by doing*) umumnya dianggap sebagai cara yang paling berkesan untuk belajar (Lombardi, & Oblinger, 2007). Melalui pembelajaran autentik, pelajar diharapkan dapat membina keyakinan diri dan lebih berdikari untuk meneroka dengan lebih lanjut topik dan kandungan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang telah dilalui. Guru pula diharapkan dapat menjadi lebih yakin bertindak sebagai fasilitator dengan mengetengahkan penyualan dalam membimbing perbincangan pemikiran kritis dan analisis pelajar.

## PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU

Melalui projek PLC, perbincangan dan peningkatan guru-guru terlaksana bersama dengan bimbingan guru kanan. Guru-guru dijemput melakukan pemantauan kelas ketika pengajaran dijalankan agar dapat belajar daripada satu sama lain. Setiap guru pasti ada kekuatan ketika mengajar namun dengan pemerhatian guru lain, pengajaran dapat diperkasakan dengan maklum balas dan saranan guru-guru yang memerhati. Yang penting, guru dapat memberikan pandangan profesional mereka semasa memberikan maklum balas. Ini sudah pasti membuka ruang pembelajaran profesional mereka. Keterbukaan untuk belajar daripada satu sama lain tidak sahaja membangun kemahiran guru malah menajamkan lagi kepakaran guru kanan juga.

PLC ini juga membuka ruang dan peluang bagi guru kanan berkongsi pedagogi dan juga aplikasi yang boleh dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembinaan perwatakan pelajar. Selain itu, guru-guru lain juga digalakkan berkongsi tentang apa-apa kursus dan pengetahuan yang diketahui. Ini untuk menggalakkan inisiatif untuk belajar daripada satu sama lain, baik perkara yang membanggakan atau kesilapan yang telah berlaku. Amalan belajar bersama-sama dengan guru-guru lain ini dapat memupuk semangat pembangunan diri sebagai satu pasukan di Sekolah Menengah Anderson.

Bagi guru-guru yang baru mengajar subjek Sastera, guru akan merujuk kepada guru kanan dan guru kanan akan berkongsibahan pengajaran serta nota untuk meningkatkan keyakinan guru serta kemampuan pelajar. Sebagai ketua pendagogi, guru kanan menjadi pembimbing dan juga narasumber bagi guru-guru baharu dengan menyediakan sumber seperti bahan bacaan, artikel dan rujukan lainnya untuk diteliti dan dirujuk para guru. Guru baharu akan digandingkan dengan lagi seorang guru baharu dalam pengajaran Sastera agar mereka dapat berbincang dan saling memberi sokongan kepada satu sama lain. Guru kanan akan bersua dengan guru-guru dan bertanya akan perkembangan mereka. Guru kanan juga akan menjemput guru untuk memantau pengajarannya agar guru baharu boleh belajar daripada pengalaman itu serta memberi maklum balas kepada guru kanan. Justeru, guru kanan juga selaku ketua pedagogi meluangkan masa memberikan maklum balas yang spesifik, praktikal dan tepat pada masanya secara kerap dan konsisten dalam berkolaborasi dengan guru-guru di sekolah. Guru kanan juga akan memasuki kelas guru baharu untuk memberi maklum balas agar keyakinan guru baharu dapat diperkasakan.

## REFLEKSI

Sebagai guru kanan yang mengamalkan pembelajaran autentik, saya dapat melihat bagaimana pembelajaran sedemikian membina keyakinan pelajar dan membuat pelajar lebih berdaya untuk mengetahui lebih lanjut tentang apa yang telah dipelajari. Pelajar-pelajar juga berasa teruja ketika pembelajaran dan pengajaran. Tambahan, DI (*Differentiated Instruction*) atau Pengajaran Pembezaan juga dapat diterapkan dengan mengagihkan pelbagai peranan kepada pelajar-pelajar mengikut kemahiran dan kecekapan masing-masing. Contohnya, dalam perbincangan, pelajar yang mahir akan menjadi pengadil dan merumuskan isi-isi teman serta memberi maklum balas akan isi serta bukti yang diketengahkan. Kolaborasi di antara pelajar dapat ditingkatkan di mana pelajar yang cemerlang dapat membantu pelajar yang lemah dan ini sebenarnya, merangsang kerjasama dan membasmi perasaan persaingan serta malu akan menyerlahkan kelemahan pelajar. Selain itu, pelajar lebih berfikiran terbuka dan dapat menikmati pengajaran serta pembelajaran kerana ia membina pemahaman kaitan antara dunia akademik dengan dunia luar.

Guru-guru pula didapati lebih terbuka dan yakin melaksanakan kaedah yang lebih tertumpu kepada pelajar. Pelajar diberikan kebebasan dan keyakinan untuk berbincang dan mengetengahkan apa yang difikirkan dalam kelas tanpa bimbang. Guru lebih yakin menjadi fasilitator dan mengetengahkan soalan-soalan Socratic dalam perbincangan Socratic untuk membimbing pemikiran kritikal dan analisis pelajar. Keterbukaan pemikiran dan sikap guru untuk belajar daripada satu sama lain juga membuat guru merasakan bahawa mereka tidak dihakimi malah mengubah pemikiran bahawa perbuatan memantau adalah untuk memperbaiki satu sama lain.

Pembelajaran autentik semakin berkembang terutama melalui Penilaian Alternatif (*Alternative Assessment*). Daripada laporan berita yang dimulakan pada 2019, kini sudah berkembang kepada laporan berita bagi menengah satu, Iklan Tik Tok bagi menengah dua dan podcast bagi menengah tiga pada tahun 2024. Saranan-saranan ini juga dihasilkan oleh guru-guru dalam usaha menyelaraskan apa yang dipelajari dengan minat pelajar serta apa yang popular pada zaman kini. Objektif tercapai kerana apa yang diajarkan direlevankan dengan kehidupan harian zaman kini serta minat pelajar. Pelajar amat teruja melaksanakan AA kerana mereka dapat lihat kerelevanannya dalam kehidupan mereka. Tambahan, pelajar-pelajar juga terangsang memberikan yang terbaik apabila melihat penyampaian teman-teman yang lain. Justeru, ini membina keupayaan pelajar untuk sentiasa berusaha memberi yang terbaik dan meningkatkan kemahiran diri.

---

## RUJUKAN

Framework for 21st century competencies and student desired outcomes –... | download scientific diagram. (n.d.-a).

[https://www.researchgate.net/figure/Framework-for-21st-Century-Competencies-and-Student-Desired-Outcomes-Singapore-Ministry\\_fig1\\_305790449](https://www.researchgate.net/figure/Framework-for-21st-Century-Competencies-and-Student-Desired-Outcomes-Singapore-Ministry_fig1_305790449)

Lombardi, M. M., & Oblinger, D. G. (2007). Authentic learning for the 21st century: An overview. *Educause learning initiative*, 1(2007), 1-12.

Staff, N. R. C., Donovan, M. S., & Bransford, J. (1999). *How people learn: Bridging research and practice*. National Academies Press.

# POSTER PERBINCANGAN



## Apakah itu?

Pendekatan Pedagogi yang membolehkan pelajar **Meneroka**, **Berbincang** dan **Memahami** konsep dan hubungan dalam konteks yang berkaitan dengan dunia nyata.

**Pembelajaran Autentik**

Authentic Learning

## Bagaimanakah?

## Mengapakah perlu?

- Merangsang arah sendiri
- Penyumbang yang aktif
- Membina pemikiran kritikal, adaptif dan daya cipta
- Mengasah Kecekapan Abad ke-21 (21st CC Competencies)

Kaitan dengan dunia sebenar  
Real World Relevance  
**Masalah yang terbuka**  
Ill-Defined Problem  
**Penyiasatan**  
Investigation  
**Pelbagai perspektif & Sumber**  
Multiple Sources & Perspectives  
**Kolaboratif**  
Collaboration  
**Renungan**  
Reflection  
**Merentasi Disiplin Subjek**  
Interdisciplinary Perspective  
**Penilaian Bersepadu**  
Integrated Assessment  
**Produk Diperhalus**  
Polished Product  
**Tafsiran & Hasil yang pelbagai**  
Multiple Interpretation & Outcome



# POSTER PERBINCANGAN

## Perkongsian 1

Apakah yang Cikgu lakukan untuk Penilaian Alternatif di sekolah Cikgu?



Saranan untuk mengubah Projek Penilaian Alternatif daripada video lisan kepada penyampaian berita. Tajuk berita pula terbuka kepada apa-apa yang ingin diterokai pelajar asalkan ada kaitan dengan budaya.

### Projek Penilaian Alternatif 2020



Contoh Projek AA  
3BML 2020



### Mengapakah Berita?


- Berkaitan dengan realiti semasa seperti penyampaian bacaan dalam peperiksaan dan kepentingan pengetahuan am.
- Membincangkan tentang isu-isu semasa yang merentas disiplin subjek
- Membentuk kerjasama & Kolaborasi pelajar
- Mengkaji pelbagai sumber dan perspektif untuk menghasilkan berita yang baik
- Penghasilan hasil yang pelbagai

Saya muat naikkan ke Youtube dan kongsi dengan guru-guru lain dalam unit saya.

# POSTER PERBINCANGAN

## Perkongsian 2

Apakah yang Cikgu lakukan untuk Projek PLC di sekolah Cikgu?



Perbincangan dengan guru

Pemantauan pengajaran

**Projek PLC 2023**  
Memperkasa kemahiran berfikir dan menulis karangan ekspositori bagi pelajar-pelajar 3NA & 3NT SBB (Pemikiran Struktural kepada Pemikiran Kreatif dan Pembelajaran secara Koperatif kepada Pembelajaran Secara Kolaboratif)

**Projek PLC (Professional Learning Community) 2023**

Membuka perspektif dan membina keyakinan guru dengan menggalakkan Pembelajaran secara Kolaboratif melalui pemerhatian kelas subjek lain

Mengenal pasti minat dan kaedah yang disukai pelajar serta keselesaan guru

Menggunakan video sebagai perangsang Artikel suratkhabar/ bahan bacaan program bacaan Tajuk Pengangkutan awam Jiran Baik Aktiviti Taman Kepentingan air

Kelas Sejarah oleh Mr Don Eu Mengasah pemikiran dan pembelajaran berdikari melalui pendekatan Dialogik

Sekolah Menengah Anderson  
Bahasa Melayu Normal Akademik  
Meninggih Tiga

Nama: Ukha  
Kelas: 3A

Tema: Ukha

Apakah jenis muzik yang didengar oleh orang muda pada masa kini? (terangkan)

Kata Kunci: Ukha

Imej Bujukan:

Alasan: Ukha

Persekitaran: Ukha

Persekitaran (2): Ukha

**KEHENDAK SOALAN**

Masukan Maklumat: Ukha

Social Pendekatan: Ukha

Ekonomi: Ukha

Budaya: Ukha

Keluarga: Ukha

Publik: Ukha

Masyarakat: Ukha



# POSTER PERBINCANGAN

## Perkongsian 3

Adakah sekolah Cikgu mengadakan 'Open Classroom' agar guru dapat belajar daripada satu sama lain dan saling memperbaiki pengajaran?



### Pemantauan Kelas Sastera oleh Guru NIE & Guru Anderson

Cerpen 'Pahlawan Panggung' oleh Suratman Markasan

#### Elemen Pembelajaran Autentik

- Berkaitan dengan dunia sebenar (Perkelahian antara Tuah dan Jebat, Ketaatan kepada Sultan/ Guru
- Pelbagai Sumber dan perspektif
- Kolaboratif
- Renungan

#### Bahan Pengajaran

Cerpen & Filem 'Hang Jebat'

## Open Classroom/ Kelas Terbuka 2024

### Pasca- pengajaran

Dialog bersama guru pelatih dari NIE

- Soalan-soalan tentang kaedah dan bahan yang digunakan
- Saranan guru-guru dan respon guru kanan
- Apakah yang disukai dalam pengajaran?
- Tips-Tips mengajar dan melaksanakan pengajaran Sastera yang berkesan dan bermanfaat kepada pelajar

**Berani  
Berbincang  
Terbuka  
Hormat Perbezaan  
Pertimbangan**



*Orang yang pesimistik selalu melihat kesulitan dalam setiap kesempatan tetapi orang yang optimistik selalu melihat kesempatan dalam kesulitan.*

**Ali Bin Abi Thalib**

# POSTER PERBINCANGAN

## Refleksi



**Kesan terhadap Pelajar**  
 Pelajar lebih seronok belajar bahasa dan budaya Melayu ketika Program Dwiminggu Bahasa.  
 90% pelajar menghadiri Program Dwiminggu Bahasa  
 100% pelajar melengkapkan Projek Penilaian Alternatif Mutu projek semakin berkualiti.  
 Pelajar lebih yakin merenung setelah menonton projek kumpulan lain dan berkoar ingin memperbaiki prestasi pada masa akan datang.  
 Jalinan hubungan antara pelajar daripada aliran yang berbeza.

## Pembelajaran Autentik




**Kesan terhadap Diri**  
 Lebih teruja mendalami Pembelajaran Autentik dan mula membaca tentang Penilaian Autentik.  
 Meningkatkan keyakinan untuk berkongsi dan membimbing guru.  
 Bersemangat untuk menyemarakkan keyakinan serta pembelajaran aktif dalam kalangan pelajar serta guru.



**Kesan terhadap Guru**  
 Membina keyakinan guru dalam menyarankan idea-idea untuk meningkatkan pembelajaran autentik.  
 Meningkatkan keyakinan guru untuk mengajar Sastera Melayu.  
 Mengubah persepsi guru bahawa pemantauan kelas adalah untuk pembelajaran dan peningkatan bersama.  
 Merapatkan hubungan guru dengan pelajar apabila guru lebih mempercayai pelajar dalam pembelajaran kolaboratif dan pembelajaran sendiri.





# PENERAPAN RUTIN BERFIKIR DALAM PELAJARAN KEFAHAMAN MEMBACA



**Makhfadzah bte Abu Bakar**  
Guru Kanan  
Sekolah Rendah Naval Base

## SINOPSIS

Rutin berfikir Ayat-Frasa-Perkataan/AFP (*Sentence-Phrase-Word/SPW*) telah digunakan untuk menyokong pelajar dalam pelajaran kefahaman maembaca. Cabaran yang dihadapi guru ialah pelajar mempunyai tahap kemahiran yang berbeza-beza, tahap kesediaan, profil, dan minat mereka juga berbeza. Guru pula memerlukan masa untuk melakukan modeling dan menggunakan strategi berfikir secara lantang (*think aloud strategy*) agar pelajar dapat mencontohi guru melakukan rutin MTV-AFP.

Walau bagaimanapun, guru mendapati setelah menjadi rutin, pelajar lebih melibatkan diri secara aktif dalam pelajaran kefahaman jika berbanding dahulu. Guru pula mendapati pelajar lebih tekun dalam pembacaan teks dan mengenal pasti isi-isi penting. Penerapan rutin ini turut mendorong guru menjadi lebih reflektif dalam pengajaran mereka dan lebih fokus dengan memberikan tumpuan kepada tujuan pembelajaran pelajar secara mendalam. Pelibatan guru secara aktif dalam mesyuarat mingguan PLT menjadikan guru bersungguh-sungguh melaksanakan AFP/SPW dengan berkesan.

## PENGENALAN

Berdasarkan pengamatan guru, pelajar-pelajar terlalu bergantung kepada guru untuk memahami teks yang dibaca. Pelajar mengalami kesukaran memahami teks disebabkan keterbatasan kosa kata. Namun, hal ini tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak berusaha memahami teks yang dibaca. Satu cara untuk membantu pelajar memahami apa yang dibaca adalah dengan mengajar mereka satu rutin berfikir (*thinking routine*) yang dapat menjadikan pemikiran mereka jelas (MTV). Pelajar akan lebih terpandu setiap kali membaca teks kerana mereka harus berfikir dengan lebih kritis dan mendalam apabila membaca sesebuah teks. Pelajar lazimnya terburu-buru membaca teks untuk menjawab soalan-soalan pemahaman sebelum memahami teks dengan menyeluruh.

Maka, rutin berfikir AFP telah dipilih dengan harapan dapat membantu pelajar untuk membaca teks dengan teliti dan mengenal pasti isi-isi penting di dalam teks. Rutin ini dapat membantu meningkatkan tahap keyakinan diri dan usaha pelajar untuk memahami teks yang dibaca. Menurut Ritchhard dan Perkins (2008), di dalam bilik darjah di mana MTV dilaksanakan, pelajar cenderung untuk mengungkapkan proses pemikiran mereka dengan terbuka. Mereka berasa selamat untuk mengambil risiko, berkongsi pendapat dan bertanya soalan. Mentelah, mereka gemar memberikan dan menerima maklum balas serta mengkritik penerangan orang lain. Mereka dapat berfikir secara mendalam dan lebih kritikal terhadap pemikiran sendiri. Satu cara untuk memastikan pembelajaran lebih bermakna adalah dengan memberikan peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pembelajaran (rutin) baharu secara langsung, dalam persekitaran yang selamat dan disokong (Fisher dan Frey, 2008). Menurut Shanahan (2017), pengajaran kefahaman membaca yang berkesan harus melibatkan pelbagai strategi dan aktiviti yang boleh diadaptasikan kepada pelbagai teks dan memenuhi keperluan pelajar.

Strategi AFP untuk pelajar Darjah 3 hingga 5 bertujuan untuk meningkatkan kefahaman membaca pelajar. Selain itu, strategi ini dilaksanakan atas tujuan meningkatkan kesedaran pada diri pelajar tentang pembacaan yang lebih aktif sewaktu membaca dan sekaligus memperdalam pemahaman mereka tentang sesuatu teks yang dibaca.

Berdasarkan hasil penilaian pelajar pada tahun lepas, Pemahaman merupakan komponen yang paling mencabar bagi pelajar-pelajar merentas peringkat darjah 3 hingga 6. Oleh sebab rata-rata pelajar di Sekolah Rendah Naval Base didapati kurang minat membaca, mereka tiada ketabahan dan kesungguhan untuk membaca keseluruhan teks apatah lagi berusahamemahaminya. Keterbatasan kosa kata terus menjadi hambatan, dan ini ditambahkan lagi dengan ketiadaan rutin tertentu sewaktu membaca teks.

Oleh itu, hal ini meyakinkan lagi Kumpulan Pembelajaran Profesional (PLT) Jabatan Bahasa Ibunda di sekolah kami untuk menumpukan perhatian pada komponen kefahaman membaca bagi Darjah 3-5.

Ini juga sejajar dengan hala tuju sekolah yang menekankan tentang rutin berfikir yang menjadikan pemikiran jelas dan pengaplikasian MTV ini merentas subjek, walaupun mungkin pilihan rutin berfikir berbeza. Bukan itu sahaja, pada tahun ini, strategi Talk Moves turut diterapkan sejajar dengan rutin AFP kerana ia mempunyai ciri MTV yang menghendaki murid mengungkapkan pemikiran mereka. Hal ini juga selaras dengan tumpuan pada aspek komunikasi oleh pihak Kementerian dalam E21CC yang mana murid digalakkan untuk menyampaikan idea dan pendapat mereka dengan jelas kepada rakan-rakan, guru dan masyarakat.

### **Objektif Perkongsian**

Perkongsian ini bertujuan untuk:

- Mengetengahkan keberkesanan rutin berfikir Ayat-Frasa-Perkataan/AFP (*Sentence-Phrase-Word/SPW*) dalam menyokong pelajar dalam pembelajaran kefahaman membaca.

---

## **PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU**

Di tahap awal, guru ragu-ragu dengan pelaksanaan AFP sebagai satu usaha MTV. Tambahan pula, mereka juga berasa kurang cekap dan perlu mendalami pemahaman mereka tentang strategi AFP ini yang amat memakan masa kurikulum, berbanding amalan biasa guru yang meminta murid untuk langsung menjawab kertas Latihan Kefahaman. Amat sukar untuk meyakinkan guru lebih-lebih lagi jika mereka masih belum dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran untuk menjalankan aktiviti AFP tersebut. Mereka hanya menjalani satu latihan tentang MTV-SPW pada bulan Februari, yang menurut mereka masih belum memadai. Hal ini membuatkan guru berasa gusar dan tawar hati untuk menjalankan aktiviti AFP. Namun, pertemuan mingguan dengan Guru Kanan menyuntik semangat kepada guru dan ini mendorong guru untuk membuat refleksi dan menjalankan aktiviti AFP dengan lebih berkesan dalam pelajaran yang seterusnya. Ada juga yang memberikan maklum balas bahawa mereka memerlukan latihan bagi guru untuk Perkembangan Profesional bagi Rutin MTV-AFP ini dijalankan dengan lebih mendalam supaya guru akan bertambah yakin dan bersemangat untuk meneruskan usaha ini secara berpanjangan. Ini akan diusahakan awal Penggal 3 sebelum guru meneruskan rutin MTV-AFP dalam pelajaran di dalam bilik darjah.

Secara konsisten, guru kanan berusaha untuk memperjelas tujuan MTV-SPW yang membantu murid dalam mengenal pasti idea-idea utama dan sekaligus memperdalam pemahaman mereka semasa membaca teks. Dengan pemahaman teks yang lebih baik, ia sedikit sebanyak dapat membantu mereka menjawab soalan-soalan kefahaman dengan lebih baik.

Kemajuan mungkin tidak dapat dilihat dalam jangka masa yang pendek, kerana ini merupakan satu rutin yang perlu dijadikan amalan dalam pembelajaran setiap murid. Guru kanan sentiasa berusaha meyakinkan guru untuk melihat nilai dalam usaha ini kerana murid semakin terlibat secara aktif dalam pelajaran berbanding dahulu.

Untuk memastikan guru melaksanakan MTV-AFP dengan baik, Guru Kanan turut memantau aktiviti pelajaran mereka. Guru kanan meluangkan masa memberikan maklum balas dalam berkolaborasi dengan guru-guru yang berkenaan dengan topik yang dikongsi. Walaupun pencerapan tidak dapat dilakukan secara tekal, guru berusaha untuk merakamkan pelajaran mereka agar dapat dijadikan bahan perbincangan bagi mesyuarat PLT.

Guru-guru melakukan penyegitigaan bukti pembelajaran yang diperoleh sewaktu pelaksanaan aktiviti (secara fizikal atau rakaman), hasil kerja murid dan refleksi murid. Sebagai satu kumpulan PLT, guru-guru yang terlibat dapat boleh memanfaatkan maklumat yang diraih untuk memperbaiki PdP bagi pelajaran Kefahaman Membaca yang seterusnya. Guru terlibat secara aktif bersama guru kanan dalam menganalisis data yang dikumpulkan demi pelaksanaan strategi AFP yang lebih baik di dalam bilik darjah.

Memang tidak boleh dinafikan, banyak persiapan dan perancah yang perlu disediakan sebelum melaksanakan aktiviti pelajaran. Khususnya, guru-guru mendapati bahawa pelajar LPsukar memahami teks panjang disebabkan tahap literasi yang rendah. Banyak praaktiviti untuk mendedahkan pelajar pada tema dan kosa kata perlu dilaksanakan sebelum memulakan aktiviti AFP berdasarkan sesebuah teks. Teks perlu diteliti agar tidak menimbulkan kekaburan atau kekeliruan sewaktu murid membaca. Guru sendiri harus memastikan AFP penting yang diperlukan dan soalan-soalan yang diajukan kepada murid yang seharusnya dapat membimbing pelajar mengenal pasti AFP yang sesuai; yang berkaitan dengan isi umum teks. Guru perlu melakukan modeling dan menggunakan strategi berfikir lantang (*think-aloud strategy*), dan melakukan GRR (*Gradual Release of Responsibility*) ke atas murid-murid mengikut tahap persediaan mereka. Pengalaman ini sedikit sebanyak memberi peluang kepada guru-guru untuk terlibat aktif dalam pembangunan diri dan profesional masing-masing. Di samping itu, guru kanan juga dapat belajar bersama-sama dengan guru sebagai satu pasukan.



## REFLEKSI

Sebagai ketua pedagogi, saya harus yakin dengan apa yang saya lakukan. Pengaplikasian rutin MTV ini penting dan harus kita pupuk dalam kalangan pelajar di peringkat awal supaya pelajar lebih terarah semasa membaca teks. Walaupun proses memperkenalkan dan membiasakan murid dengan strategi ini memakan masa, ia merupakan suatu pelaburan yang berbaloi. Apabila sudah sehati dengan strategi ini, pelajar akan secara sendiri mencari isi-isi penting dengan mengenal pasti MTV-AFP. Ini sekaligus menyemai sikap bertanggungjawab atas pembelajaran mereka sendiri. Pada awalnya, guru akan membimbing murid untuk beberapa pusingan, lama-kelamaan guru akan 'melepaskan'. Dengan GRR, murid akan menjadi lebih yakin untuk menjalani aktiviti MTV-AFP ini dengan sendiri.

Pengajaran juga tidak berlaku secara didaktik yang sehalu, tetapi dua hala. Strategi MTV-AFP yang diterapkan dalam pelajaran Kefahaman Membaca bukan sahaja banyak melibatkan pelajar bahkan guru. Guru lebih peka dalam memikirkan soalan untuk merangsangkan pemikiran yang dapat membantu mengenal pasti AFP yang terbaik. Jika tidak mendapatkan respon yang diharapkan guru, guru harus memikirkan cara untuk pelajar memikirkan semula respons mereka. Guru juga harus menggalakkan pelibatan setiap murid untuk berkongsi idea dan pendapat dan menjelaskan pemilihan AFP mereka, secara berpasangan, berkumpulan atau secara kelas. Dengan pelaksanaan PdP secara dua hala, pelajar sentiasa aktif memikirkan sebab bagi pemilihan AFP mereka, yang pada masa yang sama turut menunjukkan dengan jelas pemikiran mereka, kepada guru dan rakan-rakan sedarjah.

Cabaran utama bagi pedagogi ini ialah kita tidak dapat melihat hasil pembelajarannya dalam jangka masa pendek. Namun, dengan memupuk tabiat baik seperti, bertanya soalan-soalan baik yang merangsangkan pemikiran murid, menggalakkan pelajar untuk meluahkan idea dan pendapat mereka dan membuat refleksi tentang pendapat sendiri dan rakan sebaya, akan memudahkan pelajar melakukan rutin MTV-AFP sewaktu membaca teks. Usaha ini diharapkan akan membuahkan hasil dan kesannya akan dapat dilihat dalam hasil latihan kefahaman mereka.

Kesimpulannya, pedagogi ini masih perlu penambahbaikan dari segi kesediaan guru dan persediaan guru bagi aktiviti Kefahaman Membaca. Guru harus menjalankan rutin ini bersama pelajar secara tekal, sehinggalah pelajar dapat melaksanakannya sendiri. Dengan cara ini, mungkin hasilnya lebih cepat dilihat dan lebih positif.

## RUJUKAN

Beers, K. (2003). *When Kids Can't Read: What Teachers Can Do: A Guide for Teachers 6-12*. Heinemann.

Fisher, D., & Frey, N. (2008). *Better Learning Through Structured Teaching: A Framework for the Gradual Release of Responsibility*. ASCD.

Ritchhart, R., & Perkins, D. (2008). Making Thinking Visible. *Educational Leadership*, 65(5), 57-61.

Shanahan, T. (2017). The reading comprehension pyramid: A research-based model of reading. *Reading Teacher*, 70(2), 241-243.

# POSTER PERBINCANGAN

## PENERAPAN RUTIN MTV

DALAM PELAJARAN KEFAHAMAN MEMBACA

Makhfadhah bte Abu Bakar  
Guru Kanan  
Sekolah Rendah Naval Base



### APA?



- Projek PLT
- metakognisi - [SPW rutin MTV]
- Komunikasi - 'TALK moves'

### SIAPA?

- murid darjah 3-5
- HP. MP. LP
- 11 orang guru

### BILA?

- penggal 1-4

### MENGAPA?



- murid SUKAR MEMAHAMI teks yang dibaca
- murid terlalu bergantung kepada guru
- perlu menyediakan struktur/ RUTIN Berfikir spt. SPW
- supaya murid lebih terarah
- berfikir lebih mendalam
- mengatasi AOC MT Dept
- menghala ke FOL 2024 @ NBPS E21CC ⇒ Komunikasi

### BAGAIMANA?

- menerapkan rutin MTV - SPW yang membantu mengembangkan metakognisi murid
- SPW menyediakan struktur untuk perbualan / perbincangan.
- diterapkan dalam pelajaran KEFAHAMAN MEMBACA
- → pendekatan I DO, WE DO & YOU DO.
- Modeling Berfikir secara lantang
- meningkatkan kemahiran Berkomunikasi
- penggunaan TALK MOVES spt. Reasoning

# POSTER PERBINCANGAN

## MEMBINA HUBUNGAN

- pertemuan berkala
- memastikan persekitaran yang selamat
- tiada yang menghukum/menilai
- berfikiran terbuka
- memberikan kata  $\approx$  perangsang
- sedia mendengar



## Menyediakan Sumber & Kajian

- menjalankan PD
- berkongsi nota (cetak, salinan lembut - WA)
- berkongsi pautan video, makalah  
→ pembelajaran secekit (bite-sized)



## Meluangkan masa memberikan maklum balas

- Sesi PLT  
→ selepas perkongsian guru tentang pelaksanaan SPW
- bertemu secara peribadi  
→ selepas menganalisis rakaman video pelaksanaan SPW
- berbincang tentang kekuatan kemudian, perkara yang boleh diperbaiki
- PD MT Dept  
→ mengemukakan keprihatinan guru.



## Belajar bersama guru

- membuka ruang untuk guru berkongsi amalan di dalam bilik darjah
- berbincang dan memikirkan bersama
- menyambut baik / menerima idea guru & turut melaksanakan bersama
- memberikan peluang untuk guru bertanya / mengutarakan keprihatinan

# POSTER PERBINCANGAN

## Mengumpul & Menganalisis Dapatan

- Sesi PLT → kumpul data / maklum balas (hasil kerja murid, refleksi murid)
- perkongsian guru tentangelibatan murid
- rakaman pelajaran SPW
- FCW oleh guru kanan
- menganalisis dapatan bersama-sama



## Meneraju Inovasi



Belum \*

\* memanfaatkan teknologi untuk melaksanakan SPW dengan lebih efektif spt. Word cloud - slido.  
\* murid akan dapat melihat dengan jelas pemilihan SPW



# POSTER PERBINCANGAN

## REFLEKSI



1 **YAKIN PERCAYA**

2 **PENTING UNTUK PELAJAR**

3 **Makan masa namun berbaloi**

4 **menjadi kebiasaan**

5 **Cabaran utama**

- tidak dapat melihat hasil pembelajaran dalam jangka masa pendek

**NAMUN...** 6

- tabiat baik dapat dipupuk
  - bertanya soalan → berfikir
- meluahkan pendapat (↑ interaksi ↑ komunikasi)
- membuat REFLEKSI

→ pembelajaran terarah sendiri (SDL)

**Penambahbaikan Perlu!**

- kesediaan guru
- meneroka teknologi untuk SPW





# PENERAPAN ASPEK BUDAYA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU



**Sanisah Bte Rahim**  
Guru Kanan  
Sekolah Rendah Huamin

---

## SINOPSIS

Stock (2018) menegaskan bahawa bahasa dan budaya saling berhubungan dan pelajar tidak akan memiliki penguasaan bahasa yang komprehensif tanpa memahami budaya. Ini penting kerana bahasa dalam konteks budaya mewujudkan makna. Pelajar hanya dapat mentafsir bahasa dengan tepat jika pelajar memahami budaya bahasa tersebut. Maka itu, penyerapan aspek budaya diberi penekanan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu di sekolah kami. Antara rasionalnya membuat pelajar bermotivasi untuk mempelajari bahasa, malah memudahkan proses pembelajaran pelajar dan sekali gus dapat menguasai bahasa. Tambahan lagi pengajaran ini membantu pelajar membina jati diri dan menambah pengetahuan tentang budaya Melayu. Pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) dipilih bagi perlaksanaannya. Cabaran kami, mendapatkan bahan-bahan pengajaran yang maujud yang dapat merelevankan pengajaran itu dalam kehidupan pelajar abad ke-21. Guru-guru bekerjasama menghasilkan rancangan pengajaran yang menerapkan budaya dan menyediakan bahan-bahan pengajaran yang diperlukan. Secara tidak langsung, ini telah meningkatkan kemahiran guru-guru dalam menyulamkan budaya dalam pengajaran Bahasa Melayu.



## PENGENALAN

Dalam era digital dan pembangunan teknologi yang pesat, para pelajar kita kurang peka terhadap budaya kehidupan masyarakat Melayu. Oleh itu, para pelajar perlu didedahkan kepada budaya dari darjah dua hingga darjah enam bak kata pepatah Melayu melentur buluh biar dari rebungunya. Tambahan lagi, peringkat ini merupakan peringkat yang terbaik untuk mengenali atau mempelajari budaya kerana mereka sudah dapat berfikir dengan baik. Perkongsian ini bertujuan untuk mengemukakan bagaimana guru-guru di sekolah dapat menerapkan aspek budaya dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu dan memperoleh sedikit sebanyak pengetahuan mengenai budaya Melayu.

Sarjana memperakui bahawa bahasa dan budaya saling berkait rapat dan tidak boleh dipisahkan (Brown, 2007; Salim, 2017). Maka itu, semasa melaksanakan pengajaran Bahasa Melayu, guru harus menerapkan aspek budaya.. Penyerapan ini bukan sahaja membuat pelajar bermotivasi untuk mempelajari bahasa, malah memudahkan proses pemahaman dan pembelajaran pelajar dan sekaligus dapat menguasai bahasa secara sepenuhnya. Dalam usaha ini, terdapat ramai guru yang menjalankan kajian tentang penerapan budaya dalam PdP Bahasa Melayu. Kajian mereka berjaya membuktikan bahawa penerapan ini menarik minat pelajar mempelajari Bahasa Melayu. Antaranya, kajian Cikgu Norazian dan Cikgu Marini dari CHIJ Katong Convent (2014).

---

### **PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU**

Guru Kanan memainkan peranan yang utama dalam usaha ini dengan melaksanakan satu-satu program ataupun pedagogi di dalam kelas terlebih dahulu agar dapat menjadi teladan untuk penggunaan pedagogi yang berkesan kepada guru-guru lain untuk diamalkan di dalam kelas masing-masing. Setelah mendapat maklum balas daripada murid-murid dan melihat hasil kerja mereka, barulah timbul rasa yakin untuk berkongsi dengan guru-guru. Guru kanan selaku ketua pedagogi berusaha mengumpul dan menganalisis dapatan awal dahulu sebelum memperkenalkannya kepada guru-guru lainnya. Menerusi penerokaan awal, guru kanan telah mendapati bahawa penerapan aspek budaya dalam PdP Bahasa Melayu dapat menyemai minat pelajar terhadap Bahasa Melayu.

Dengan menggunakan bahan pengajaran yang sedia ada iaitu buku teks dan buku aktiviti yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan (MOE), Pelajaran, saya dapat menerapkan aspek budaya dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dapat diterapkan. Melalui penerapan ini, para pelajar berpeluang mempelajari tentang kehidupan orang Melayu yang telah menyumbang pada pembangunan dan pada masa yang sama mereka dapat membentuk jati diri sebagai seorang Melayu. Selain itu, penerapan budaya dalam PdP Bahasa Melayu juga membantu pelajar menambahkan perbendaharaan kata mereka.

Setiap topik yang terdapat dalam buku teks diteliti dan dipertimbangkan agar proses penyerapan aspek budaya boleh dilaksanakan di dalam kelas. Kaedah pembelajaran berdasarkan pengalaman (*experiential learning*) dan penggunaan bahan maujud dipilih bagi perlaksanaannya agar pelajar berasa seronok dan melalui pembelajaran yang lebih autentik dalam PdP Bahasa Melayu. Guru-guru di Sekolah Rendah Huamin yakin bahawa aspek budaya boleh diajar pada bila-bila masa pengajaran. Satu cara untuk memperkenalkan tentang budaya Melayu adalah dengan memberikan tugas berkaitan dengan budaya. Tugas ini memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka budaya Melayu melalui pembacaan bahan yang berkaitan. Contohnya, dalam Buku Aktiviti Cekap 5A, dalam Pengajaran Kata Bantu, terdapat teks yang menyentuh tentang daun sireh. Setelah selesai membuat latihan ini, guru membincangkan atau memperkenalkan kepada pelajar tentang penggunaan sireh dalam budaya masyarakat Melayu. Sebelum itu, pelajar diarahkan untuk meneroka sendiri tentang daun sireh dalam Masyarakat Melayu melalui internet atau bertanya kepada ibu bapa mereka. Dalam hal ini, saya suka membawa bahan maujud kerana dapat memberi pengalaman yang lebih autentik kepada pelajar. Pelajar dapat melihat dan mengetahui daun sireh dengan lebih mendalam lagi. Guru juga telah menyelitkan daun kaduk yang serupa dengan daun sireh. Melalui cara ini, pelajar dapat meningkatkan perbendaharaan kata mereka seperti istilah urat daun, memanjat, menjalar dan sebagainya. Sebagai aktiviti susulan, pelajar diarah untuk membuat bunga rampai. Melalui aktiviti ini, pelajar didapati telah memahami dan menghayati bahasa dengan lebih baik.

Sebagai ketua pedagogi, guru kanan, perlu mempunyai pengetahuan yang cukup atau arif dalam hal yang hendak dikongsi kepada guru-guru lain. Maka itu, apabila MLCS mengadakan Program E-Penyerapan 2023 yang telah memberi fokus pada budaya Melayu, saya tidak melepaskan peluang untuk menyertai bengkel yang dikendalikan oleh pihak MLCS dan UPSI pada tahun lalu. Dalam program ini, banyak perkara yang telah dipelajari tentang aspek budaya dari segi perubatan, tumbuh-tumbuhan, pembuatan bakul dan lain-lain lagi. Dalam bengkel ini, guru kanan lebih sedar akan perlunya pengetahuan yang lebih mendalam tentang budaya Melayu yang hendak diperkenalkan kepada pelajar agar dapat membawa makna yang lebih mendalam dan berkesan pada pembelajaran pelajar dengan memastikan hasil pembelajaran sukatan pelajaran tercapai. Maklumat dan ilmu yang diraih semasa program tersebut telah dikongsi oleh guru kanan kepada guru-guru lainnya agar dapat disampaikan kepada para pelajar dan dikaitkan dengan pengajaran dalam buku teks dan buku aktiviti. Biasanya, sebulan sekali, guru kanan, ketua subjek serta ketua jabatan akan bertemu untuk berbincang tentang hal pembelajaran pelajar. Untuk melaksanakan pengajaran ini, pengetahuan budaya guru-guru perlu diperkasa. Guru kanan bertindak selaku narasumber yang menyediakan sumber, kajian dan juga bahan bacaan bagi rujukan para guru dalam bidang berkenaan. Dengan kerjasama Ketua Subjek dan Ketua Jabatan Bahasa Melayu, guru kanan telah mengadakan satu sesi perkongsian antara guru-guru Bahasa Melayu di sekolah. Melalui perkongsian ini, guru-guru bekerjasama menghasilkan rancangan pengajaran yang menerapkan budaya, bersesuaian dengan sukatan PdP Bahasa Melayu serta menyediakan bahan-bahan pengajaran yang diperlukan.

Secara tidak langsung, ini telah meningkatkan kemahiran guru-guru dalam menyulamkan budaya dalam pengajaran Bahasa Melayu. Di samping berkongsi dengan guru-guru, guru kanan juga turut belajar bersama-sama dengan guru bagi menerajui pembangunan profesional diri dan juga bagi guru-guru sebagai satu pasukan.

---

## REFLEKSI

Melalui penerapan budaya dalam PdP Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah secara mendalam, saya yakin ia boleh membantu para pelajar peka terhadap warisan masyarakat Melayu. Saya berpendapat bahawa guru harus lebih berani membuat aktiviti-aktiviti yang dapat merangsang kemahiran berfikir pelajar agar penerapan budaya dalam pengajaran Bahasa Melayu juga mampu melangkaui aspek kemahiran yang lain. Sejajar dengan visi pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah untuk menghasilkan pelajar yang mengenali dan memahami budaya dan nilai-nilai murni masyarakat Melayu, guru harus menerapkan budaya dalam PdP Bahasa Melayu agar budaya yang kita kenalkan ini kekal relevan, diminati dan dihargai oleh anak-anak muda Melayu di Singapura.

Terdapat banyak kaedah pengajaran budaya yang boleh kita ambil. Namun, tiada satu kaedah pun yang boleh dianggap terbaik kerana hanya guru yang mengenali pelajarannya. Noor Zuhidayah (2023) menegaskan bahawa guru perlu merancang dengan teliti dengan mengambil kira aspek budaya yang ingin didedahkan kepada para pelajar dan menyesuaikan dengan kaedah pengajaran. Keselesaan pelajar juga perlu diambil berat dalam melaksanakan pengajaran budaya. Oleh itu, saya serta rakan-rakan sejawat membuat perancangan yang rapi dalam melaksanakan pengajaran budaya. Kami dapati seramai 85% para pelajar daripada tingkatan dua, empat dan enam berasa seronok dan bermotivasi untuk mempelajari bahasa Melayu.

Menurut Noor Zuhidayah (2023) lagi, pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu dapat meningkatkan penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu yang lebih berkesan. Maka itu, tanpa rasa ragu, sekolah kami akan meneruskan penerapan aspek budaya dalam pengajaran bahasa Melayu. Kami akan melakarkan rancangan pengajaran dengan menyertakan aspek budaya dalam pengajaran bahasa di peringkat yang lain pula.

Objektif kami untuk menarik minat pelajar dalam bahasa Melayu tercapai. Namun demikian, kami menghadapi cabaran untuk mendapatkan bahan-bahan pengajaran yang maujud bagi mengekalkan kerelevanan pengajaran itu dalam kehidupan budaya pelajar generasi abad ke-21. Contohnya, dalam sesi pembikinan bunga rampai, ianya agak sukar bagi saya mencari jenis wangian yang digunakan pada zaman dahulu. Waktu untuk melaksanakan pengajaran budaya juga agak terhad. Maka, guru-guru terpaksa menggunakan waktu yang panjang agar dapat menyertakan aspek budaya ke dalam pengajaran bahasa Melayu.

## RUJUKAN

Brown, P. (2007). Culture-specific influences on semantic development: Learning the Tzeltal 'benefactive' construction. *Learning indigenous languages: Child language acquisition in Mesoamerica*, 33, 119..

Norazian dan Marini (2014). Meningkatkan Keberkesanan Kembara Ilmu Berpandukan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman 'Experiential Learning' Seminar Bahasa Melayu 2014

Noor Zuhidayah, (2023) Tinta Bahasa. *Keterjalinan Bahasa dan Budaya dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*, 155

Salim, S. K. (2017). Teaching language and teaching culture. In *8th International Visible Conference on Educational Studies & Applied Linguistics* (pp. 464-470).

Stockwell, E. (2018). Teaching culture in foreign language classes. *Foreign Language Education Research*, 22, 11-23.

# POSTER PERBINCANGAN



## Penerapan Budaya dalam PdP Bahasa Melayu

Cikgu Sanisah bte Rahim  
Sekolah Rendah Huamin  
3 Julai 2024

## Kandungan

- Pengenalan
- Peranan
- Rancangan Pengajaran
- Refleksi

## Pengenalan

### Mengapa?



Visi Arif Budiman:

Murid Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah mula mengenali dan memahami bahasa dan budaya Melayu sebagai sebahagian daripada masyarakat majmuk Singapura.



...bahasa dan budaya saling berkait rapat dan tidak boleh dipisahkan (Brown, 2007)

### Manfaat?

#### Penerapan Budaya dalam PdP BM



membuat pelajar bermotivasi untuk mempelajari bahasa.



memudahkan proses pembelajaran pelajar dan sekali gus dapat menguasai bahasa.

# POSTER PERBINCANGAN

## Objektif Perkongsian

...memberi idea bagaimana guru-guru boleh menerapkan aspek budaya dalam Pdp Bahasa Melayu.

...memperoleh sedikit sebanyak pengetahuan mengenai budaya Melayu.

## Peranan

### PERANAN

saya sebagai Ketua Pedagogi

- mempunyai pengetahuan yang cukup
- menyertai bengkel bagi melengkapkan diri
- mengadakan satu sesi perkongsian dengan guru-guru BM yang lain
- menjemput guru-guru BM masuk ke dalam kelas saya
- menerajui pelaksanaan pembelajaran ini
- meneliti setiap topik yang terdapat dalam buku teks
- mendapat maklum balas daripada pelajar dan melihat hasil kerja mereka
- menjadi teladan untuk penggunaan pedagogi

# POSTER PERBINCANGAN

## Rancangan Pengajaran

### Teks Kefahaman - Lembaran Kerja

#### KEFAHAMAN 1 (10 markah)

Arahan: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Memakan ulam-ulaman sudah diamalkan oleh masyarakat Melayu sejak berzaman dahulu. Ulam ialah sayur-sayuran atau tumbuhan dimakan oleh sesetengah masyarakat Melayu. Bagi sesetengah orang terutama masyarakat Melayu di kampung dahulu, ulam merupakan pembuka selera apabila menikmati makan tengah hari atau malam. Penanaman ulam sangat bermanfaat kerana terdapat banyak bahagian tumbuhan ulam yang boleh dimakan. Ini termasuklah pucuk, daun, biji, buah dan bunga.

Dahulu, ulam biasanya mudah dijumpai dan didapati di sekitar rumah sahaja. Pokok-pokok ulam mudah ditanam dan dijaga. Tumbuhan ini boleh dimakan secara mentah, dicelur atau direbus sebelum dimakan bersama nasi putih. Ulam juga biasanya dimakan bersama dengan ikan bilis, cencaluk atau sambal belacan.

Ulam-ulaman terkenal dengan khasiatnya yang tinggi. Generasi masyarakat Melayu dahulu mengamalkan pemakanan ulam supaya tubuh badan mereka sentiasa sihat dan kurang penyakit. Kaum wanita juga mempercayai bahawa ulam dapat membantu menjaga kecantikan kulit. Namun, kini ulam-ulaman digemari bukan sahaja oleh masyarakat Melayu di kampung, malah telah menjadi kegemaran pelbagai bangsa generasi kini.

Salah satu ulam kegemaran orang ramai ialah petai. Selalunya petai dimakan mentah, direbus atau dibakar. Kadang kala, petai juga boleh menjadi bahan untuk masakan. Walaupun bau petai kurang menyenangkan, khasiatnya sangat banyak. Petai mengandungi nutrien seperti kalsium, zat besi dan pelbagai vitamin. Hal ini dipercayai dapat merawat penyakit jantung dan kencing manis. Petai juga bermanfaat untuk penjagaan kulit.

Selain petai, kangkung juga gemar dimakan orang ramai. Khasiat yang terkandung dalam kangkung kaya dengan nutrien untuk mengubati pelbagai penyakit. Sebagai contoh, bisul, kelumumur di kulit kepala dan juga ulser dalam mulut. Hampir keseluruhan tanaman kangkung muda boleh dimakan. Kangkung tua tidak begitu digemari kerana mempunyai serabut. Selalunya, kangkung muda akan dimakan mentah atau digoreng dengan rempah supaya rasanya lebih enak.

Ternyata, amalan pemakanan ulam-ulaman dalam diet seharian kita memberi manfaat kepada kesihatan tubuh badan. Oleh itu, tidak hairanlah ramai orang masih suka makan ulam-ulaman.





# POSTER PERBINCANGAN



**Ayuh, terangkan tanaman ini!**

lembut  
halus  
hijau  
subur  
kecil  
segar  
keras  
coklat

**Latihan (Kumpulan 3 dan 6)**

**Kenal pasti Kata Adjektif**

Atikah sedang memerhatikan Qistina memasukkan pasir hitam ke dalam pasu yang kecil. Qistina mahu menanam pokok cili. Pasti cili ini rasanya pedas. Sharifah takut makan cili. Lebih-lebih lagi, cili yang berwarna merah.


Cekap 3B Unit 7 Pel 2

Cekap 3B Unit 8 Pel 1

Cekap 2A Unit 5

Cekap 2A Unit 4 Pel 5

# POSTER PERBINCANGAN



## Cuba Lakukan

iii Gantikan \*\*\* dengan kata bantu yang betul.



Pada pagi itu, Laila mendapati ibunya berada di koridor rumah mereka. Laila menghampiri ibunya yang (1) \*\*\* menyiram pokok sirih. Pokok itu (2) \*\*\* sahaja ditanam oleh ibunya sebulan yang lalu. Menurut ibu Laila, jika dijaga dengan baik, pokok itu (3) \*\*\* membesar dengan subur. Kalau (4) \*\*\* pastikan pokok itu tumbuh dengan lebih subur, bolehlah dibubuh baja. Pokok sirih juga (5) \*\*\* mendapatkan cahaya matahari yang secukupnya. Pokok yang subur (6) \*\*\* menghasilkan daun sirih yang besar. Kini, pokok sirih ibu Laila sudah semakin besar dan subur.



## Perbezaan antara kaduk dan sirih

### Kaduk

- urat daunnya lebih **ketara**
  - bentuk daun lebih **bulat**
  - daunnya menghasilkan bau lada yang agak kuat jika dilumatkan.
  - menjalar & merimbun
- Sajian**
- dijadikan bahan masakan (gulai siput & udang bakar)
  - ulaman
  - Jus - ubatan tradisional (batuk, selesema & asma)



### Sirih

- urat daunnya **tidak** begitu **ketara** sangat
  - bentuk daun **bujur**
  - bau daun lebih menyucuk
  - memanjat
- Sajian**
- makanan tradisi-dimakan dengan buah pinang
  - ubatan - merawat bisul, kayap & kembung perut
  - menghilangkan bau badan & mulut




## Refleksi

- ❑ menarik minat pelajar mempelajari BM
- ❑ perlu merancang dengan teliti dengan mengambil kira aspek budaya yang ingin didedahkan kepada para pelajar dan menyesuaikan dengan kaedah pengajaran.
- ❑ dapat meningkatkan penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu yang lebih berkesan

## Cabaran?

- ❑ kerelevanan pengajaran itu dalam kehidupan budaya pelajar generasi abad ke-21.



# MENDORONG MINAT MURID MELALUI KAEDAH SDL DAN MEDIA SOSIAL



**Qamarul Azhar Bin Ahmad Kamil**  
Guru Kanan  
Sekolah Rendah Evergreen

## SINOPSIS

Projek "Saya Pempengaruh!" ini menggunakan pendekatan Pembelajaran Terarah Kendiri (SDL) dan media sosial bagi. Projek ini bertujuan untuk mendorong pelajar agar dapat meminati dan menggunakan bahasa Melayu melalui penerapan wadah media sosial. Dalam melaksanakan program ini, guru menghadapi cabaran kekurangan masa di dalam kelas untuk membenarkan pelajar menyelesaikan projek mereka. Namun, tidak semua pelajar dapat menyelesaikan projek secara sendiri meskipun rangka projek serta templat persediaan bagi langkah-langkah yang perlu dilakukan telah disediakan, inilah antara cabarannya. Walaupun pelajar terasa berat untuk membuat projek ini di rumah, ternyata mereka memang berminat untuk menghasilkan bahan untuk dikongsikan di media sosial apabila diberikan masa di dalam kelas. Pelajar juga dapat memahami dan mempelajari selok-belok menyampaikan kandungan bahan perkongsian mereka dengan intonasi yang menarik mengikut pempengaruh pilihan mereka. Program ini didapati membina kepakaran guru dalam membuat perancangan bagi persediaan pelajar agar menjadi lebih terarah sendiri.

## PENGENALAN

Guru ingin berkongsi strategi ini agar guru-guru lain dapat memperhalus lagi kemahiran menggunakan pendekatan SDL. Ini disebabkan permasalahan pelajar yang sukar mengatur masa bagi menyelesaikan kerja rumah lantas dengan projek yang menggunakan pendekatan Pembelajaran Terarah Kendiri (SDL), guru berharap agar dapat membimbing murid untuk mengambil inisiatif supaya bertanggungjawab atas pembelajaran secara sendiri. Kaedah SDL sudah digunakan beberapa dekad lamanya. Matlamat utama kaedah pembelajaran seperti ini adalah untuk menyediakan pelajar dengan kecekapan yang diperlukan untuk menjadi pelajar sepanjang hayat (Patterson, Crooks, & Lunyk-Child, 2002). Justeru, pelajar perlu didedahkan pada kecekapan SDL dalam memperoleh pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri yang unik bagi perkembangan profesional dan peribadi mereka (Patterson, Crooks, & Lunyk-Child, 2002).

Media sosial dipilih menjadi wadah pilihan untuk menarik minat pelajar yang cenderung terhadap video-video daripada pempengaruh yang mereka ikuti. Media sosial sentiasa ada pada zaman kini dan hampir setiap pelajar sering dilihat menggunakannya (Liu, 2010). Pelajar masa kini dilabel sebagai *Digital Natives* oleh Marc Prensky, 2001. Beliau mentakrifkan pelajar hari ini sebagai pengguna yang “menghabiskan seluruh kehidupan mereka dikelilingi penggunaan komputer, permainan video, muzik digital, kamera video, telefon bimbit dan semua alat permainan dan alat lain pada zaman digital” (Marc Prensky, 2001: ms 1). Justeru itulah, para guru harus merebut peluang ini untuk memancing minat pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu masa kini.

Lantas, perkongsian ini bertujuan untuk mengemukakan:

- cara kemahiran pendekatan SDL diperhalus di Sekolah Rendah Evergreen memperhalusi kemahiran menggunakan pendekatan SDL dan
- cara-cara guru di sekolah tersebut menyediakan templat untuk membimbing pelajar melaksanakan projek secara sendiri.

---

## PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU

Di Sekolah Rendah Evergreen, Guru kanan memainkan peranan sebagai Ketua Pedagogi dengan memperhalus projek Dwiminggu Bahasa yang sedia ada melalui penyediaan templat jurnal bagi membantu pelajar berdikari. Templat ini dikongsi dengan guru-guru lainnya semasa sesi mesyuarat TTT dan mesyuarat Unit Bahasa Melayu. Melalui pengalaman perkongsian yang dijalankan, guru kanan telah membina hubungan dengan guru-guru lain dengan bertukar-tukar pendapat dan pengalaman masing-masing.

Selain itu, guru kanan juga membimbing guru dalam PdP dengan mementor guru-guru dan meluangkan masa memberikan maklum balas dalam berkolaborasi dengan guru. Guru kanan meluangkan masa memberikan maklum balas yang membina sewaktu Pemeriksaan Buku (*Book Checks*) serta pemerhatian pengajaran (*Lesson Observation*). Sesi TTT juga digunakan sebagai wadah perkongsian dan maklum balas.

Guru kanan menyediakan sumber dan bahan bacaan kajian semasa setiap perkongsian bersama guru-guru. Hal ini dapat meningkatkan penelitian guru-guru terhadap bahan bacaan pada topik yang disentuh. Contohnya, bahan Hattie dan Clarke (2018) telah dikongsi bersama guru-guru semasa perkongsian berkenaan pembinaan objektif dan kriteria kejayaan telah dikongsi bersama guru-guru. Melalui pembinaan dan pengendalian modul pembelajaran guru-guru berpandukan SFEd, guru kanan turut belajar bersama-sama guru dan pentadbir sekolah.

Sewaktu mengumpul dan menganalisis dapatan selepas peperiksaan atau ujian holistik, guru kanan akan mewakili guru-guru dalam menganalisis prestasi murid dan menyarankan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memperbaiki PdP di dalam bilik darjah. Guru kanan juga meneraju inovasi bersama-sama dengan mencuba dan menggunakan teknologi secara berkesan serta berkongsi bahan yang disediakan.

---

## REFLEKSI

Guru Kanan mendapati guru mula sedar bahawa guru perlu mencari dan mengenal pasti minat pelajar sebelum menjalankan sebarang program. Pendekatan SDL berpotensi untuk membantu murid menjadi lebih berinisiatif membina kemahiran, keyakinan diri dan membentuk minat mereka untuk menjadi pelajar yang lebih baik. Namun, persediaan serta langkah yang diambil tidak akan membuahkan hasil yang bersifat serta-merta malah perlu dilakukan secara tekal supaya dapat menjadi lebih berkesan terhadap PdP di bilik darjah.

Guru-guru di sekolah dapat memperbaiki pendekatan bagi salah satu projek bertajuk 'Warisan Singapura' sewaktu Dwiminggu Bahasa Ibunda agar pelajar dapat menyelesaikan projek tersebut dalam masa yang singkat. Ramaiguru di Sekolah Rendah Everygreen tahu tentang pendekatan SDL tetapi kurang sedar akan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menjayakan SDL, lantas, projek ini dapat menyumbang kepada kemahiran guru dalam memperbaiki PdP.

Antara cabaran yang menghambat kelancaran projek ini ialah masa. Kesuntukan masa di dalam kelas telah menghambat kejayaan guru dan pelajar. Oleh itu, penggunaan jurnal memang perlu dan guru harus sentiasa memantau perkembangan projek pelajar.

Sejauh ini, objektif boleh dianggap tercapai kerana pelajar dapat menghasilkan bahan yang akan dikongsi melalui media sosial. Namun, guru tetap perlu memperuntukkan masa di dalam kelas bagi mengajar murid cara untuk menilai kualiti sumber, menghasilkan isi yang bermanfaat serta hal-hal teknikal seperti menyunting video/audio.

---

## RUJUKAN

Hattie, J., & Clarke, S. (2018). *Visible learning: feedback*. Routledge.

Jonathan Bryce (2019) *Enhancing the Effectiveness of Self-Directed Learning (SDL) and Supporting At-Risk Students through Blackboard Journal*. Ditukil dari sumber (PDF) [Enhancing the Effectiveness of Self-Directed Learning \(SDL\) and Supporting At-Risk Students through Blackboard Journal \(researchgate.net\)](#)

Liu, Y. (2010). *Social media tools as a learning resource*. *Journal of Educational Technology Development and Exchange (JETDE)*, 3(1), 8.

Lynde Tan (2015) *Self-Directed Learning: Learning in the 21st Century*. Ditukil dari sumber (PDF) [Self-Directed Learning: Learning in the 21st Century \(researchgate.net\)](#)

Ministry of Education (Singapore) (Updated 2023) [Desired Outcomes of Education | MOE](#)

Pachauri & Gure - Proceedings of the 1st Pamir Transboundary Conference for Sustainable Societies – (2023), *Self-Directed Learning: An Essential Learning Skill for the Amelioration of 21st Century Learners*

Patterson, C., Crooks, D., & Lunyk-Child, O. (2002). A new perspective on competencies for self-directed learning. *Journal of nursing education*, 41(1), 25-31.

Prensky, M. (2001). Digital Natives, Digital Immigrants. *On the Horizon*, Vol. 9 No. 5, October 2001. (p. 1-p.5).

## POSTER PERBINCANGAN

Mendorong Minat  
Murid Melalui  
Kaedah **SDR**  
& **Media Sosial**





# POSTER PERBINCANGAN

Guru Kanan sebagai

Ketua Pedagogi



Perancangan

Memperhalus & memperbaiki perancangan bagi projek untuk kegunaan sewaktu Dwiminggu Bahasa



Rangka Kerja

Mempermudahkan pelaksanaan melalui penyediaan templat & mengajak guru sediakan bahan bersama

Guru Kanan sebagai "Pakar"  
di Sekolah



Bahan Rujukan

Memperhalus & memperbaiki bahan rujukan bagi program-program teras seperti Membaca & Menulis melalui kajian & sumbang saran



Rangka Kerja

Setelah memberi taklimat & berkongsi objektif program-program teras, ST akan meminta kerjasama guru untuk bantu bina bahan

# POSTER PERBINCANGAN

## Membina Hubungan



### Mentor

ST sebagai model & mentor kepada guru - dasar "pintu terbuka", "pakar rujuk", pembimbing dalam sesi perkongsian demi membina kemahiran bersama



### Kerjasama

Menyumbang kemahiran, idea & pendapat bagi projek-projek jabatan;  
Juga menjadi ahli menukung demi menyokong projek guru-guru lain

## Memberi Maklum Balas



### PdP

ST meneraju TTT & membuat pemantauan pengajaran (lesson observations) serta memberi maklum balas Pra-, Ketika dan Pasca



### Semakan & Vetting

Bekerjasama dengan Ketua Jabatan sewaktu vetting & semakan buku serta memberi maklum balas yang membina kepada guru-guru

# POSTER PERBINCANGAN

## Meneraju Inovasi



### Inovasi ST/LT

ST meneraju inovasi bersama ST/LT lain dalam pembentukan modul bagi guru-guru di sekolah



### Inovasi Jabatan

Mencuba pelbagai pendekatan & kaedah pengajaran termasuk EdTech bersama guru-guru

## Mengumpul & Menganalisis Data



### Analisis Keputusan

Membuat analisis keputusan & mengenal pasti kekuatan serta kelemahan sebelum menyarankan langkah penambahbaikan



### Analisis Trend

Dapatan yang terkumpul digunakan untuk meneliti keberkesanan program & kualiti pengajaran

# POSTER PERBINCANGAN

## Renungan Saya...

Impak	Kekurangan
<ul style="list-style-type: none"><li>• Murid terdorong &amp; terlibat aktif</li><li>• Guru-guru lain mahu jalankan sebagai projek Dwiminggu Bahasa</li><li>• Kesediaan &amp; kemahiran guru dlm SDL</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Meskipun bertemplat, ada murid perlukan lebih bimbingan</li><li>• Kesuntukan masa</li><li>• Pemantauan jurnal &amp; rangka kerja murid</li></ul>





# KEMANTAPAN PRINSIP KERANA SOKONGAN YANG PADU



**Samsiah Mohamed Diah**  
Guru Kanan  
Sekolah Menengah Fairfield Methodist

## SINOPSIS

Inisiatif penubuhan jawatankuasa TLC (*Teacher's Leader Council*) memegang peranan yang sangat penting dalam meningkatkan profesionalisme guru dan mutu pengajaran di sekolah. Melalui penyediaan struktur dan peluang pengembangan diri, guru dapat terus berkembang dengan menggunakan pendekatan pengajaran terkini. Proses pengumpulan maklum balas dari pelajar dan rakan sejawat, serta perbincangan dengan pihak pengurusan dan pakar pedagogi, menjadi kunci dalam memilih pedagogi yang tepat. Ini memastikan langkah-langkah yang diambil sesuai dengan keperluan lapangan. Penerokaan pedagogi seperti AfL menunjukkan komitmen sekolah terhadap pembelajaran yang efektif, dan melalui TLC, pendekatan ini dilaksanakan dengan kesedaran penuh akan keberkesanannya. Proses penyediaan kertas cadangan yang berpandukan bukti membantu memastikan langkah-langkah yang diambil adalah rasional dan meningkatkan tahap kepakaran guru serta pencapaian pelajar. Dengan sokongan kepada TLC, guru peneraju dan kanan berganding bahu membimbing rakan sejawat mereka menuju kepada taraf pengajaran yang lebih tinggi, membawa kepada peningkatan mutu pendidikan secara menyeluruh.

## PENGENALAN

"**Kemantapan prinsip kerana sokongan yang padu**" merujuk kepada gagasan bahawa prinsip-prinsip yang kukuh dapat dipertahankan dan diperkukuhkan dengan sokongan yang mantap dari individu lain atau sistem yang ada. Sokongan yang padu memainkan peranan penting dalam memastikan kestabilan dan kesetiaan terhadap prinsip-prinsip yang dipegang teguh.

Inisiatif seperti TLC (*Teacher's Leader Council*) sangat penting dalam meningkatkan profesionalisme guru-guru dan memperkukuhkan mutu pengajaran di sekolah. Dengan menyediakan struktur dan peluang untuk peningkatan diri, TLC memastikan agar guru-guru dapat terus berkembang dan menyesuaikan diri dengan pendekatan pengajaran yang terkini. Pengumpulan maklum balas dan perbincangan dengan pihak pengurusan dan pakar pedagogi membawa kepada pemilihan pedagogi yang sesuai dengan keperluan sebenar di lapangan.

Penerokaan pedagogi seperti AfL (*Assessment for Learning*) menunjukkan komitmen sekolah terhadap pembelajaran yang berkesan dan inklusif. Melalui TLC, pendekatan ini dilaksanakan dengan penuh kesedaran dan keberkesanan berasaskan bukti, memastikan langkah-langkah yang diambil adalah rasional dan memberi manfaat kepada pembelajaran serta peningkatan keseluruhan tahap kepakaran guru-guru. Dengan sokongan yang diberikan kepada TLC, guru-guru peneraju dan kanan dapat memainkan peranan yang lebih efektif dalam membimbing rakan sejawat mereka menuju ke taraf yang lebih tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran, lantas, membawa kepada peningkatan mutu pendidikan di sekolah.

Penubuhan sebuah jawatankuasa seperti TLC penting untuk dikongsi kerana ia memiliki dampak besar dalam meningkatkan profesionalisme guru dan mutu pengajaran di sekolah. Melalui struktur yang jelas dan peluang pengembangan diri, ia membolehkan guru untuk terus berkembang dan menyesuaikan diri dengan pendekatan pengajaran terkini. Dengan pengumpulan maklum balas, perbincangan dengan pihak pengurusan dan pakar pedagogi, serta menerokai pedagogi seperti AfL, TLC memastikan setiap langkah didasarkan pada keperluan sekolah.

Perkongsian ini bertujuan untuk memperkuatkan kemahiran dan pengetahuan guru dalam pengajaran terkini, serta meningkatkan kesedaran terhadap pendekatan pembelajaran yang efektif dan inklusif. Dengan memastikan pemilihan pedagogi yang sesuai dengan keperluan sebenarnya di lapangan dan meningkatkan keseluruhan tahap kepakaran guru, ia dapat membantu memberikan pembelajaran yang bermutu dan efektif. Melalui pencapaian objektif ini, jawatankuasa TLC memberikan sokongan yang kukuh kepada guru dalam mempertahankan dan memperkuat prinsip-prinsip mereka dalam pengajaran, serta mendukung kestabilan prinsip-prinsip tersebut melalui dukungan yang padu dari individu lain dan sistem yang ada.

## Kajian lepas yang menyokong perkongsian

Sekolah memainkan peranan penting dalam mencapai objektif pendidikan negara. Untuk memastikan perubahan yang berterusan, inisiatif perubahan perlu dimulakan dari semua peringkat dengan sokongan daripada pihak pengurusan. Budaya pembelajaran bersama harus ditanamkan dalam kalangan guru, dengan sokongan yang menyeluruh dari pengetua dan ketua-ketua jabatan. Ini melibatkan pembangunan pengetahuan, kemahiran, serta nilai etika dan moral.

Peranan guru sangat penting dalam proses pembelajaran dan pencapaian pelajar. Amalan Kemahiran Pedagogi Profesional (KPP) membantu guru meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran. Persiapan guru untuk terus belajar sangat membantu dalam usaha peningkatan sekolah. Semua anggota sekolah perlu bekerjasama untuk memastikan pembelajaran yang efektif.

Menurut Ruohotie (1996 dalam Amin 2008), sekolah sebagai organisasi pembelajaran perlu menggalakkan pelbagai bentuk pembelajaran yang aktif, tidak hanya berfokus pada penerimaan pengajaran tetapi juga pada pengajaran yang berdaya saing, yang secara aktif mendorong pertumbuhan dan pembangunan profesional guru. Sokongan yang padu sangat penting untuk mencapai matlamat ini, seperti yang terbukti dalam kajian oleh Senge, Huffman & Hipp, dan Dufour yang berkaitan dengan organisasi pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa penyelarasan dan kesepaduan dalam sokongan sekolah adalah penting untuk kesan yang berkesan dalam meningkatkan prestasi pelajar.

Selain itu, kejayaan dan kegagalan sesebuah organisasi juga adalah kejayaan dan kegagalan bagi individu yang berhubung dengan organisasi tersebut (Nurulain Asyikin dan Suhaida, 2013). Ini bermaksud setiap kejayaan dan kegagalan sesebuah sekolah menggambarkan pencapaian oleh guru-guru sekolah berkenaan dan juga komitmen yang mereka merasakan hubungan yang rapat antara diri mereka dengan sekolah. Hal ini kerana seorang guru yang mempunyai komitmen yang baik juga mementingkan hubungan baiknya bukan sahaja sesama manusia akan tetapi mengenai iklim dan budaya sekolah. Ini kerana ianya akan memberi kesan terhadap peningkatan pencapaian akademik pelajar dan prestasi sekolah. Dengan adanya sokongan yang padu dan juga wadah untuk meningkatkan cara pengajaran dan pembelajaran, guru menjadi yakin untuk melaksanakan tanggungjawab.

Penelitian oleh Puneet Kaur & Sarabjit Kaur Ranu (2017) juga menunjukkan bahawa keyakinan guru memainkan peranan yang amat penting dalam menguruskan aktiviti bilik darjah. Guru yang yakin akan mampu menggunakan pelbagai strategi untuk memastikan bahawa kelas dapat disediakan mengikut konteks yang sebenar untuk menyokong dan memudahkan pembelajaran. Di dalam bilik darjah, guru hari ini mesti mempunyai tahap kompetensi profesional yang tinggi supaya mereka boleh menguruskan kelas mereka dengan cekap dan pelajar mendapat keuntungan maksimum dari persekolahan mereka.

Tambahan pula, guru mendapat kepuasan apabila keperluan mereka dipenuhi oleh pihak pengurusan di mana kerja mereka dihargai dan prinsip menjadi guru yang sebenarnya dipenuhi dengan sokongan serta peluang-peluang peningkatan kemahiran disediakan; manakala pihak pengurusan mendapat kepuasan apabila guru menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang dan sekolah sentiasa mencapai sasaran yang ditetapkan. Kajian oleh Mariam Md Salleh et al, (2009) mendapati bahawa prestasi pelajar meningkat jika guru-guru mendapat kepuasan menggunakan pelbagai strategi di mana visi pengajaran dan pembelajaran jelas, terpandu dan disokong dengan pendedahan serta pengaplikasian kemahiran sejajar dengan visi yang ingin dikecapi.

---

## PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU

Peranan guru kanan dalam menerajui projek atau program pedagogi yang dikongsi sangat penting untuk memastikan keberhasilan dan kesinambungan inisiatif tersebut. Berikut adalah ringkasan cara bagaimana guru kanan dapat melaksanakan peranan-peranan tersebut:

**Sebagai Ketua Pedagogi:** Memainkan peranan utama dalam mengarahkan, mengkoordinasikan, dan memimpin pelaksanaan projek, serta memastikan pemahaman dan pelaksanaan tanggungjawab oleh semua pihak terlibat. Guru kanan dapat memperdalam pengetahuan pedagogi melalui kursus atau kerjasama dengan organisasi pedagogi.

**Hubungan dengan Guru-guru:** Membina hubungan yang kukuh dengan guru-guru melalui komunikasi terbuka, memberikan sokongan, dan bimbingan untuk mencapai objektif bersama. "*Open class*" diadakan bagi memberi contoh pengajaran dan pembelajaran pengaplikasian pedagogi tersebut. Bimbingan melalui sesi maklum balas setelah pengajaran juga membantu guru-guru memahami pengaplikasian pedagogi dengan lebih baik.

**Menyediakan Sumber dan Kajian:** Menyediakan sumber dan kajian yang relevan untuk meningkatkan pemahaman dan kemahiran guru-guru.

**Memberikan Maklum Balas yang Spesifik:** Memberikan maklum balas yang spesifik, praktikal, dan memberikan cadangan langkah seterusnya untuk meningkatkan prestasi PdP di dalam bilik darjah.

**Belajar Bersama-sama:** Bersedia untuk belajar bersama-sama dengan guru dan pentadbir sekolah, menjadi contoh yang baik dengan menghadiri latihan yang relevan, serta berkongsi pengetahuan dan pengalaman.



**Mengumpul dan Menganalisis Dapatan:** Bertanggung jawab untuk mengumpulkan data dan menganalisis hasil pelaksanaan projek atau program, serta menggunakan data tersebut untuk menilai keberkesanan inisiatif dan mengenal pasti aspek yang perlu diperbaiki.

**Menerajui Inovasi:** Menerajui inovasi bersama-sama dengan guru-guru lainnya, membuka ruang untuk percubaan dan eksperimen baru dalam pengajaran dan pembelajaran, serta menggalakkan penggunaan teknologi dan pendekatan pedagogi terkini.

---

## REFLEKSI

Sebagai ketua pedagogi, strategi atau program yang saya terapkan memungkinkan saya untuk secara proaktif membimbing dan memimpin guru-guru dalam meningkatkan amalan pengajaran mereka. Dampak positifnya meliputi peningkatan sokongan, motivasi, dan pengalaman pembelajaran bagi para guru. Program ini juga mendorong pengembangan kemahiran dan pendekatan pengajaran yang efektif, yang langsung menyumbang pada peningkatan mutu pembelajaran di sekolah.

Namun, saya juga dihadapkan dengan beberapa cabaran. Salah satunya adalah memastikan keselarasan dan keterlibatan semua guru, serta mengelola sumber daya secara efektif. Untuk memastikan keberhasilan, penting bagi saya mendapatkan sokongan penuh daripada semua pihak yang terlibat. Keberhasilan mencapai objektif akan tercermin dalam peningkatan sokongan dan keterlibatan guru-guru, serta peningkatan mutu pembelajaran yang lebih bermakna.

Jika objektif tidak tercapai, hal itu mungkin disebabkan oleh kurangnya sokongan, kegagalan dalam pelaksanaan program, atau tantangan lain yang muncul. Dalam hal ini, langkah-langkah tambahan dapat diambil untuk memperbaiki situasi dan mencapai tujuan yang telah ditetapkan. Ini mungkin melibatkan penyesuaian program, peningkatan komunikasi, dan memberikan lebih banyak sokongan kepada guru. Dengan pendekatan yang komprehensif dan responsif, kita dapat mengatasi hambatan dan mencapai keberhasilan yang diinginkan dalam meningkatkan mutu pendidikan di sekolah.

---

## RUJUKAN

PLC/TA—R (Professional Learning Community Assessment—Revised) & PLC/TDR (Professional Learning Community Development Rubric)  
<https://www2.education.vic.gov.au/pal/professional-learning-communities/guidance/principles-effective-plc>

Academy of Singapore Teachers. (n.d.). <https://www.opal2.moe.edu.sg/csl/file/file/download?guid=27eef15f-e59a-4bf6-9cf8-aa8723f06291>

Ahmad Tajuddin Abdul Hamid. (1989). *Peranan pengetua dalam kepimpinan pengajaran* (Doctoral dissertation, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).

Alcolea, P. G. (2015, November 16). *The school management and educational leadership*. SlideShare. <https://www.slideshare.net/PaolaGarcia4482/the-school-management-and-educational-leadership-55171999>

Amin, M. (2012). *The relationship of principals/directors' leadership styles, as perceived by the Faculty, to the job satisfaction of the faculty members in a public university of Punjab, Pakistan* (Doctoral dissertation, University of Leicester).

AST. (n.d.). Developing Effective PLCs. Academy of Singapore Teachers. <https://academyofsingaporeteachers.moe.edu.sg/professional-excellence/our-plc-journey/developing-effective-plcs/>

Brundrett, M., & Silcock, P. (2002). *Achieving competence, success and excellence in teaching*. Routledge.

COURT, M. (2003). Towards democratic leadership. Co-principal initiatives. *International Journal of Leadership in Education*, 6(2), 161-183.

Crowther, F., Ferguson, M., & Hann, L. (2009). *Developing teacher leaders: How teacher leadership enhances school success*. Corwin Press.

Frost, D. (2008). 'Teacher leadership': Values and voice. *School Leadership and Management*, 28(4), 337-352.

Hairon Salleh, Goh, J. W. P., & Diwi Abbas, (2014). Challenges to PLC Enactment in Singapore Hierarchical School System. *Australian Association for Research in Education*.

Ibrahim, S., & Abdullah, Z. (2014). Sokongan Pengetua Dalam Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional di Sebuah Sekolah di Johor, Malaysia. *Jurnal Peradaban*, 7(1), 1-39.

Kaur, P., & Ranu, S. K. (2017). Classroom management in relation to professional commitment of secondary school teachers. *Educational Quest-An International Journal of Education and Applied Social Sciences*, 8(1), 193-199.

Mohamed Sani Ibrahim, (2011). Kepemimpinan Sekolah dan Keberhasilan Pelajar. *Dinamika Pendidikan UNY*, 18(2), 59269.

Maloney, C., & Konza, D. M. (2011). A case study of teachers' professional learning: Becoming a community of professional learning or not?.

*Professional learning communities: 10 Principles of Effective Professional Learning Communities*. education.vic.gov.au. (n.d.).


<https://www2.education.vic.gov.au/pal/professional-learning-communities/guidance/principles-effective-plc>

Raisa Ahtiainen, Eija Hanhimäki, Jaana Leinonen, Mika Risku, Ann-Sofie Smeds-Nylund (2020). The Theory Of Pedagogical Leadership: Enhancing High-Quality Education, 140-162 -*Educational Governance Research* (EGTU, volume 23) [https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-3-031-37604-7\\_8](https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-3-031-37604-7_8)

The Head Foundation. (n.d.). Memupuk Budaya sekolah Positif Dalam Norma Baharu. <https://headfoundation.org/wp-content> Ruohotie, P. (1996). Professional growth and development. In *International Handbook of Educational Leadership and Administration: Part1-2* (pp. 419-445). Dordrecht: Springer Netherlands.

Seo, K., & Han, Y. K. (2012). The vision and the reality of professional learning communities in Korean schools. *KEDI Journal of Educational policy*, 9(2).

Sheninger, E. (2021, July 11). *Pedagogical leadership*. Pedagogical Leadership. <https://esheninger.blogspot.com/2021/07/pedagogical-leadership.html>



Slick, S. (2002). Teachers are enthusiastic participants in a learning community. *The Clearing House*, 75(4), 198-201.

/uploads/2021/08/Handbook-2-Malay\_Memupuk-Budaya-Sekolah-yang-Positif-dalam-Norma-Baharu-DIGITAL.pdf Training and Development Division (TDD) (2010). *Schools As Professional Learning Communities*. Singapore: Training and Development Division, Ministry of Education

Training and Development Division (TDD) (2010). *Schools As Professional Learning Communities*. Singapore: Training and Development Division, Ministry of Education

# POSTER PERBINCANGAN



# POSTER PERBINCANGAN

## TAHAP 1


### SOKONGAN

**Rujukan:**  
<http://www.fundamental.org.my>  
<http://www.warisan.gov.my>  
 Ahmad Tajudin Abdul Hamid 1986. PERANAN PENGETUA DALAM KEMERHEAN PENGAJARAN. Laman 57-61. Universiti Malaya.  
 Bunnath, H. and Siska, P. (2002). ACHIEVING COMPETENCE, SUCCESS AND EXCELLENCE IN TEACHING. London: Autledge.  
 GUY, (2018). TOWARDS DEMOCRATIC LEADERSHIP PRACTICES. International Review of Leadership in Education, 8(2) 161-183(CO PENCOPAL).  
 Gwynne, J., Ferguson, M., & Hogg, L. (2018). DEVELOPING TEACHER LEADERS: HOW TEACHER LEADERSHIP ENHANCES SCHOOL SUCCESS (2nd Edition). Thousand Oaks, CA: Corwin Press Inc.

### PERANAN KETUA PEDAGOGI

**MELAPORKAN DAPATAN DARI PADA MAKLUM BALAS**  
 1. PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (MURID-MURID) & PENGAJARAN (GURU-GURU) → NEGATIF, POSITIF DAN USULAN  
 2. AAR DARI PADA KAJIAN TINDAKAN/ PROJEK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN USULAN  
**MENGAMBIL BAHAGIAN YANG PRO-AKTIF DALAM PERBINCANGAN BERFOKUS**  
 4. MEMBERI SARANAN

**ARAH TUJU**  
**PEMILIHAN PEDAGOGI YANG INGIN DIFOKUSKAN PADA TAHUN TERSEBUT**  
**OBJEKTIF KHUSUS DAN AM : 1. GURU-GURU 2. PELAJAR**  
**HASIL**  
 1. GURU-GURU  
 2. PELAJAR



### PROSES TAHAP 1:

**TURUT HADIR:** Pengetua, Kedua-dua Naib Pengetua, Ketua-ketua Jabatan Pengajaran & Pembelajaran, Kedua-dua Guru Peneraju, SSD, Guru-Guru Kanan dan Calon-Calon Guru-Guru Kanan (Aspiring Senior Teachers)

**MELAPORKAN DAPATAN DARI PADA MAKLUM BALAS**  
 • 1. PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (MURID-MURID) & PENGAJARAN (GURU-GURU) → NEGATIF, POSITIF DAN SARANAN  
 • 2. AAR DARI PADA KAJIAN TINDAKAN/ PROJEK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SERTA SARANAN

Keja yang disebutkan. Berdasarkan FMS(S) RANGKA KERJA PENGAJARAN & PEMBELAJARAN CNI, SFEd dan PERMAS - Perbincangan yang FOKUS ke arah  
 1. Menganalisa masalah dan Melakukan pertimbangan  
 2. Mencari jalan untuk melakukan proses pembaikan  
 3. Mencari beberapa pedagogi yang sesuai untuk diterapkan dan diaplikasi yang selaras dengan Rangka Kerja.

**KESEPAKATAN:**  
 Pengetua akan membuat Keputusan  
 1. Pedagogi untuk tahun tersebut  
 2. Objektif Khusus dan Am untuk  
 a. Guru-Guru  
 b. Pelajar-pelajar  
 3. Hasil  
 a. Guru-guru  
 b. Pelajar-pelajar



### SOKONGAN

**MATLAMAT LEBIH FOKUS, JELAS DAN TERJANGKAU**  
**OBJEKTIF KHUSUS DAN AM SERTA HASIL BERSIFAT SAHIF & REALISTIK**  
**BAHAN RUJUKAN, BAHAN BACAAN, RANGKAIAN (NETWORKING) & KURSUS SECARA TALIAN DAN FISIKAL (F2F)**  
**BAJET**

### PERANAN KETUA PEDAGOGI

**KAJIAN DARI SEGI**  
 A. BACAAN  
 B. LAPANGAN  
 C. MENGHADIRI PERKONGSIAN, KURSUS DLL UNTUK MEMAHAMI PEDAGOGI  
 D. MENCUBA (EKSPRIMENTASI)  
 (PROSES MEMPERLENGKAPKAN DIRI DAN KEMAHIRAN)



### PROSES TAHAP 2:

**TURUT HADIR:** Pengetua, Kedua-Dua Naib Pengetua, Kedua-Dua Guru Peneraju & SSD

**PERBINCANGAN SECARA TERPERINCI DAN FOKUS**

**HASIL PERBINCANGAN DIBERIKAN KEPADA TLC (TEACHER LEADER COUNCIL)** yang terdiri daripada  
 • Naib pengetua dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai penasihat  
 • SSD (bajet dan Bahan rujukan, bahan bacaan, rangkaian (networking) & kursus secara talian dan fizikal (f2f)  
 • Guru Peneraju (Pembimbing Kepada Guru-Guru Kanan & Pengantaraan antara Pengetua dan Penasihat)  
 • Guru-Guru Kanan (Ketua Pedagogi untuk PLT)  
 • Calon-calon Guru-Guru Kanan

**GURU-GURU KANAN (KETUA PEDAGOGI PLT): MEMPERLENGKAPKAN DIRI DENGAN MELAKUKAN KAJIAN DARI SEGI**

- A. Bacaan
- B. Lapangan
- C. Menghadiri perkongsian, kursus dll untuk memahami pedagogi
- D. Mencuba (eksprimentasi)



**SEMANTARA ITU.....MASA DIBERIKAN.....**



## TAHAP 2

# POSTER PERBINCANGAN

## SOKONGAN PERANAN KETUA PEDAGOGI

MEMPERUNTUKKAN MASA/ "PROTECTED TIME" UNTUK TLC MEMAHAMI TUNTUTAN DAN BERBINCANG BERSAMA

TLC MEMPERKUKUKAN DIRI dengan pengetahuan dan kemahiran pedagogi melalui pelbagai jenis kursus dan aktiviti, serta berkolaborasi dengan pelbagai pihak termasuk organisasi pendidikan dan menjalankan inisiatif seperti kelab membaca dan menghadiri perkongsian serta konferens.

MEMBERI KEPERCAYAAN UNTUK MENJALANKAN "IN HOUSE TRAINING" setelah penganalisan data tentang tahap pemahaman dan pengetahuan guru-guru melalui tinjauan. Ia bertujuan menyediakan guru-guru tentang pedagogi yang akan dijalankan untuk PLT tahun tersebut, objektif dan hasil (outcome) yang ingin diraih.

Pengetua, Penasihat TLC dan Konsultan Pedagogi memberi bimbingan untuk menjalankan "In House Training".

Bajet dan Pengurusan Pentadbiran di bawah jajaan VPA

MEMPERKUKUKAN DAN MELENGKAPKAN DIRI DENGAN KEMAHIRAN DAN PENGETAHUAN TENTANG PEDAGOGI PILIHAN TERSEBUT.

MENJADI PENYUMBANG YANG AKTIF DALAM PERBINCANGAN.

MENJALANKAN DAN MENGANALISA TINJAUAN

MENCARI AKTIVITI YANG INTERAKTIF DAN TEPAT SEKALIGUS TERCAPAI SASARAN YANG DIINGINKAN.

MEMPUNYAI PENUBUHAN PENETAPAN MINDA DAN BEKERJASAMA ANTARA SATU SAMA LAIN

MENGANALISA PROFIL GURU-GURU

## PROSES TAHAP 3:

TLC memperkuatkan diri melalui pelbagai kursus dan aktiviti, serta bekerjasama dengan organisasi pendidikan. TLC juga mempunyai inisiatif seperti menubuhkan kelab membaca dan bertukar-tukar fikiran serta pandangan. Dengan menggunakan struktur waktu yang dilindungi, TLC berbincang mengenai tuntutan dan memperuntukkan tugas kepada kumpulan berdasarkan data tinjauan guru-guru. TLC juga mencari aktiviti yang sesuai dan menyusun proposal berdasarkan maklum balas pembimbing. Dengan demikian, mereka secara proaktif meningkatkan keterampilan dan pengetahuan mereka melalui pendekatan yang terstruktur dan berfokus.

Setelah membentangkan proposal untuk "In house training", memperbaiki aktiviti-aktiviti dan melakukan pembahagian tugas untuk menjalankan "In house training" tersebut.

**TURUT HADIR:** TLC (Guru-Guru Penerima, Guru-Guru Kanan, Aspiring Guru-Guru Kanan)  
**Pembimbing:** Naib Pengetua P & P  
**Bajet dan Administrasi:** SSD  
**Penasihat:** Pengetua & Konsultan Pedagogi Pilihan (2024: Assoc. Prof. Tan Heng Kiat Kelvin, Associate Professor, National Institute of Education - Learning Sciences and Assessment)

In-house training dilakukan untuk meningkatkan keterampilan serta pemahaman guru tentang pedagogi yang akan dijalankan. Proses pengumpulan data bertujuan untuk memastikan relevansi bengkel sesuai dengan kebutuhan/keperluan guru-guru. Analisis tinjauan keberkesanan dan kekurangan "In house training" memungkinkan perbaikan program di masa hadapan.

Sesi Pertemuan dengan Kumpulan PLT: Interaksi langsung untuk memahami kebutuhan dan mencari jalan cara-cara yang sesuai untuk mengkolong keperluan mereka

Struktur Protected Time untuk PLT: Waktu dilindungi memastikan fokus tanpa gangguan.

Project Timeline untuk PLT: Garis waktu yang jelas supaya lebih fokus.

Sumber Daya: Bahan bacaan, kursus, dan sesi perkongsian tambahan.

Kolaborasi dengan Organisasi Pendidikan/Konsultan: Kerja sama mem bawa perspektif tambahan.

Pembahagian Guru dalam Kumpulan PLT: Pembahagian dan mentor mendukung pelaksanaan serta lebih fokus untuk menjalankan projek dengan lebih efisien.

TAHAP 3

## TAHAP 4

## SOKONGAN

MEMBERI WAKTU PERJUMPAAN YANG BERSTRUKTUR & TERLINDUNG (PROTECTED TIME) PLT:

Pengenalan dan Proses (3)

Pertemuan dan Refleksi (8)

Refleksi Secara Berkumpulan PLT (2)

Perbentangan (1)

TLC (4)

Bajet Penyelenggaraan & Pentadbiran Projek dan Konsultan

"Open Classroom"

Lesson Observation

"Control Experiment Participants" jika perlu

Sokongan IT

Sokongan Pentadbiran

## PERANAN KETUA PEDAGOGI & PROSES TAHAP 4:

Bertemu dengan Kumpulan-Kumpulan PLT di bawah jajaan dan diterajui.

**PENGENALAN DAN PROSES (3 SESI)**

Menerangkan

Arah Tuju, Objektif Khusus dan Am serta Hasil yang ingin diperolehi.

Garis Masa Projek (Time line)

Tekanan dengan penggunaan data yang diperolehi untuk menghasilkan projek yang baru: Contohnya 2024: Penggunaan AfL supaya ia lebih relevan dan sah (realiable).

Membimbing proses penyelidikan kritikal "critical Inquiry"

Galakkan penyertaan dan fasilitas perbincangan yang bermakna: cipta persekitaran inklusif, galakkan pendengaran aktif, dan dorong ke arah pertukaran idea yang positif.

Berikan maklum balas secara langsung: Mengesahkan kejayaan dan kegagatan tanpa penilaian, galakkan pembelajaran dari pengalaman.

Sumbangkan bahan-bahan rujukan dan kecekapan yang diperlukan: kenal pasti keperluan pembelajaran, sumbkan bahan berkaitan, dan beri akses kepada sokongan luaran seperti konsultan

Bekerjasama dengan konsultan akan bengkel yang bersesuaian bagi keperluan PLT.

**PERLAKSANAAN DAN REFLEKSI (8)**

**1. Penilaian dan Saranan Bersama Konsultan:** Berkolaborasi dengan konsultan untuk menilai dan memberi saranan terhadap proposal projek serta proses pelaksanaannya.

**2. Sesi Berbincang dengan Konsultan:** menyediakan waktu bagi PLT untuk berbincang dengan konsultan untuk memperolehi pandangan tambahan dan saranan.

**3. Pertemuan dengan Ketua Kumpulan:** Berjumpa secara konsisten dengan ketua kumpulan untuk memantau perkembangan projek dan memberi saranan yang diperlukan.

**4. Mengambil Bahagian secara Aktif dalam Sesi PLT:** Menghadiri sesi PLT secara berkala untuk mengetahui perkembangan projek dan memberikan saranan kepada kumpulan.

**5. Pengamatan Pembelajaran dan Kelas Terbuka:** Melakukan pengamatan langsung atau melalui video terhadap pembelajaran, serta mengadakan sesi kelas terbuka untuk menjalankan intervensi dan peningkatan pengetahuan.

Dengan melaksanakan langkah-langkah ini, kita dapat memastikan kelancaran projek dan mendapatkan panduan serta sokongan diperlukan untuk mencapai kejayaan yang diinginkan.

# POSTER PERBINCANGAN

## TAHAP 5

### SOKONGAN

- MENYEDIAKAN WADAH UNTUK MEMBENTANGKAN PROJEK PLT:
- Penyusunan Panel Penilaian: Menyusun panel dengan konsultan dan penasihat PLT untuk menilai dan memilih projek PLT yang sesuai.
- Pilihan Projek PLT: Membantu dalam memilih projek PLT untuk perkongsian antara kelompok sekolah, pertemuan di AST, perkongsian antarabangsa, dan konferens.
- Pemantauan dan Bimbingan Berterusan: Memastikan projek yang dipilih, terutama perkongsian di AST dan perkongsian konferens mendapat bimbingan berterusan daripada Ketua PLT, Penasihat, dan Konsultan.
- Pemberian Bajet untuk Apresiasi: Memberikan anggaran sesuai sebagai penghargaan kepada projek PLT yang mencapai kejayaan
- PROSES REFLEKSI: Menggunakan 2 alat penilaian untuk menilai keberkesanan projek dan bekerjasama dengan PLC/T AST untuk menganalisa data dan memberi saranan untuk tahun berikutnya.
- Dengan langkah-langkah ini, PLT memiliki platform untuk membentangkan projek dan memastikan bimbingan yang diperlukan bagi keberhasilannya.

### PERANAN KETUA PEDAGOGI & PROSES TAHAP 5:

- **Pemantauan yang Konsisten:** Memantau dengan konsisten untuk memastikan kemajuan yang berterusan dalam projek PLT.
- **Memberi Bimbingan yang Padu:** Memberikan arahan yang kukuh dan bersifat fokus kepada ahli kumpulan PLT.
- **Memberi Saranan atau Intervensi yang Diperlukan:** Menyediakan pandangan atau penyelesaian baru yang diperlukan untuk meningkatkan projek.
- **Bekerja Rapat dengan Konsultan:** Berkerjasama erat dengan konsultan untuk mendapatkan pandangan dan panduan tambahan.
- **Memastikan Mutu Projek PLT:** Memastikan standard mutu yang tinggi dalam pelaksanaan projek PLT.
- **Bekerja Rapat dengan Anggota TLC:** Berkerjasama dengan anggota TLC untuk mendapatkan nasihat, mencari penyelesaian masalah, dan memberitahu perkembangan projek secara konsisten.
- **Membina Penubuhan Penetapan Minda:** Memastikan bahawa penilaian dan proses refleksi di dalam kumpulan PLT bersifat membina, positif, dan mendorong perubahan mentaliti yang positif.

## REFLEKSI

### REFLEKSI

REFLEKTIF & KOLABORATIF

Dua alat tinjauan, PLC/TA-R & PLC/TDR, membantu sekolah menilai PLC/PLC/T dan memberi panduan untuk pembangunan. Selepas analisis, ketua-ketua Pedagogi berunding dengan pasukan PLC/T AST. Mereka akan menerangkan peringkat pembangunan. PLC/T pada setiap dimensi membantu sekolah mengenal pasti fasa pembangunan yang seterusnya. Perbincangan membantu guru-guru, TLC, dan sekolah merenung tentang amalan yang perlu diperbaiki.

1. Sokongan Padu, berasaskan 5 Dimensi untuk PLC/T-PLC/T memberi kesan profesional dalam pembangunan guru-guru, murid-murid, ketua-ketua pedagogi, dan sekolah.
2. Sokongan Padu mencipta sistem yang terstruktur dan bersemangat kerana dipercayai serta dibimbing untuk melaksanakan PLC/T.
3. Peningkatan Keupayaan dan Semangat di Katangan Guru-Guru: Guru-guru lebih terinformasi, "professionally renewed", dan bermotivasi untuk memberi yang terbaik kepada pelajar. Mereka lebih kompeten terutama dalam pedagogi dan penguasaan kandungan pengajaran dan pembelajaran (content mastery)
4. Memupuk Budaya Sekolah Yang Bersifat Kolaboratif & Reflektif.
5. PLC/T yang meningkatkan hasil pelajar mendorong guru-guru untuk menyuarakan pendapat, bertanggungjawab bersama, dan mencuba strategi baru, dengan sokongan daripada pihak sekolah serta rakan sejawat.
6. Platform perkongsian di sekolah, kelompok-kelompok sekolah, dan antarabangsa memastikan pertumbuhan profesional guru dan kemajuan kerjaya.



# POSTER PERBINCANGAN

The Future Skill Foundation  
21<sup>st</sup> Century: Professional Development for Teachers

**6** KERJAYA

**5** KOMUNIKASI

**4** PERWATARAN (CHARACTER)  
a. Kemahiran  
a. Kepakaran

**3** KOLABRASI  
Jabatan + Rentas  
Jabatan dll.  
a. MENTORING  
(Mentor + Mentee)

**2** PEMIKIRAN KRITIKAL  
(Reflektif + Pembangunan Diri)

**1** KREATIVITI INOVASI

**1** MURID Fair

**1** KONFIDEN

**1** TERARAH

**1** MURID Fair

**1** KETUA PEDAGOGI

**1** SOKONGAN


**1** REFLEKTIF

**1** KULTURE

**1** SCHOOL IMPAK

Parisi field COLLABORATIVE school

Rujukan:  
1. Academy of Singapore Teachers: <https://academyofsingaporeteachers.nse.edu.sg>  
2. OPAL 2.0: <https://edn.opal2.nse.edu.sg>  
Developing Effective PLC  
5 Enablers for an Effective PLC and Responsiveness  
3. Framework for 21<sup>st</sup> Century Competencies of Student Outcomes  
4. Pedagogical Leadership: ERIC, shen publicat



# ALAM TERKEMBANG JADIKAN GURU



**Faezah Binte Noorahman**  
Guru Kanan  
Sekolah Menengah Edgefield

## SINOPSIS

Pembentangan ini meneroka cara pembelajaran yang berkesan di luar bilik darjah untuk Bahasa Melayu. Dengan menggunakan konsep 'Pedagogi Bermain' dan pengalaman menarik, pedagogi ini melihat bagaimana persekitaran sekolah boleh menjadi pendidik ketiga dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Berfokus pada konsep 'Alam Terkembang Jadikan Guru' yang meliputi lawatan lapangan dalam perkarangan sekolah. Perancangan pembelajaran ini juga menggunakan platform '360 Tour of Our School'. Dengan penggunaan teknologi ini, diharap pelajar yang merupakan pribumi digital dapat belajar Bahasa Melayu dengan lebih menyeronokkan dan interaktif. Guru pula diharapkan dapat merancang kelas yang dinamik dan menyeronokkan, serta memperkukuhkan kemahiran abad ke-21. Cabaran yang dihadapi guru merangkumi penguasaan teknologi, sumber dan bahan pengajaran yang terhad, penerimaan terhadap inisiatif dan kebiasaan baharu, dan pengurusan masa dalam melaksanakan pelajaran. Dalam pembangunan guru, aspek penting termasuk objektif pembelajaran yang jelas, penggunaan semula sumber bahan pengajaran, penerimaan guru, dan pengurusan masa yang efisien.

## PENGENALAN

Idea perkongsian ini tercetus bukan sahaja disebabkan permasalahan yang wujud, namun juga bahawa minat guru meneroka bagaimana persekitaran sekolah dapat bertindak sebagai pendidik ketiga untuk pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu.

### Permasalahan:

Bukannya sedikit jumlah kelas Bahasa Melayu yang dijalankan dalam suasana bilik darjah yang kecil. Bilik darjah yang diberi tentunya berdasarkan jumlah bilangan pelajar yang dimiliki. Meskipun begitu, guru tetap diharapkan dapat merancang dan menghasilkan kelas-kelas yang dinamik, menyeronokkan, menarik dan tentunya menggalakkan pembelajaran. Bukan itu sahaja, mereka perlu menerapkan kompetensi abad ke-21 seperti pemikiran kritis, adaptif dan inventif; kemahiran berkomunikasi, bekerjasama, maklumat dan literasi sivik dan global. Ramai yang akur bahawa penyesuaian persekitaran dan tema pembelajaran memainkan suatu peranan besar dalam perkembangan minda pelajar. Seperti pelajar yang sering inginkan keseronokan ketika belajar, tidak kurang pula guru yang ingin tersenyum riang tatkala berkongsi ilmu.

### Objektif Perkongsian

#### Bagi Guru:

- Ia menggalakkan guru untuk merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran berkonsep 'Pedagogi Bermain' dan lawatan lapangan dalam perkarangan sekolah yang melibatkan penggunaan platform '*360 Tour of Our School*'. Guru perlu memastikan bahawa persekitaran sekolah digunakan secara efektif sebagai pendidik ketiga untuk memperkayakan pengajaran Bahasa Melayu.

#### Bagi Pelajar:

- Membantu pelajar menyelami persekitaran sekolah dengan menggunakan bahasa Melayu melalui pengalaman yang interaktif dan mengasyikkan. Dengan melibatkan diri dalam aktiviti '*Alam Berkembang Jadikan Guru*', pelajar diharapkan dapat memahami dan menghargai potensi persekitaran sekolah sebagai sumber pembelajaran yang berharga untuk memperkayakan kemahiran berbahasa Melayu mereka.

## Kajian lepas yang menyokong perkongsian:

### Pandangan Pakar:

- *“We do not attempt to define “play” distinctly, nor situate play in educational contexts as a standalone phenomenon. We refer to ways that learning through play occurs, for example as child-led, adult-guided or adult-led as “facilitation” given they point to the roles adults and children occupy during learning through play experiences.”* (Rachel Parker, Bo Stjerne & Amy Berry, 2022).
- *“There are three teachers of children: adults, other children, and their physical environment.”* Loris Malaguzzi was the leading force in the creation and development of the Reggio Emilia Approach. (<https://reggioemilia2015.weebly.com/environment-as-a-third-teacher.html>)
- *“Children learn from anything and everything they see. They learn wherever they are, not just in special learning places.”* (John Holt, 1968).
- Persediaan persekitaran pembelajaran haruslah mengambil kira keperluan pelajar dan pengajar (Siti Mistima & Efendi, 2010).

---

## PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU

Saya merupakan salah seorang ahli Jawatankuasa Program Kesediaan di Hari Muka (*Future Ready Programme*) di sekolah saya. Kami telah bersama-sama membangunkan laman web yang mengumpulkan pelbagai sumber ICT untuk guru-guru kami rujuk dan gunakan. Dilancarkan hanya pada akhir Oktober 2023, salah satu subkandungannya benar-benar menarik minat saya – lawatan 360 darjah ke sekolah kami. Dengan adanya laman web ini, ia dapat membantu saya menjadi lebih peka dan teliti dalam merancang pengajaran saya - apakah, bilakah, di manakah dan bagaimanakah perlu diajar. Tentu saja terdapat sukatan pelajaran yang perlu diikuti. Jika saya ingin mengajar puisi kepada pelajar Bahasa Melayu Lanjutan saya, di mana sepatutnya saya membawa mereka agar mereka dapat terlebih dahulu mendalami persekitaran untuk menghasilkan puisi yang baik? Apatah lagi jika saya ingin meneroka pengajaran permainan tradisional menggunakan padang bola keranjang sebagai bilik darjah. Adakah ia akan bertembung dengan rakan sekerja Pendidikan Jasmani yang pengajarannya juga dijalankan di padang yang sama? Makanya disebabkan itu, sebelum memukul canang, biarlah tong yang kosong diisikan dahulu. Saya sebagai ketua pedagogi haruslah mencuba terlebih dahulu sebelum berkongsi.

Menjadi Ketua Pedagogi dewasa ini bukan sahaja menjadi pembimbing kepada guru-guru baru tetapi fokusnya meliputi menyokong pendidik berpengalaman juga. Maka, ia penting bagi seorang ketua pedagogi untuk mengakui bahawa mereka yang mempunyai pengalaman bertahun-tahun, membawa bersama cabaran unik yang memerlukan pendekatan yang berbeza. Konsep *Teacher Ownership*, *Teacher Leadership* (TOTL) mengajar kita tentang kepentingan mencari maklum balas dan panduan daripada orang lain tanpa rasa takut untuk dinilai. Andai idea yang ada hanya setakat dibentangkan kepada rakan sekerja, hal ini bakal dilihat sebagai angan-angan kosong sahaja. Sebagaimana mengajar secara eksplisit dengan menunjukkan contoh di depan pelajar amat digalakkan; begitu juga dengan berkongsi ilmu kepada teman pendidik secara nyata. Mereka diundang ke kelas untuk menyaksikan bagaimanakah kelas dikelolakan, permasalahan yang timbul, keseronokan yang didapati serta pembelajaran yang efektif diperoleh.

Dalam memperkenalkan suatu pedagogi baharu, ada kalanya ketua pedagogi boleh bergerak seiringan dengan yang lain. Hal ini membolehkan unit pendidik belajar bersama-sama dalam menganalisa cabaran dan permasalahan yang akan timbul. Ataupun mencari tahu langkah penambahbaikan sesuatu saranan itu. Ini dapat menguatkan lagi kepercayaan antara satu sama lain. Kelas-kelas yang berjalan pada waktu yang sama boleh digabungkan. Dua orang guru mengendalikan kelas tersebut bersama, sekaligus menyokong satu sama lain.

Melalui wadah mesyuarat jabatan sekolah, lima belas minit diperuntukkan untuk ketua pedagogi berkongsi kepada guru-guru lain. Ketua pedagogi akan meluangkan masa memberi maklum balas kepada persoalan-persoalan yang ada secara tuntas. Bahan-bahan bacaan seperti kajian lepas turut diedarkan untuk pembacaan bersama. Justeru, ketelusan niat untuk pelaksanaan pedagogi ini bukan sahaja mudah diterima oleh rakan setugas, tetapi secara tidak langsung disuarakan kepada ketua jabatan akan inisiatif tersebut. Ia juga penting bagi seseorang itu mempunyai keberanian dalam menyuarakan pendapat baik kepada pemimpin sekolah atau untuk memperjuangkan aspek pemantauan pengajaran dalam perkembangan profesional seorang guru.

Seterusnya, 'Menjadikan Persekitaran sebagai Pendidik Ketiga' diharap bukan sahaja dapat menyuntik kesegaran dalam pembelajaran dan pengajaran; tetapi sekaligus meningkatkan prestasi pencapaian akademik pelajar. Guru-guru dapat menjalankan tinjauan kepada pelajar-pelajar mereka demi mengumpul dan menganalisis dapatan agar langkah selanjutnya dapat digarap. Pastinya, kelas-kelas berpaksikan sekitaran tidaklah praktikal untuk diadakan setiap waktu.

Pedagogi ini sememangnya menggunakan aplikasi '*360 Tour of Our School*' untuk guru merencana pengajaran mereka. Pastinya juga, kelas-kelas ini masih boleh mengizinkan guru membina kepakaran dan meneroka teknologi dan pedagogi yang sesuai dengan arus pendidikan terkini.

## REFLEKSI

### Refleksi Ketua Pedagogi Menggunakan Pedagogi Pilihan:

Sebagaimana pelajar inginkan keseronokan sambil belajar, guru juga perlu berasa seronok sewaktu menyampaikan ilmu. Pembelajaran boleh berlaku di mana-mana, pada bila-bila masa, dan dalam pelbagai bentuk. Banyak yang boleh dipelajari hanya dengan bermain, apatah lagi di luar bilik darjah seperti contoh membuat makanan, menghayati seni, mempelajari kosa kata dan juga; membuat kawan.

Jika dahulu membawa pelajar keluar dari bilik darjah untuk mengajar bakal mengundang cerlungan mata-mata yang menyoal, apatah lagi kawasan yang ingin dibawa pelajar-pelajar Melayu yang seringkali dilihat sebagai kecoh dan bising, adalah kawasan yang guru 'anggarkan' tidak digunakan rakan pendidik yang lain. Dengan adanya platform '*360 Tour of Our School*', guru sudah boleh merancang pembelajaran yang sesuai dengan kawasan persekitaran sekolah. Ibarat sebuah wisata, kelas yang dikelolakan di luar bilik darjah mengundang tarikan yang berbeza kepada pelajar yang pastinya jenuh dengan corak pembelajaran yang sama setiap masa. Pertembungan dengan kelas lain dapat dielakkan.

Jika seorang pelajar tidak dapat belajar dengan cara kita mengajar, kita harus mengajar dengan cara yang pelajar itu boleh belajar. Apabila pelajar berkembang dengan baik, mereka lebih bermotivasi dan kesan yang lebih holistik dalam hasil pembelajaran iaitu hasil (produk) dapat diperolehi. Pelajar tidak memerlukan guru yang sempurna. Pelajar memerlukan seorang guru yang gembira yang membuat mereka bersemangat untuk datang ke sekolah dan menumbuhkan kasih sayang terhadap pembelajaran.

### Impak kepada guru:

Guru dapat merancang dan sekaligus mereka pengajaran mereka bersesuaian dengan tema sukatan pelajaran. Dengan menggabungkan persekitaran dalam pengajaran, guru dapat mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan tidak membosankan bagi pelajar, menjadikan pembelajaran lebih berkesan dan mudah diingati. Dengan menggunakan persekitaran sebagai 'alat pengajaran' membolehkan pelajar melihat bagaimana Bahasa Melayu digunakan dalam situasi dunia nyata, membantu mereka memahami aplikasi praktikal dari apa yang mereka pelajari. Dengan menggunakan persekitaran sebagai guru ketiga, guru juga dapat membantu pelajar mengkaitkan Bahasa Melayu dan budaya dengan lebih mendalam, memupuk penghargaan dan pemahaman yang lebih mendalam terhadap bahasa tersebut. Secara keseluruhan, menggunakan persekitaran sebagai guru ketiga dalam pengajaran Bahasa Melayu dapat memperkaya pengalaman pembelajaran, menjadikannya lebih menarik, praktikal, dan relevan secara budaya bagi pelajar

## **Pedagogi Membentuk Pembangunan Guru:**

Dalam membentuk pembangunan profesional guru, terdapat beberapa aspek penting yang perlu diberi tumpuan. Pertama, objektif pengajaran dan pembelajaran perlu diterangkan dengan jelas berserta kriteria kejayaan yang bakal diperolehi. Sumber bahan pengajaran juga perlu diambil kira, di mana bahan yang sedia ada masih boleh digunakan dan dikitar semula. Selain itu, penerimaan guru juga penting, dengan bimbingan daripada ketua pedagogi untuk mengukuhkan keupayaan guru serta melalui bilik darjah terbuka yang mengundang guru-guru untuk berinteraksi. Mengenai pengurusan masa, konsep '*teach less, learn more*' perlu diamalkan dan adanya usaha untuk tetap melengkapkan sukatan pembelajaran yang tersedia harus dipenuhi dengan cermat.

## **Cabaran:**

Dalam kalangan pendidik, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi. Pertama, pendidik perlu memberi tumpuan kepada penguasaan perisian dan kandungan yang terdapat dalam sukatan pembelajaran. Kedua, ramai yang mungkin lebih rela mengambil jalan mudah. Maka cabaran datang daripada sumber bahan pengajaran yang terhad kepada yang sedia ada sahaja. Ketiga, penerimaan guru terhadap perkara baharu adalah sukar dan memerlukan usaha yang lebih untuk meyakinkan mereka bahawa alah bisa tegal biasa. Keempat, masalah masa juga menjadi cabaran kerana sesuatu yang baharu memerlukan masa yang panjang untuk diuji cuba, sementara sukatan pembelajaran perlu diselesaikan dengan cekap.

## **Pencapaian Objektif:**

Terdapat beberapa orang guru yang turut menggunakan platform '*360 Tour of Our School*' bagi tujuan membantu mereka merancang pengajaran kelas mereka. Guru-guru ini bukan sahaja mengajar Bahasa Melayu, akan tetapi malahan guru kelas Bahasa Cina, Bahasa Inggeris dan Kesusasteraan Inggeris juga turut serta. Meskipun begitu masih ada juga guru yang masih selesa di takuk lama; enggan berganjak sekurang-kurangnya untuk mencuba. Mungkin dengan mengundang mereka turut serta dalam Sesi Kelas Terbuka, segala ketidakyakinan diri atau keraguan yang ada dapat diatasi.

Dengan melibatkan diri dalam aktiviti 'Alam Berkembang Jadikan Guru', pelajar dapat memahami dan menghargai persekitaran sekolah sebagai sumber pembelajaran yang berharga untuk memperkayakan kemahiran berbahasa Melayu mereka. Namun, masih ada segelintir yang mencari peluang untuk setakat bergembira di luar bilik darjah dan alpa akan tujuan sebeanar.. Mungkin guru dapat menambah baik nilai sesi tersebut dengan merakam pembelajaran yang diperolehi, atau memberikan kuiz yang berhubungkait dengan aktiviti yang dijalankan sebagai suatu aktiviti susulan.

## RUJUKAN

- Apidah binti Amin. (2023). Hubungan persekitaran Pembelajaran Dan pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Enam. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(1), 23–35. <https://doi.org/10.51200/jpp.v11i1.4278>
- Edwards, C. P., & Gandini, L. (2018b). The Reggio Emilia Approach to early childhood education. *Handbook of International Perspectives on Early Childhood Education*, 365–378. <https://doi.org/10.4324/9781315562193-26>
- Gandini, L. (2011). Connecting through caring and learning spaces. *The Hundred Languages of Children*, 317–342. <https://doi.org/10.5040/9798400667664.ch-018>
- Gandini, L. (1993). "Fundamentals of the Reggio Emilia Approach to Early Childhood Education". *Young Children*. 49 (1): 4–8.
- Kolb, D. A., Boyatzis, R. E., & Mainemelis, C. (2014). Experiential learning theory: Previous research and new directions. In *Perspectives on thinking, learning, and cognitive styles* (pp. 227-247). Routledge.
- Learning all the time. (n.d.). John Holt. <https://doi.org/10.5040/9781472541406.ch-012>
- Parker, R., Thomsen, B. S., & Berry, A. (2022). Learning through play at school – A framework for policy and Practice. *Frontiers in Education*, 7. <https://doi.org/10.3389/feduc.2022.751801>
- Robson, K., & Mastrangelo, S. (2018). Children's views of the learning environment: A study exploring the reggio emilia principle of the environment as the third teacher. *Journal of Childhood Studies*, 42(4), 1–16. <https://doi.org/10.18357/jcs.v42i4.18100>



# POSTER PERBINCANGAN

ALAM  
TERKEMBANG  
JADIKAN  
GURU

## PENGENALAN




### MAKLUMAT RINGKAS

#### RASIONAL KAJIAN

- Persekitaran yang tersedia ada
- Keseronokan dalam PdP

#### PERMASALAHAN



- Saiz bilik darjah yang kecil



- Jumlah pelajar yang sedikit



- Pelajar kurang bermotivasi

### OBJEKTIF



Membantu guru merancang pengajaran



Perkaya kemahiran berbahasa

Pelajar kenal ruang sekolah

Peroleh pengalaman interaktif + asyik!

## NAMUN...

- Guru masih lagi perlu menyediakan Pdp yang dinamik



### KAJIAN LEPAS

- 1 THERE ARE 3 TEACHERS OF CHILDREN: ADULTS, OTHER CHILDREN, AND THEIR PHYSICAL ENVIRONMENT. -REGGIO EMILIA APPROACH, 2015-
- 2 PERSEDIAAN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN HARUSLAH MENGAMBIL KIRA KEPERLUAN PELAJAR & PENGAJAR. -SITI MUSTAMA & FFENDI, 2010-

# POSTER PERBINCANGAN

## PERANAN KETUA PEDAGOGI



Naman Pemanan Srg.  
SEKOLAH MENENGAH EDGEFIELD




FRCC \*Pencapaian Lelulusan ICT 23 September 2023  
KOMITI PROGRAM KESEDIAAN  
DI HARI MUKA



KONGSI  
ILMU



T.O.T.L



KAJI & CUBA

MERANCANG

apa • di mana  
siapa • kenapa  
bagaimana •  
bila •

# POSTER PERBINCANGAN

## KETUA BOLEH



MEMIMPIN




BERGERAK SEIRINGAN



PERKONGSIAN DALAM  
MESYUARAT JABATAN



KAJIAN LEPAS




MAKLUM BALAS



3

# POSTER PERBINCANGAN



# POSTER PERBINCANGAN

## REFLEKSI

**IMPAK**

Rancang Pdp **SESUAI** dengan tema **JATI**

**CABARAN**

- ISI DAN KANDUNGAN SUKATAN **PERLU** DISELESAIKAN
- SUKAR DAN LECEH**
- SUNA SUMBER Pdp SEDIA ADA**
- PERLU USAHA LEBIH**
- TIDAK CUKUP MASA**

**PENCAPAIAN OBJEKTIF**

Undangan ke Kelas Terbuka

Saya Perkasa, Awak Perkasa; Kita Perkasa

**tarikan wisata**

fuyoo!!!  
GEREK!  
SYIOK!!  
Hendak ke mana tu?

Interaktif & Berkolaborasi

Situasi Dunia Nyata

**Rujukan**

Kelley Robson and Susu Mantralingam. 2018. Journal of Childhood Studies 42(4): 1-16. *Children's Views of the Learning Environment: A Study Exploring the Reggio Emilia Approach to Learning Through Play.*

Richard Parker. In: Syrene & Vera Berry. 2022. *Learning Through Play at School: A Framework for Policy and Practice.*

Gardner, L. (1993). "Fundamentals of the Reggio Emilia Approach to Early Childhood Education." *Young Children*, 49(1), 4-8.

Ward, M. (2019). *Learning Through Play: Strategies and Learning Spaces.*


John Holt. (1969). *Learning All the Time.*

David A. Kolb. 1984. *Experiential Learning Theory.*

Aprilah Binte Amin. 2023. *Habiskan Persekitaran Pembelajaran dan Rancangan Madrasah Melalui Tahapannya.*

URL: <https://www.researchgate.net/publication/369142441>

hasil rthan  
Diana Farida Nordin  
STAIL • SEKOLAH MENENGAH EDGFIELD • BR24-



# NLC: MENINGKATKAN KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU MELALUI REKA BENTUK PEMBELAJARAN UNIVERSAL (UNIVERSAL DESIGN FOR LEARNING, UDL)



**Kasumawati Wansi**  
Guru Kanan  
Sekolah Menengah  
New Town



**Siti Aisha Ahmat Yusop**  
Guru Kanan  
Sekolah Menengah  
Yio Chu Kang



**Cikgu Rita Zarina Mohd Nazeer**  
Guru Peneraju  
Sekolah Menengah  
Marsiling

## SINOPSIS

NLC Ketua Pedagogi ini meneroka dan melaksanakan Reka Bentuk Pembelajaran Universal (*Universal Design for Learning, UDL*) dipilih sebagai kaedah pengajaran inklusif untuk menyokong semua pelajar, termasuk mereka yang mempunyai keperluan pembelajaran khas dan melibatkan semua pelajar melalui tiga prinsip utamanya - penglibatan, representasi, dan ekspresi. Faedah melaksanakan UDL termasuk memperbaiki pencapaian pelajar, membimbing amalan pendidikan yang positif dan memastikan pembangunan profesional guru yang berterusan. Melalui NLC ini, guru-guru berkongsi pengetahuan, menyelesaikan masalah bersama serta menyumbang idea di samping melengkapkan proses pembelajaran dengan penggunaan teknologi yang berkesan. Cabaran yang dihadapi NLC ini termasuk perbezaan pengalaman guru, jadual yang padat. Kami juga memastikan bahawa adanya sikap keterbukaan dan komunikasi secara telus antara guru agar proses pengajaran yang dilaksanakan sentiasa dapat diperbaiki dan mendapat kritikan yang membina. UDL bukan sahaja meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar, malah memberi peluang dan ruang untuk guru meningkatkan pengetahuan dan pembangunan profesional.

## PENGENALAN

Perkongsian ini, dinamakan projek SeJATI dan merupakan hasil daripada satu inisiatif kumpulan guru yang bersemangat untuk mengkaji dan meneroka penggunaan *Universal Design for Learning (UDL)* atau Reka Bentuk Pembelajaran Sejagat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu (PdP) khususnya dalam aspek kemahiran pemahaman, penulisan fungsional dan penulisan karangan.

Permasalahan utama yang dihadapi oleh guru ialah cabaran dalam menyediakan pengajaran yang mampu memenuhi keperluan setiap pelajar, terutamanya dalam kelas yang mempunyai pelajar dengan keperluan pembelajaran yang berbeza-beza. Di samping itu, terdapat juga keperluan untuk menyokong kurikulum bahasa Melayu yang menekankan kepentingan untuk mengasah pelbagai kemahiran serta memupuk kemahiran berfikir secara kritis. Dengan hal yang demikian, kumpulan NLC ini terdorong untuk mengkaji suatu pendekatan yang dapat menggabungkan bahan-bahan yang terdapat dalam kurikulum bahasa Melayu, JATi dengan pendekatan ini demi mengatasi permasalahan ini.

Perkongsian ini bertujuan bukan sahaja untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran guru-guru tentang UDL serta cara penerapannya dalam pengajaran dan pembelajaran, bahkan juga memberikan garis panduan yang praktikal kepada guru untuk mengimplementasikan strategi UDL dalam usaha memenuhi keperluan pelajar yang pelbagai dalam bilik darjah.

### **Objektif utama perkongsian ini adalah untuk:**

- i. Meningkatkan kesedaran dan pemahaman guru-guru tentang pendekatan UDL.

Memberikan garis panduan yang praktikal kepada guru-guru untuk mengimplementasikan UDL dalam PdP bahasa Melayu. Kajian literatur tentang prinsip dan teori UDL menunjukkan bahawa pendekatan ini dapat membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif dan responsif kepada keperluan semua pelajar. Teori UDL menekankan tiga prinsip utama, iaitu menyediakan pelbagai cara representasi, pelbagai cara tindakan dan ekspresi, serta pelbagai cara penglibatan.

Rapp, W. H. (2014), dalam bukunya *Universal Design for Learning in Action: 100 Ways to Teach All Learners*, menyarankan prinsip keempat iaitu mempelbagaikan bentuk penilaian, sama ada dalam bentuk formatif atau sumatif agar guru dapat menilai pemahaman pelajar dalam menjalani ketiga-tiga prinsip utama UDL. Dalam buku ini, beliau telah berkongsi idea sebanyak seratus cara praktikal untuk mengajar dan mengetengahkan idea-idea yang praktikal yang boleh melibatkan semua pelajar. Dengan hal demikian, pendekatan UDL boleh diaplikasikan dalam pelbagai situasi bilik darjah.

Kluth, P. (2018), dalam bukunya *Universal Design Daily: 365 Ways to Teach, Support & Challenge All Learners Using UDL*, mengungkapkan UDL sebagai satu model yang amat berkesan untuk mereka bentuk pelajaran kerana menuntut para guru mengambil kira keperluan, keupayaan, dan minat pelajar serta matlamat pembelajaran sebelum memulakan perancangan. Dalam pembelajaran sejagat, guru juga perlu menyertakan dan menyokong semua pelajar dengan menjangkakan hambatan-hambatan yang mungkin menjejaskan pembelajaran seseorang pelajar serta mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih inklusif.

Selain itu, kajian oleh Rose, D. H., & Meyer, A. (2002). dalam *Teaching Every Student in the Digital Age: Universal Design for Learning* menunjukkan bahawa UDL dapat mempertingkatkan akses kepada pendidikan dengan memanfaatkan teknologi untuk memenuhi keperluan pembelajaran yang pelbagai. Pandangan mereka menyokong bahawa penggunaan teknologi dalam UDL dapat mencipta persekitaran pembelajaran yang fleksibel dan responsif kepada pelbagai gaya pembelajaran.

Kajian oleh Hall, T. E., Meyer, A., & Rose, D. H. (Eds.). (2012) dalam *Universal Design for Learning in the Classroom: Practical Applications (What Works for Special-Needs Learners)* mengukuhkan lagi bahawa UDL membantu guru menyediakan pembelajaran yang boleh diakses oleh semua pelajar, termasuk mereka yang berkeperluan khas. Buku ini memberikan aplikasi praktikal UDL dalam bilik darjah, menyokong guru dalam melaksanakan strategi-strategi ini secara efektif.

Couros & Novak, (2019), dalam buku *Innovate Inside the Box: Empowering Learners Through UDL and the Innovator Mindset*, menekankan bagaimana UDL dan penetapan minda seseorang yang kreatif boleh digabungkan untuk memperkasa pelajar. Pendekatan ini menggalakkan guru untuk melihat setiap pelajar sebagai individu yang unik dengan potensi tersendiri, menggunakan UDL untuk membina persekitaran pembelajaran yang membolehkan setiap pelajar berkembang.

Kajian oleh CAST (*Center for Applied Special Technology*) juga mendapati bahawa pelaksanaan UDL membantu dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar dengan memberikan mereka pilihan dalam cara mereka belajar dan menunjukkan pemahaman mereka. Ini menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan bermakna bagi pelajar.

---



## PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU

Ketua Pedagogi memainkan peranan yang penting dalam menerajui projek atau program pedagogi yang dikongsi. Mereka bertanggungjawab untuk memimpin pelaksanaan dan memastikan strategi yang diperkenalkan seperti UDL dapat diadaptasi dengan baik oleh guru-guru di sekolah.

Ketua Pedagogi memimpin pelaksanaan program pedagogi dengan menetapkan arah tuju yang ingin dicapai dengan jelas. Mereka merancang strategi pelaksanaan dengan teliti, menetapkan objektif yang tuntas serta memastikan setiap langkah dalam pelaksanaan selaras dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui UDL. Mereka juga memastikan semua guru memahami dan komited terhadap pelaksanaan UDL.

Ketua Pedagogi membina hubungan yang kukuh dengan guru-guru melalui komunikasi yang terbuka dan kolaborasi. Dalam hal ini, sesi perbincangan perlu diadakan untuk memahami keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan UDL. Dengan menjadi ketua yang mudah didekati, kepercayaan dan kerjasama yang erat dapat dipupuk sekali gus meningkatkan kesediaan guru-guru untuk mencuba pendekatan baharu.

Ketua Pedagogi bertanggungjawab untuk menyediakan bahan bacaan dan kajian lepas yang relevan bagi menyokong pelaksanaan UDL. Ini termasuk menyediakan akses kepada buku-buku seperti yang ditukil dalam laporan ini.

Dengan menyediakan sumber yang kaya, Ketua Pedagogi membantu guru-guru untuk memahami dan mengaplikasikan prinsip-prinsip UDL secara efektif. Guru-guru digalakkan untuk membaca, berbincang serta berkongsi bahan-bahan pembelajaran yang menerapkan UDL dalam sesi pertemuan berkala.

Ketua Pedagogi perlu meluangkan masa untuk memberikan maklum balas yang spesifik, praktikal, dan tepat secara kerap dan konsisten. Sesi pemantauan dan penilaian untuk menilai keberkesanan pengajaran guru-guru dan memberikan maklum balas yang konstruktif juga dapat membantu guru-guru memahami pendekatan ini dengan lebih mendalam. Maklum balas ini penting untuk membantu guru-guru memperbaiki amalan pengajaran mereka dan memastikan pelaksanaan UDL berjalan lancar. Kolaborasi yang berterusan ini juga memastikan guru-guru mendapat sokongan yang diperlukan dalam proses pembelajaran mereka. Dalam penerangan audio siar *Think Fast, Talk Smart: Communication Techniques* oleh *Matt Abrahams (2016)*, komunikasi yang berkesan disebut sebagai kunci untuk mempengaruhi orang lain. Ketua Pedagogi mesti mampu menyampaikan manfaat dan keberkesanan UDL dengan jelas dan meyakinkan.

Ketua Pedagogi turut belajar bersama-sama dengan guru-guru dan pentadbir sekolah untuk pembangunan diri dan sebagai satu pasukan. Dengan mengambil bahagian dalam sesi perbincangan, Ketua Pedagogi menunjukkan komitmen mereka terhadap pembangunan profesional dan pembelajaran berterusan. Ini juga membantu dalam membina satu budaya pembelajaran yang kolaboratif di sekolah. John C. Maxwell, dalam bukunya *The 21 Irrefutable Laws of Leadership (2007)*, menyatakan bahawa pemimpin yang efektif merupakan ketua yang mampu mempengaruhi orang lain dengan integriti dan ketelusan.

Ketua Pedagogi mengumpul dan menganalisis dapatan dari pelaksanaan UDL untuk menentukan keberkesannya dan mengenal pasti bidang yang memerlukan penambahbaikan. Mereka menggunakan alat-alat penilaian dan data analisis untuk memahami prestasi pelajar dan guru. Dapatan ini digunakan untuk membuat keputusan berdasarkan data dan merancang langkah-langkah seterusnya untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran. Analisis yang teliti memastikan bahawa setiap tindakan yang diambil adalah berdasarkan bukti yang kukuh.

Ketua Pedagogi juga memainkan peranan dalam meneraju inovasi bersama-sama guru. Mereka menggalakkan guru-guru untuk meneroka teknologi dan pedagogi terkini bagi membina kepakaran dan meningkatkan kualiti pengajaran. Dengan bersama-sama menerajui inovasi, Ketua Pedagogi menunjukkan bahawa mereka sentiasa peka dengan lanskap pendidikan terkini. Dengan peranan yang dimainkan oleh Ketua Pedagogi, pelaksanaan UDL di sekolah dapat dijalankan dengan lebih efektif, membantu guru-guru untuk memenuhi keperluan pembelajaran pelajar yang pelbagai dan meningkatkan kualiti pendidikan secara keseluruhan.

---

## REFLEKSI

Sebagai Ketua Pedagogi, pelaksanaan pendekatan UDL telah memberikan kami peluang untuk memperkaya proses pengajaran dan pembelajaran. Tambahan pula, pendekatan ini berupaya menyokong kurikulum bahasa Melayu kita yang merupakan matlamat utama Projek SeJATi ditubuhkan. UDL membolehkan pengajaran yang lebih inklusif dan fleksibel, selari dengan matlamat kurikulum bahasa Melayu untuk membina kemahiran bahasa Melayu yang kukuh dalam kalangan pelajar. Kolaborasi yang berterusan bersama Guru Pakar (MLCS) amat menyokong pembelajaran kumpulan ini. Kolaborasi ini masih terus berjalan anggota kumpulan semakin bertambah dan bercambah.

Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah di Singapura merangkumi beberapa komponen utama yang bertujuan untuk membangunkan kemahiran berbahasa pelajar secara menyeluruh serta menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif melalui aktiviti-aktiviti yang mencabar minda seperti perbincangan ehwal semasa.

Pelaksanaan UDL telah memberi impak positif kepada guru-guru di sekolah-sekolah yang terlibat. Guru-guru kini lebih yakin dalam menyediakan pengajaran yang inklusif dan berkesan. Mereka telah meningkatkan kemahiran dalam menggunakan pelbagai strategi pengajaran untuk memenuhi keperluan pelajar yang berbeza. Kolaborasi antara guru juga bertambah baik, dengan lebih banyak perkongsian idea dan amalan terbaik. Guru-guru kini lebih berupaya untuk merancang dan melaksanakan pengajaran yang dapat diakses oleh semua pelajar. Ini tidak hanya meningkatkan hasil pembelajaran tetapi juga memperkaya pengalaman profesional guru-guru.

Sebagai Ketua Pedagogi, saya menghadapi beberapa cabaran dalam melaksanakan UDL. Ini termasuk kekangan masa untuk latihan dan penyediaan sumber, serta memastikan semua guru menerima dan memahami pendekatan ini. Terdapat juga cabaran dalam mengubah penetapan minda guru-guru yang sudah terbiasa dengan cara mereka sendiri.

Objektif pelaksanaan UDL sebahagian besarnya telah tercapai. Guru-guru menunjukkan peningkatan dalam penggunaan strategi pengajaran inklusif dan kolaborasi antara mereka juga meningkat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang memerlukan penambahbaikan, seperti penyediaan sumber yang lebih komprehensif dan latihan yang lebih kerap untuk memastikan semua guru benar-benar mahir dengan pendekatan UDL.

Secara keseluruhan, pelaksanaan UDL telah memberikan impak yang positif dan signifikan kepada pembangunan pedagogi guru di sekolah, menyokong kurikulum JATi dan meningkatkan kualiti pendidikan secara keseluruhan.

Sekalung budi kami ucapkan kepada guru-guru yang turut berkolaborasi dalam Projek SeJATi:

1. Cikgu Jasmiyanti Marhajas – Guru Kanan, Sekolah Menengah Commonwealth
2. Cikgu Mastuty Mohamed Masat – Guru BM, Sekolah Menengah Bukit Batok
3. Cikgu Rohana Ismail – Guru BM, Sekolah Menengah Fuhua

## RUJUKAN

Abrahams, M. (2014). *Think Fast, Talk Smart: Communication Techniques*.

Couros, G., & Novak, K. (2019). *Innovate inside the box: Empowering learners through UDL and the innovator's mindset*. IMPress, a division of Dave Burgess Consulting, Incorporated.

Rose, D. H., & Meyer, A. (2002). *Teaching every student in the digital age: Universal design for learning*. Association for Supervision and Curriculum Development, 1703 N. Beauregard St., Alexandria, VA 22311-1714 (Product no. 101042: \$22.95 ASCD members; \$26.95 nonmembers).

Hall, T. E., Meyer, A., & Rose, D. H. (Eds.). (2012). *Universal design for learning in the classroom: Practical applications*. Guilford press.

KI, P. (2018). *Universal design daily: 365 ways to teach, support & challenge all learners using UDL*. CreateSpace Independent Publishing Platform.

Maxwell, J. C. (1998). *The 21 irrefutable laws of leadership: Follow them and people will follow you*. Thomas Nelson.

Rapp, W. H. (2014). *Universal design for learning in action: 100 ways to teach all learners*. Paul H. Brookes Publishing Co.

Heath, M., & Carnegie, D. (2020). *Think fast talk smart: Effective communication strategies*. Heath Publishing.

# POSTER PERBINCANGAN

## UNIVERSAL DESIGN FOR LEARNING


Pembentangan oleh

Cihgu Kasumawati  
Cihgu Rita Zarina  
Cihgu Siti Aisha  
Cihgu Jasmiyanti



1

Mengapa perlu gunakan UDL?



Memberikan peluang yang sama



Memenuhi keperluan semua pelajar

2

Manfaat UDL



Meningkatkan Kurikulum

Mencabar dan Tercapai



Mengatasi halangan

Membina Kekuatan



3

3 Prinsip UDL



Pelibatan



Representasi



Tindakan dan Ekspresi

4

Kolaborasi

Tentukan matlamat bersama dan kukuhkan komunikasi

Memperuntukkan masa



Rancang RP dan Penilaian



Kelas Inklusif

7

Contoh P&P dalam kelas

Persekitaran yang fleksibel

Kerja berkumpulan

Berpusatkan Pelajar

Pelajaran Pelbagai Deria



5

Penggunaan UDL

Pilihan Tugas

Penilaian yang Fleksibel

Berbilang Media



Sokongan

Representasi yang pelbagai

6

Rancangan Pengajaran



Refleksi Diri

Profil Pelajar



Kurikulum JATI



S.M.A.R.T. Goals

# POSTER PERBINCANGAN

## Peranan Ketua Pedagogi P.E.M.B.I.N.A

Akronim PEMBINA merangkumi peranan Ketua Pedagogi dalam memajukan setiap inisiatif yang ingin diketengahkan.

**P**

### Pemimpin

Ketua Pedagogi bertindak sebagai **pemimpin** yang memberikan arah tuju kepada guru-guru dalam melaksanakan strategi pembelajaran seperti UDL. Sebagai ketua, pastikan semua langkah yang diambil selaras dengan matlamat agar Pengajaran dan Pembelajaran yang berdasarkan UDL terlaksana dengan berkesan.

**E**

### Efektif

Ketua Pedagogi perlu bertindak dengan cara yang **efektif** dalam merancang dan melaksanakan strategi pedagogi. Sebagai ketua, kita harus pastikan setiap langkah pelaksanaan sesuai dengan matlamat yang telah ditetapkan serta mengukur keberkesanan pelaksanaan melalui penilaian dan analisis data yang berkesan.

**M**

### Membina

**Membina hubungan** yang kukuh bersama guru-guru merupakan perkara yang penting. Kita juga seharusnya membina **ruang** dan **peluang** untuk berkolaborasi. Selain itu, perlu adanya komunikasi terbuka agar guru-guru dapat menerima perancangan kita dalam menentukan pembangunan profesional guru secara berterusan.

**B**

### Bermakna

Ketua Pedagogi bertanggungjawab untuk memastikan bahawa hasil pembelajaran serta pendekatan yang dilaksanakan berkualiti dan **bermakna** bagi pelajar. Dalam hal ini, guru-guru perlu diberikan sokongan, bimbingan dan bahan-bahan yang relevan untuk mengembangkan kecekapan mereka dalam mengaplikasikan prinsip-prinsip UDL.

**I**

### Inovasi

Menerapkan **inovasi** dalam pendekatan pengajaran merupakan salah satu peranan utama Ketua Pedagogi. Kita seharusnya menggalakkan penggunaan teknologi dan pendekatan terkini yang relevan agar lebih berpusatkan kepada pelajar.

**N**

### Nilai

Menganalisis hasil pembelajaran, data dan prestasi pelajar untuk menilai keberkesanan UDL. **Penilaian** ini dapat menentukan langkah-langkah yang perlu diambil untuk penambahbaikan.

**A**

### Adaptasi

**Adaptasi** merupakan kunci utama dalam pelaksanaan UDL. Ketua Pedagogi perlu berupaya menyesuaikan strategi mengikut keperluan pelajar. Dalam hal ini, kita juga perlu memastikan pelaksanaan yang fleksibel dan responsif agar matlamat pembelajaran dapat dilaksanakan.

# POSTER PERBINCANGAN

Chris Mattatall(2022)  
 Diadaptasikan daripada  
 UDLGuidelines (CAST.org)

GoodTeacing.ca

## Universal Design For Learning



Pengajaran pembezaan sesuai untuk diaplikasikan pada setiap jalur

# POSTER PERBINCANGAN



## Pelaksanaan 3 PRINSIP Reka Bentuk Pembelajaran Sejagat (UDL) dalam pelajaran Peribahasa melalui penghasilan Komik Pixton

1

### Pelbagai Cara Representasi

- Sebagai persediaan sebelum pelajaran, pemahaman pelajar tentang peribahasa dinilai dengan aktiviti pepadanan di **Wordwall** sebelum guru menjelaskan semula makna peribahasa yang kurang difahami.
- Pelajar boleh memilih untuk mengulang kaji dengan menggunakan kad imbasan di Wordwall atau teks
- Pautan video **YouTube** cara untuk menghasilkan komik di **padlet**



2

### Pelbagai Cara Pelibatan

- Pelajar memilih peribahasa yang ingin dijadikan komik. Keutamaan memilih diberikan kepada pelajar yang berkemahiran rendah.
- Secara individu, pelajar menghasilkan konteks peribahasa, papan cerita dan komik dengan menggunakan aplikasi Pixton.
- Dengan pasangan pilihan, pelajar saling membantu menyemak dan memberikan maklum balas pada setiap fasa pembelajaran.



3

### Pelbagai Tindakan dan Ekspresi

- Pelajar diberi pilihan untuk:
- menyampaikan konteks peribahasa secara lisan atau ditaipkan di padlet
  - memilih pelbagai fitur Pixton yang bersesuaian dengan papan cerita
  - menyampaikan komik dengan merakamkan audio atau main peran





# POSTER PERBINCANGAN



## PERANAN KETUA PEDAGOGI

### KAEDAH INKUIRI KRITIKAL

Kaedah inkuiri kritikal memberikan rangka kerja yang sistematik. Kaedah ini memerlukan setiap guru untuk mengenalpasti, merancang dan membuat renungan sebelum melaksanakan apa-apa pendekatan yang ingin dijalankan. Dengan cara ini, pelaksanaan akan lebih berkesan dan relevan mengikut profil dan keperluan pelajar. Perancangan ini juga dapat diteruskan berdasarkan bukti yang kukuh, sekali gus membantu mencapai matlamat PdP.



#### Kenalpasti (Identify):

- Mengenal pasti permasalahan dalam PdP

#### Rancang (Plan):

- Merancang strategi pembelajaran yang inklusif dan fleksibel.

#### Pelaksanaan dan Pemerhatian (Implement and Observe):

- Melaksanakan strategi dan memantau keberkesanannya di dalam kelas.

#### Refleksi dan Kajian Semula (Reflect and Review):

- Mengkaji keberkesanan dan membuat penambahbaikan berterusan.

### SESI PASUKAN PEMBELAJARAN PROFESIONAL (PLT)



Dalam sesi PLT, setiap perbincangan diminitkan dalam Pelan Tindakan. Sesi ini dijalankan mengikut proses inkuiri untuk memastikan semua guru memahami arah tuju jabatan. Dalam hal ini, perlu dapatkan konsensus dan pemilihan pembelajaran dalam kalangan guru.

Platform ini penting untuk pembangunan profesional guru, perancangan strategi pengajaran yang efektif dan peningkatan kualiti PdP secara keseluruhan.


### MEMBINA KECEKAPAN DAN PEMAHAMAN GURU

Memberikan bahan bacaan dan perkongsian tentang UDL adalah penting untuk membina kecekapan dan pemahaman guru. Dengan memahami prinsip-prinsip UDL, guru-guru dapat merancang pengajaran yang lebih inklusif dan berkesan.




### KOLABORASI

Peluang untuk guru berkongsi idea, amalan terbaik dan bahan pengajaran. Kolaborasi ini memperkaya pengalaman profesional guru dan meningkatkan kualiti pengajaran di dalam kelas.



Ketua pedagogi perlu mengadakan peluang kepada guru untuk berkongsi idea masing-masing. Sesi ini boleh diadakan secara berkala dalam sesi PLT. Ini memastikan semua guru terlibat secara aktif dan idea-idea baru sentiasa diterokai. Maklum balas serta penambahbaikan dapat diberikan.



# POSTER PERBINCANGAN

## UDL

### PELAKSANAAN & KEBERKESANAN

## REFLEKSI GURU

# 1

### PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- memperkaya proses pengajaran dan pembelajaran
- menyokong kurikulum bahasa Melayu yang inklusif dan fleksibel.



# 2

### PENINGKATAN KEMAHIRAN GURU

- lebih yakin dan berkemahiran dalam menyediakan bahan pengajaran
- lebih peka - inklusif
- berpusat kepada pelajar (profil dan keperluan pelajar)

# 3

### PENINGKATAN KOLABORASI GURU

- kolaborasi antara guru bertambah baik
- lebih banyak perkongsian idea dan amalan terbaik
- memperkaya pengalaman serta meningkatkan pembangunan diri secara profesional.

# 4

### CABARAN PELAKSANAAN UDL

- masa untuk meneroka
- penyediaan bahan-bahan pengajaran yang bermakna
- mengubah penetapan minda guru yang sudah terbiasa dengan cara pengajaran mereka sendiri




# 5

### PENAMBAHBAIKAN

- objektif pelaksanaan UDL telah tercapai
- peningkatan penggunaan strategi pengajaran inklusif
- penyediaan bahan-bahan yang lebih komprehensif





# PENGGUNAAN CLASSPOINT DALAM PDP UNTUK MENYUNTIK KEGERIAAN DALAM PEMBELAJARAN DAN MENINGKATKAN MOTIVASI



**Siti Fatimah Bte Omar Bakri**  
Guru Kanan  
Sekolah Rendah Xinmin



---

## SINOPSIS

Penggunaan ClassPoint dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dapat menyuntik keceriaan dalam pembelajaran serta dapat meningkatkan motivasi pelajar. Terdapat pelbagai mod seperti *Word Cloud*, *MCQ*, *Quiz*, *Short Answer*, *Fill in The Blank*, *Audio Record*, *Video Upload* dan *Slaid Drawing* boleh dipautkan. Cabaran kecil yang dihadapi semasa menggunakan aplikasi ini ialah pelajar tidak menaip nama mereka sebagaimana yang ditaip guru dalam ClassPoint. Penggunaan ClassPoint dalam bilik darjah dapat meningkatkan penglibatan dan prestasi murid, serta meningkatkan penyertaan dan motivasi mereka kerana terdapat fitur gamifikasi yang digunakan dalam pengajaran yang dijalankan.

Dengan menggunakan ClassPoint, guru tidak perlu untuk menggunakan aplikasi yang lain kerana ClassPoint lengkap dengan pelbagai fitur pembelajaran. Penggunaan ClassPoint membantu guru-guru menjadi lebih yakin menggunakan alat penilaian ICT. Guru hanya perlu menyediakan slaid powerpoint mereka dan menukarkan mod dengan aplikasi ClassPoint semasa pengajaran dan pembelajaran. Kelebihan ini dapat meningkatkan kemahiran guru dalam menambah nilai pengajaran mereka.

## PENGENALAN

Penggunaan ClassPoint merupakan inisiatif daripada jabatan bahasa ibunda di Sekolah Rendah Xinmin. Guru-guru kanan daripada jabatan bahasa ibunda mendapati bahawa guru-guru, terutamanya guru-guru berpengalaman agak berat untuk menggunakan ICT dalam pengajaran mereka. Di Sekolah Rendah Xinmin, guru merasakan payah untuk menggunakan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) kerana menyediakan pengajaran menggunakan ICT mengambil masa terutamanya jika guru-guru perlu togol dari slaid powerpoint ke alat ICT yang lain. Masalah lain yang dikongsi ialah pelajar tidak dapat log masuk ke dalam akaun mereka dan hal ini memakan masa pengajaran yang lama terutamanya untuk menentukan semula kata laluan pelajar. Dengan menggunakan ClassPoint, masalah yang guru-guru hadapi dapat diatasi. Pelajar hanya perlu mengimbas kod QR yang akan tertera di slaid PowerPoint guru. Bagi guru pula, dengan menggunakan slaid PowerPoint ClassPoint, guru dapat mempelbagaikan pengajaran mereka. Pada dasarnya, classpoint merupakan media slaid Powerpoint yang menarik kerana mampu dijadikan penyampaian interaktif. Penulis juga boleh menjalankan sesi tanya jawab dan mendapatkan respons pelajar secara langsung, sama halnya dengan kegiatan yang di lakukan di dalam kelas (Dian Hadiyani Sundari, Iskandar & Muhlis, 2021).

Menurut beberapa kajian lepas juga, Classpoint mampu membuat pembelajaran lebih aktif. Pembelajaran aktif boleh dicirikan sebagai pembelajaran yang:

- a. berpusat pada pelajar;
- b. terkait dengan kehidupan nyata;
- c. mendorong interaksi pelajar;
- d. membolehkan pemantauan guru
- e. membolehkan maklum balas langsung terhadap hasil kerja pelajar; dan
- f. aturan persekitarannya memudahkan pelajar menjalankan aktiviti pembelajaran.

(Dian Hadiyani Sundari, Iskandar & Muhlis, 2021)

Justeru itu, perisian ClassPoint dipilih kerana ia membolehkan guru menukar slaid PowerPoint kepada kuiz interaktif, menjalankan kuiz bersama pelajar, guru dapat mengumpulkan respons secara langsung, menjangkau kelemahan murid dan dapat menyimpan data untuk memantau kemajuan murid.

**Objektif yang dapat dicapai semasa menggunakan ClassPoint ialah:**

- i. Penggunaan ClassPoint dapat meningkatkan motivasi dan pelibatan murid serta menyuntik keceriaan dalam pembelajaran mereka;
- ii. Kemampuan ClassPoint di mana guru boleh mencipta dan menyampaikan soalan dengan mudah menggunakan slaid PowerPoint sedia ada tanpa perlu beralih pada aplikasi yang lain.

Motivasi dan keseronokan harus beriringan. Kedua-dua sifat ini harus ada dalam kalangan para pelajar kita. Dengan adanya motivasi dan keseronokan, keceriaan di bilik darjah dapat dilihat. Menurut Kamus Dewan edisi keempat, motivasi bermaksud keinginan atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Motivasi merupakan penggerak yang melibatkan proses membangkit, mengekal dan mengawal minat (Bernard, H.W. 1965 dalam Kamaruddin Hussin, 1993). Justeru itu, motivasi amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar dapat menentukan hala tuju dan keberkesanan sesuatu pelajaran. Pelajar yang bermotivasi tinggi biasanya mempunyai dorongan yang kuat dan mantap untuk terus berminat dengan apa yang disampaikan hasil daripada rangsangan-rangsangan yang kuat iaitu menerusi insentif dan motif.

Semasa perbahasan di parlimen pada tahun 2017, Menteri Pendidikan, Encik Ng Che Meng menegaskan bahawa menyemai keseronokan dalam pembelajaran dapat menjadikan pelajar bermotivasi secara intrinsik. Dengan itu, pelajar akan menyukai apa yang mereka pelajari di dalam kelas dan berasa seronok menghadiri sekolah. Penggunaan ClassPoint di dalam bilik darjah dapat membantu guru untuk meningkatkan lagi tahap motivasi murid dan menyuntik keceriaan di dalam bilik darjah.

Berdasarkan satu kajian yang dijalankan dalam kalangan mahasiswa SUTD, mereka bersetuju bahawa penggunaan ClassPoint lebih baik berbanding penggunaan alat ICT yang lain seperti Kahoot! Di mana ia terlalu bersifat kompetitif dan dapat menjejaskan keseronokan dalam pembelajaran. Mahasiswa ini juga berpendapat bahawa ClassPoint tidak bersifat kompetitif dan mereka dapat menjawab soalan-soalan dengan lebih serius daripada tergesa-gesa.

Secara keseluruhan, melalui kajian yang dijalankan, guru kanan mendapati bahawa guru menganggap ClassPoint mudah digunakan dan mempunyai kesan positif terhadap penglibatan murid. Dengan kemampuan ClassPoint dan sifat mesra penggunaannya, guru dapat menyediakan sesuatu yang unik yang lebih menyeronokkan untuk menarik minat pelajar.

Kelebihan utama menggunakan ClassPoint membolehkan guru menggunakan slaid PowerPoint sedia ada mereka tanpa beralih pada aplikasi yang lain. Ia juga dapat menyediakan maklum balas langsung. ClassPoint juga menawarkan pelbagai pilihan untuk membantu menarik minat murid melalui kuiz interaktif, lukisan slaid, *Word Cloud* dan memuat naik imej. Guru juga akan mendapati fungsi '*Pick-a-Name*' yang amat berguna untuk mengelakkan terlalu kerap memanggil murid yang sama. Secara tidak langsung, fungsi ini memberi banyak peluang untuk melibatkan murid lain dalam perbincangan.

## PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU

Ketua pedagogi seperti jentera penggerak di sekolah. Sebagai pengenalan kepada ClassPoint, guru kanan Bahasa Cina telah mengadakan sesi perkongsian bersama wakil daripada ClassPoint. Dalam sesi itu, semua guru bahasa ibunda telah didedahkan kepada fitur-fitur yang ada dalam pakej ClassPoint. Selepas perkongsian itu, guru-guru kanan bahasa ibunda (Cina, Melayu dan India) di Sekolah Rendah Xinmin bersetuju untuk melangani ClassPoint untuk membantu guru-guru. Penggunaan ClassPoint dimulakan dahulu di dalam kelas dan kemudian dikongsi.

Ketua Pedagogi menyediakan bahan yang diperlukan seperti bahan bacaan dan bahan rujukan. Guru kanan telah menerajui pedagogi di sekolah dengan mulamenyediakan rancangan pengajaran yang menggunakan aplikasi ClassPoint dan menjemput guru-guru masuk ke kelas untuk menyaksikan penerapan aplikasi tersebut dalam PdP di bilik darjah.

Guru kanan juga berusaha membina hubungan yang positif dalam kalangan guru-guru. Sifat saling menghormati dan saling mempercayai merupakan perkara utama untuk mewujudkan hubungan yang positif bersama guru-guru. Ketua pedagogi harus bersedia meluangkan masa mendengar pendapat guru-guru semasa perbincangan atau mendengar permasalahan guru dengan hati yang terbuka. Setiap masalah guru tidak haruslah dikongsi sewenang-wenangnya. Di sekolah, setiap guru kanan (ST) akan menjadi fasilitator bagi program *Professional Development Time* (PDT). Bagi program ini, ST akan membantu guru-guru fasilitator yang lain untuk menjadi fasilitator yang efektif di dalam kumpulan masing-masing. Dalam perancangan ini, semua ST akan mencari bahan bacaan dan bahan-bahan lain yang boleh digunakan untuk membantu fasilitator ini. Setiap kumpulan PDT, diberikan masa yang tetap untuk berbincang, membuat refleksi dan berkongsi tentang pengajaran DI yang telah dijalankan di dalam bilik darjah. Setiap guru memberi maklum balas tentang apa yang mereka telah pelajari dan apa yang boleh dilakukan oleh guru yang berkongsi untuk penambahbaikan pengajaran yang dijalankan. Untuk tidak memberi tekanan kepada guru-guru, para ST di Sekolah Rendah Xinmin telah mencadangkan kepada pengetua agar pemantauan rakan (*peer observation*) patut dijalankan dahulu sebelum kelas dibuka kepada semua untuk pemantauan (*open classroom*). Walaupun *open classroom* sudah seharusnya wujud di setiap sekolah, ramai guru ini di sekolah tidak begitu selesa dengan konsep *open classroom*. Melalui *peer observation* ini, ST dapat menggalakkan guru-guru belajar bersama-sama tanpa rasa 'tergugat'. ST juga meluangkan masa memberikan maklum balas yang spesifik, praktikal dan tepat pada masa dengan guru.

Setiap apa yang dibincangkan akan kemudian dijalankan di dalam bilik darjah. ST menganalisa setiap dapatan. Dapatan yang dikumpulkan akan digunakan untuk menyediakan bahan yang lebih bermakna bagi profil pelajar agar dapat membantu menjadikan pembelajaran pelajar lebih efektif.

Dapatan yang dikumpulkan bukan sahaja daripada sudut markah sahaja tetapi juga daripada pendapat dan refleksi para pelajar yang terlibat. Melalui dapatan ini, guru juga dapat memperbaiki pengajaran di dalam bilik darjah. Dengan pertemuan dan perkongsian bersama guru-guru, ST telah menerajui penggunaan ClassPoint di dalam bilik darjah. Setiap slaid PowerPoint yang dihasilkan, akan dikongsi bersama mereka. Guru-guru saya juga dapat menjalani pelajaran yang telah atau akan dijalankan di dalam kelas oleh ST. Guru-guru akan memberikan pendapat dan membincangkan apa yang telah dipelajari dan dapat dijalankan di dalam kelas mereka.

---

## REFLEKSI

Setelah menggunakan ClassPoint selama hampir dua penggal, saya dapati impak kepada guru-guru (jabatan bahasa ibunda) yang menggunakan ClassPoint secara konsisten amat positif. Bagi persediaan bahan pengajaran yang ingin saya gunakan, saya hanya perlu satu aplikasi iaitu slaid PowerPoint. Saya boleh ubah slaid PowerPoint itu dengan menjadikannya lebih interaktif dengan menggunakan aplikasi ClassPoint. ClassPoint juga boleh digunakan oleh semua guru bahasa ibunda kerana aplikasi ini menyokong fon hanyu pinyin dan bahasa *Tamil*. ClassPoint juga dapat membantu guru menjana soalan-soalan kefahaman mengikut urutan Taksonomi Bloom. Walau bagaimanapun, sebagai seorang guru kita harus memastikan soalan-soalan yang dihasilkan sesuai untuk pelajar dari aspek bahasa dan cara penyolaan. Selain daripada alat penilaian yang sedia ada, aplikasi ClassPoint ini telah meningkatkan kemahiran guru-guru kami dalam memastikan di manakah penilaian harus mereka jalankan.

Satu cabaran yang kami hadapi adalah masih ada guru-guru yang belum memuat turun aplikasi ini sedangkan pihak sekolah telah pun membayar yuran langganan. Apabila dipujuk untuk memuat turun, mereka mengatakan bahawa mereka mungkin tiada masa untuk menggunakannya. Saya rasa ianya satu pembaziran dan kerugian kerana penyelesaian bagi masalah yang mereka nyatakan telah diberikan. Penggunaan ClassPoint tidak akan membuang masa guru-guru untuk menentukan semula kata laluan pelajar, ClassPoint tidak memerlukan murid-murid untuk log masuk ke sebarang laluan terlebih dahulu. Para pelajar hanya perlu mengimbas kod QR atau menaip sahaja kod kelas mereka.

Bagi guru-guru yang telah menggunakan ClassPoint secara konsisten, kami dapati objektif kami untuk meningkatkan motivasi dan pelibatan murid serta menyuntik keceriaan dalam pembelajaran mereka telah tercapai. Pembelajaran peribahasa di dalam kelas saya lebih hidup dengan penggunaan ClassPoint. Kemampuan ClassPoint menggunakan slaid PowerPoint sedia ada tanpa perlu beralih ke aplikasi yang lain melancarkan lagi pengajaran dan pembelajaran saya dan para pelajar saya.

## RUJUKAN

Chandrima, C, & Eng, Y. (2021). *The Use of a ClassPoint Tool for Student Engagement During Online Lesson*. Retrieved from The Asian Conference on Education:  
[https://papers.iafor.org/wp-content/uploads/papers/ace2021/ACE2021\\_61372.pdf](https://papers.iafor.org/wp-content/uploads/papers/ace2021/ACE2021_61372.pdf)

Dian Hadiyani Sundari, Iskandar, I., & Muhlis, M. (2021). Penerapan media presentasi classpoint untuk meningkatkan hasil belajar siswa pada mata pelajaran Bahasa Inggris MAN 19 Jakarta. *Jurnal Pemikiran Dan Pengembangan Pembelajaran*, 3(3), 1-9.

Hamzah, Z, & Nasir, Z. (2013). *Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu*. Retrieved from ICLALIS:  
[https://www.researchgate.net/publication/263281766\\_Sikap\\_Dan\\_Motivasi\\_Pelajar\\_Terhadap\\_Pembelajaran\\_Bahasa\\_Melayu](https://www.researchgate.net/publication/263281766_Sikap_Dan_Motivasi_Pelajar_Terhadap_Pembelajaran_Bahasa_Melayu)


Wang, J. (2018, August 1). *The Joy of Learning: What It Is and How to Achieve It*. Retrieved from Nanyang Technological University Singapore:  
<https://www.ntu.edu.sg/nie/news-events/news/detail/the-joy-of-learning-what-it-is-and-how-to-achieve-it>



# POSTER PERBINCANGAN



"Penggunaan ClassPoint dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dapat menyuntik keceriaan dalam pembelajaran serta dapat meningkatkan motivasi"




~Cikgu Siti Fatimah~  
Xinmin Primary School

# POSTER PERBINCANGAN

"Penggunaan ClassPoint dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dapat menyuntik keceriaan dalam pembelajaran serta dapat meningkatkan motivasi"

- Penggunaan ClassPoint dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dapat menyuntik keceriaan dalam pembelajaran serta dapat meningkatkan motivasi di kalangan murid.
- Fitur-fitur seperti *Word Cloud*, *MCQ*, *Quiz*, *Short Answer*, *Fill in The Blank*, *Audio Record*, *Video Upload* dan *Slaid Drawing* boleh diselitkan.
- Terdapat fitur-fitur lain yang dapat membantu dalam pengajaran dan pembelajaran.
- Dengan menggunakan ClassPoint, guru tidak perlu untuk menukar ke aplikasi yang lain kerana ClassPoint lengkap dengan fitur *Word Cloud*, kuiz dan sebagainya.
- Penggunaan ClassPoint membantu guru-guru lebih yakin menggunakan alat penilaian ICT.
- Cabaran kecil yang akan dihadapi semasa menggunakan aplikasi ini adalah apabila murid tidak menaip nama mereka sebagaimana yang ditaip guru dalam ClassPoint.
- Guru bolehlah menunjukkan senarai nama murid yang ditaip terlebih dahulu.
- Fitur gamifikasi yang digunakan dalam pengajaran dapat meningkatkan penglibatan dan prestasi murid, serta meningkatkan penyertaan dan motivasi mereka.
- Guru hanya perlu menyediakan slaid powerpoint mereka dan menukarkan mod dengan aplikasi ClassPoint semasa pengajaran dan pembelajaran.
- Semasa menggunakan ClassPoint, objektif berikut dapat dicapai:
  - (1) Meningkatkan motivasi dan pelibatan murid serta menyuntik keceriaan dalam pembelajaran mereka;
  - (2) Guru boleh mencipta dan menyampaikan soalan dengan mudah menggunakan slaid PowerPoint sedia ada tanpa perlu beralih ke aplikasi yang lain.

# POSTER PERBINCANGAN



## Mengapa Class Point?

Senaraikan peribahasa yang terdapat dalam video tadi.

code

→ Semua dalam satu halaman  
→ imbas kod QR  
→ taip kod kelas untuk sertai aktiviti

(1)

penentu masa


Senaraikan peribahasa yang terdapat dalam video tadi.

5m 30s

fitur-fitur lain

# POSTER PERBINCANGAN

## (2) tinjauan



→ 3 jenis


## (3) roda nama



→ Senarai nama akan diambil daripada senarai yang telah ditaip guru

→ boleh pelbagaikan jenis roda nama :  
(1) roda nama  
(2) kad nama

## (4) AI



→ fitur AI membantu menjana soalan-soalan  
→ Bloom's Taxonomy  
→ guru buat pilihan bagi jenis soalan (perlu semak kesesuaian bahasa)

## (5) laporan kuiz


→ dapatan keseluruhan  
→ dapatan setiap soalan  
→ D.I → pemilihan bintang menentukan tahap kesukaran

Quiz summary							
Participant	Q1 (2/10)	Q2 (3/10)	Q3 (1/10)	Q4 (1/10)	Q5 (3/10)	Q6 (3/10)	Q7 (3/10)
Shahin	A	A	B	A	C	B	A
Ahmad	A	A	B	B	C	B	A
Muhammad	A	A	B	B	C	B	A
Arif	B	A	B	B	C	B	A
Yusuf	A	A	B	B	C	B	A
Amir	A	A	B	B	C	B	A
Haris	A	A	B	B	C	B	A
Lee	A	A	B	B	C	B	A

# POSTER PERBINCANGAN

## Kekurangan.....

→ murid perlu taip nama mereka berdasarkan nama yang ditaip guru



## Atasi.....

→ tunjukkan senarai nama kepada murid terlebih dahulu  
→ murid boleh log masuk sebagai 'Guest'



"Penggunaan ClassPoint dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dapat menyuntik keceriaan dalam pembelajaran serta dapat meningkatkan motivasi"

Penggunaan ClassPoint merupakan inisiatif jabatan bahasa ibunda sekolah kami. Kami guru-guru kanan mendapati bahawa penggunaan ClassPoint dapat menyelesaikan masalah seperti gangguan teknikal ketika menggunakan ICT, murid-murid tidak dapat log masuk ke akaun mereka kerana murid-murid lupa kata laluan. Dengan menggunakan ClassPoint, masalah yang guru-guru hadapi dapat diatasi. Murid hanya perlu imbas kod QR yang tertera di slaid PowerPoint guru. Bagi guru pula, dengan menggunakan slaid PowerPoint ClassPoint, kami akan dapat pelbagaikan pengajaran kami.

Sebagai guru kanan, kami seperti jentera penggerak di sekolah. Kami guru-guru kanan Bahasa Ibunda berkolaborasi untuk membantu guru-guru kami yang sering ketandusan idea dan kesuntukan masa. Sebagai pengenalan kepada ClassPoint, guru kanan Bahasa Cina telah mengadakan sesi perkongsian bersama wakil daripada ClassPoint. Sebagai permulaan, kami memulakan dahulu penggunaan ClassPoint di dalam kelas kami dan kemudian berkongsi hasil penggunaan ClassPoint. Sebagai Ketua Pedagogi, saya harus menyediakan segala bahan yang diperlukan seperti bahan bacaan dan bahan rujukan.



# POSTER PERBINCANGAN

Salah satu peranan seorang guru kanan ialah untuk membina hubungan yang positif bersama guru-guru dan juga di kalangan guru-guru. Sifat saling menghormati dan saling mempercayai merupakan perkara utama untuk kita mewujudkan hubungan yang positif bersama guru-guru kita. Sebagai seorang guru kanan, amatlah penting bagi saya mendengar pendapat guru-guru semasa perbincangan dan mendengar permasalahan mereka dengan hati yang terbuka. Pertemuan yang dijadualkan secara konsisten dapat membantu dalam memastikan kelancaran menggunakan ClassPoint di dalam kelas.



Sebagai peneraju projek ini bagi jabatan Bahasa Melayu, menyemai keinginan dan kesungguhan guru-guru dalam penggunaan ClassPoint ini amatlah penting. Secara tidak langsung, ia telah dapat membantu mereka dalam pembangunan profesional. Menyediakan bahan yang inovatif dan pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah bukan sahaja dapat meningkatkan motivasi murid malah, motivasi guru juga dapat ditingkatkan.



## Refleksi ~Cikgu Siti Fatimah~ Sekolah Rendah Xinmin

Setelah menggunakan ClassPoint hampir 2 penggal, saya dapati impak kepada guru-guru (jabatan bahasa ibunda) yang menggunakan ClassPoint secara konsisten amat positif. Bagi persediaan bahan pengajaran yang diingini, kami hanya perlu satu aplikasi iaitu slaid PowerPoint. Slaid PowerPoint itu boleh diubah dengan menjadikannya lebih interaktif dengan menggunakan aplikasi ClassPoint. Kami bersetuju penggunaan ClassPoint yang konsisten, dapat meningkatkan motivasi dan pelibatan murid serta menyuntik keceriaan dalam pembelajaran mereka telah tercapai. Pembelajaran peribahasa di dalam kelas kami lebih hidup dengan penggunaan ClassPoint.



# MEMPERKASA GURU, MENTRANSFORMASI PEMBELAJARAN



**Noor Aini Binte Jamin**  
Guru Kanan Bahasa Melayu  
Sekolah Rendah Northoaks

---

## SINOPSIS

Struktur Pembangunan Profesional Guru-guru Bahasa Ibunda Sekolah Rendah Northoaks telah dilakarkan dan diterajui oleh Guru Kanan merangkap Ketua Pedagogi Bahasa Melayu. Idea dan inisiatif ini merupakan idea bersama Pegawai Pembangunan Sekolah (*School Staff Developer*) dan Guru Kanan Bahasa Melayu dengan tujuan melebarkan lagi sayap dan tanggungjawab Guru Kanan Bahasa Melayu menerajui pembangunan profesional guru-guru Bahasa Ibunda secara khususnya. Bertemakan 'Memperkasa Guru, Mentransformasi Pembelajaran' atau '*Empower Teachers, Transform Learning*' dan selari dengan amalan pedagogi sekolah iaitu e-pedagogi, model ini dapat membantu guru-guru Bahasa Ibunda untuk menjadi lebih reflektif dan yakin dalam amalan pengajaran di bilik darjah. Dengan demikian, guru dapat membantu setiap pelajar belajar dengan baik dan meningkatkan rasa seronok dalam pembelajaran serta memperkasa guru secara profesional peluang menjadi ketua dalam Pasukan Pembelajaran Profesional (PLT).

## PENGENALAN


Pembangunan Profesional (PD) merupakan salah satu aspek yang penting bagi semua guru. Maka lahirnya Kumpulan Pembangunan Profesional atau '*Professional Learning Teams*'. Dengan adanya struktur dan model yang kukuh, ia akan memberikan ruang kepada guru-guru untuk meningkatkan tahap kemahiran, pengajaran dan pembelajaran. Tugas Guru Kanan Bahasa Melayu tidak boleh tertakluk kepada Bahasa Melayu sahaja atau menjaga pembangunan profesional guru-guru Bahasa Melayu. Guru Kanan perlu keluar dari zon keselesaan dan memikul tanggungjawab jika tiada Guru Kanan lain dalam Jabatan Bahasa Melayu. Oleh yang demikian, Guru Kanan perlu bekerjasama dengan pihak sekolah terutama sekali Ketua Jabatan Bahasa Ibunda dan Pegawai Pembangunan Sekolah untuk melakarkan model Pembangunan Profesional dan PLT khususnya dalam Jabatan Bahasa Ibunda.

### Objektif Perkongsian

Pada akhir perkongsian ini, para Ketua Pedagogi yang lain dapat mengetahui dan mempelajari tentang:

- struktur Pembangunan Profesional Bahasa Ibunda (PD) dan PLT Jabatan Bahasa Ibunda Sekolah Rendah Northoaks.
- cara-cara memperkasa guru-guru sebagai ketua kumpulan PLT.
- pengajaran perbezaan Pembangunan Profesional Guru-guru (Differentiated PD).
- mempertingkatkan kolaborasi dalam kalangan guru-guru menerusi platform PLT.

### Kajian Lepas




Ref: <https://academyofsingaporeteachers.moe.edu.sg/resources/pd-guides/>





Ref: <https://intranet.moe.gov.sg/academy/Pages/professional-development/files/Design%20Principle%20for%20Effective%20OPD%20infographics.pdf>



[https://intranet.moe.gov.sg/academy/Pages/professional-development/files/Information%20Kit %20PL%20designers-2023.pdf](https://intranet.moe.gov.sg/academy/Pages/professional-development/files/Information%20Kit%20PL%20designers-2023.pdf)

Berpandukan kepada tiga-tiga infografik yang saya petik daripada bahan-bahan bacaan lelaman 'Academy of Singapore Teachers', infografik ini telah memberi gambaran yang jelas dan tuntas sebagai permulaan model PD dan PLT yang dilakarkan. Pengetahuan tentang prinsip-prinsip PD, memahami tentang cara pembelajaran guru-guru masa kini dan menyediakan persekitaran yang selamat lagi menyeronokkan merupakan antara aspek-aspek penting yang perlu ada. Selain itu, kita juga perlu menerapkan pembelajaran teradun (*blended learning*) sebagai salah satu cara untuk membantu guru-guru berkongsi dan belajar secara kolaboratif.

# PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU

## i. Bekerjasama dengan Pegawai Pembangunan Sekolah, Ketua Jabatan ICT dan Ketua Jabatan Bahasa Ibunda.

Banyak perbincangan telah diadakan bersama pelbagai pihak yang terlibat sebelum usulan saya dikongsi dengan guru-guru. Memandangkan Ketua Jabatan ICT telah mengadakan sesi bengkel dan perkongsian tentang e-pedagogi kepada guru-guru pada penggal pertama, susulan daripada itu, guru kanan telah melakarkan satu model PD dan cara guru-guru Bahasa Ibunda dapat mempelajari dengan lebih lanjut tentang e-pedagogi dan satu model PLT dengan memperkasa guru untuk mengetuai perbincangan dan menghasilkan projek.

## ii. Membina hubungan dengan guru-guru

Sebagai Ketua Pedagogi, hubungan dengan guru-guru amat penting dalam melaksanakan sesuatu tugas. Guru-guru Bahasa Ibunda ibarat penduduk kampung yang sentiasa membantu dan menyokong antara satu sama lain. Ketua pedagogi perlu memahami cara mereka belajar apatah lagi, guru-guru kita merangkumi pelbagai generasi. Saya beruntung kerana dikelilingi guru yang sentiasa memberi sokongan. Sebagai permulaan, saya berkomunikasi dengan mereka objektif PD dan PLT, struktur, sesi perkongsian yang akan saya jalankan dan sesi PLT yang bakal berlangsung. Saya mengamalkan "*Differentiated PD*" memandangkan guru-guru ini mempunyai profil pembelajaran yang berbeza. Contohnya, '*pre-assessment*' atau '*pre-survey*' telah diadakan untuk mengetahui '*Key Application of Technology*' mana satukah yang memerlukan lebih banyak bimbingan. Selain itu, dalam sesi PLT, mereka berbincang dan diberi peluang untuk memilih bagaimana projek boleh dijalankan (*Lesson Study* atau *Learning Circle*).

Selain menyediakan persekitaran yang selamat lagi menyeronokkan, ianya penting bagi ketua pedagogi untuk memahami cara mereka belajar dan memberi pilihan juga amat penting dalam mengekalkan hubungan dengan guru-guru.

## iii. Meneraju Inovasi Bersama-sama

Selain '*Differentiated PD*', saya juga mengamalkan pembelajaran teradun dalam kalangan guru-guru Bahasa Ibunda. Pembelajaran secara '*asynchronous*' diamalkan. Contohnya, pra-bacaan dan bacaan tambahan telah disediakan menerusi wadah SLS dan informasi ringkas atau '*bite-sized*' information juga diberikan kepada mereka. Pada penggal ketiga nanti, ketua-ketua PLT diberi peluang untuk berkongsi tentang strategi e-pedagogi yang telah mereka gunakan dalam bilik darjah. '*Open Classroom*' juga akan dijalankan supaya guru-guru dapat belajar dan memberi maklum balas terhadap pelajaran tersebut.

## REFLEKSI

### Faedah / Impak kepada Pembangunan Profesional Guru:

- a) Dengan adanya struktur yang teratur dan menerangkan objektif kepada guru-guru, kita dapat berkongsi ilmu, berbincang, bekerja secara kolaboratif dan belajar antara satu sama lain tentang PdP dalam ruang yang selamat dan seronok.
- b) Sebagai Ketua Pedagogi, saya berpeluang untuk memperkasa kemahiran guru-guru yang dilantik sebagai ketua PLT. Saya bertindak sebagai mentor dan membimbing mereka sebagai fasilitator pembelajaran.
- c) Dengan adanya PLT yang teratur dan perbincangan dalam kumpulan, guru-guru dapat dibimbing untuk menjadi lebih reflektif dan cemerlang dalam bilik darjah.
- d) Ketua pedagogi dan guru itu bekerja bersama-sama. Saya akur setiap guru mempunyai kekuatan dan kemahiran mereka tersendiri. Contohnya, ada guru yang mahir dalam perisian dan peralatan ICT manakala ada pula yang mahir dalam bahagian pedagogi. Sekiranya kedua-dua kemahiran ini digabungkan, sudah pasti akan terhasil satu pelajaran yang memanfaatkan para pelajar.

### Cabaran:

- a) Salah satu cabaran yang dihadapi ialah faktor masa. Masa yang diperuntukkan untuk PD dan PLT ialah sebulan sekali. Kami terpaksa mengambil sebahagian masa mesyuarat jabatan untuk perbincangan dan perkongsian.
  - b) “Think Big, Start Small” – memerlukan jangka masa 2 tahun untuk melihat keberkesanan struktur dan memikirkan cara-cara menambah nilai.
-

## RUJUKAN

MOE, & AST. (2023). Professional Development Planning Office (PDPO). Retrieved from Information Kit for Professional Learning(PL)Designers:

[https://intranet.moe.gov.sg/academy/Pages/professional-development/files/Information%20Kit %20PL%20designers-2023.pdf](https://intranet.moe.gov.sg/academy/Pages/professional-development/files/Information%20Kit%20PL%20designers-2023.pdf)

Our organisation structure: Academy of Singapore Teachers (AST). Ministry of Education (MOE).

(n.d.). <https://www.moe.gov.sg/about-us/organisation-structure/ast> Pd guides. Academy of Singapore Teachers (AST). (n.d.). <https://academyofsingaporeteachers.moe.edu.sg/resources/pd-guides/>

Professional-practice-guidelines.pdf Singapore.(n.d.-b).

<https://www.moe.gov.sg/-/media/files/special-education/professional-practice-guidelines.pdf>

# POSTER PERBINCANGAN

**WORLD**

**BESTARI  
BERBICARA  
2024**

**MEMPERKASA GURU,  
MENGUBAH  
PEMBELAJARAN**  
(EMPOWER TEACHERS,  
TRANSFORM LEARNING)

**Coffee**

**MENU :**

- ♦ Fokus
- ♦ Dengar & Fahami
- ♦ Mengaitkan idea
- ♦ Memberi Pandangan
- ♦ Jangan serius sangat. (He! He!)
- ☺ **SANTAI!**

• CIKGU NOOR AINI  
BINTE JAMIN

• GURU KANAN  
BAHASA MELAYU

• SEKOLAH RENDAH  
NORTHOAKS



# POSTER PERBINCANGAN

## OBJEKTIF

- struktur Pembangunan Profesional Bahasa Ibunda (PD) dan PLT Jabatan Bahasa Ibunda Sekolah Rendah Northoaks.

- mempertingkatkan kolaborasi di kalangan guru-guru menerusi platform PLT.

- pengajaran perbezaan Pembangunan Profesional Guru-guru (Differentiated PD).

- cara-cara memperkasa guru-guru sebagai ketua kumpulan PLT.

## BESTARI BERBICARA:



Noor Aini Binte Jamin  
Guru Kanan Bahasa Melayu  
Sekolah Rendah Northoaks

#pembangunan profesional

#kumpulan pembangunan profesional

### MEMPERKASA GURU, MENGUBAH PEMBELAJARAN

*Empower Teachers, Transform Learning.*

#amalan pengajaran

#pembelajaran teradun

#reflektif

#differentiated PD

#yakin

#kolaboratif



# POSTER PERBINCANGAN

## PERANAN KETUA PEDAGOGI

### BEKERJASAMA DENGAN SSD, KETUA JABATAN ICT DAN BAHASA IBUNDA

**01** Menimba Ilmu

- Melalui sesi perkongsian dan bengkel yang dikendalikan oleh Ketua Jabatan ICT tentang e-pedagogi.
- Bacaan mengenai cara-cara PD dan PLT dijalankan.

**02** Sesi Perbincangan

Banyak perbincangan telah diadakan dengan Ketua Jabatan Bahasa Ibunda seperti cadangan / lakaran struktur PLT, objektif, peranan ketua PLT dan sebagainya.

**03** Struktur PD/PLT Jabatan Bahasa Ibunda

- Guru-guru dapat mempelajari amalan pedagogi dengan berkesan.
- Memperkasa guru-guru yang dilantik sebagai ketua PLT untuk mengetuai perbincangan kumpulan dan menghasilkan projek.

# POSTER PERBINCANGAN

## PERANAN KETUA PEDAGOGI

### MEMBINA HUBUNGAN DENGAN GURU-GURU

#### 01 Komunikasi dan kolaborasi

- Guru-guru membantu dan menyokong antara satu sama lain.
- Setiap guru ada kelebihan masing-masing dalam PdP.



#### "Differentiated PD"

- 02 Guru-guru terdiri daripada profil pembelajaran yang berbeza. Contohnya, 'pre-assessment' dan 'pre-survey' telah digunakan untuk mengetahui bahagian mana yang mereka perlukan bimbingan. Kumpulan PLT juga diberi peluang untuk memilih kaedah PLT yang ingin mereka gunakan.



#### 03 Menyediakan persekitaran yang selamat dan menyeronokkan

- Sentiasa memberi sokongan, galakan dan membina persekitaran pembelajaran yang positif dan tidak takut untuk mencuba sesuatu yang baharu.



# POSTER PERBINCANGAN

**PERANAN KETUA PEDAGOGI**

**MENERAJU INOVASI BERSAMA-SAMA**

**01 Pembelajaran Teradun**

- Selain 'differentiated PD', pembelajaran teradun juga diadakan seperti pra-bacaan dan bacaan tambahan seringkali dimuatnalk dalam portal SLS.

**02 Peranan Ketua PLT**

- Selain menerajui kumpulan PLT, ketua-ketua PLT juga akan bersama-sama duduk berbincang tentang perkembangan projek kumpulan masing-masing.

**03 "Open Classroom"**

- "Open Classroom" juga diadakan supaya guru-guru dapat belajar antara satu sama lain.

# POSTER PERBINCANGAN

## REFLEKSI GURU: KESAN KEPADA PEMBANGUNAN PROFESIONAL GURU

### 2 PEMBELAJARAN SECARA AKTIF

Guru-guru melibatkan diri dalam perbincangan, bekerja secara kolaboratif dan belajar antara satu sama lain dalam ruang yang selamat dan seronok.

### 3 REFLEKTIF, YAKIN DAN CEMERLANG

Guru-guru dibimbing untuk menjadi yakin mencuba sesuatu yang baharu, lebih reflektif dan cemerlang dalam bilik darjah.

### 1 PERANCANGAN YANG TELITI

Dengan perancangan yang teliti, kita dapat membina struktur yang teratur. Dengan matlamat yang jelas pula, PD dan PLT dapat dijalankan dengan berkesan.




### 4 MEMPERKASA GURU KANAN SEBAGAI KETUA PEDAGOGI

Selain bertindak sebagai Ketua Pedagogi, Guru Kanan juga bertindak sebagai mentor dan membimbing ketua PLT untuk menjadi fasilitator pembangunan guru yang berkesan.

### 5 MEMPERKASA GURU SEBAGAI KETUA PLT

Ketua PLT diberi peluang mengetuai projek PLT dalam kumpulan masing-masing dan berpeluang untuk menjadi fasilitator yang berkesan.



# MENINGKATKAN PERCANCANGAN DAN PENGAJARAN E-PEDAGOGI



**Suriana Mohamed Bakri**  
Guru kanan  
Sekolah Rendah Kranji



## SINOPSIS

Jabatan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Kranji mahu meningkatkan perancangan dan perancangan e-Pedagogi dalam kalangan guru. Ini penting bagi meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan kepakaran guru dalam merancang dan mendalami pelaksanaan e-Pedagogi di bilik darjah. Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan pengajaran bahasa Melayu dengan mengintegrasikan komponen penulisan interaktif dengan portal SLS atau Ruang Pembelajaran Pelajar. Ciri-ciri gamifikasi yang terdapat dalam portal SLS diterapkan untuk menjadikan pembelajaran Bahasa Melayu lebih menarik dan relevan kepada pelajar. Cabaran yang dihadapi, kemahiran, pengetahuan, pemahaman dan pelaksanaan guru mengenai e-Pedagogi amat berbeza-beza. Pembelajaran ini berjaya membuat guru mengaplikasikan pendekatan baharu dalam pengajaran serta mencipta pengalaman pembelajaran SLS yang lebih menarik dan berkesan. Pembelajaran bersama-sama ini berjaya memberi impak positif bagi pembangunan profesional guru dan dapat meningkatkan pencapaian bahasa Melayu pelajar.

## PENGENALAN

Guru-guru yang terlibat dalam 1-1 Pengalaman Pembelajaran memerlukan pengesahan rancangan pengajaran dan pakej yang direka bentuk mengikut standard e-pedagogi. Penghasilan pakej pelajaran untuk digunakan dalam masa yang singkat atau dalam masa pelaksanaan sering menyebabkan guru tidak berpeluang untuk mengulang kaji pelajaran terutamanya mengenai keberkesanan pengantaraan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Selepas setahun kami menghasilkan pengajaran dengan e-Pedagogi, guru menjadi lebih yakin dalam menggabungkan aktiviti pembelajaran dan tugas yang mengintegrasikan e-pedagogi untuk memenuhi objektif pembelajaran yang dirancang. Melangkah ke hadapan, kami menuju ke fasa seterusnya dengan melibatkan pelajar dalam penilaian dan menggunakan teknologi untuk meningkatkan pembelajaran pelajar dan keberkesanan reka bentuk pelajaran.

Objektif perkongsian adalah seperti berikut:

- meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru-guru bahasa Melayu dalam penggunaan e-pedagogi dan
- meningkatkan kecekapan guru-guru bahasa Melayu dalam merancang dan melaksanakan rancangan pembelajaran yang berkualiti menggunakan e-pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Arus persaingan global pendidikan menjadikan kebanyakan negara melakukan reformasi dalam sistem pendidikan. Gerakan reformasi pendidikan ini lebih menumpu kepada proses pembangunan profesionalisme guru khususnya pembentukan budaya kolaborasi (Carpenter, 2018). Budaya kolaborasi merupakan salah satu elemen penting dalam memastikan kelestarian penambahbaikan sekolah (Lee & Louis, 2019). Budaya kolaborasi profesional ini diamalkan dalam komuniti pembelajaran profesional. Komuniti pembelajaran profesional telah dilaksanakan oleh negara yang telah menunjukkan prestasi yang tinggi dalam penilaian peperiksaan antarabangsa seperti negara Finland, Singapura dan Kanada. Salah satu kunci kejayaan mereka adalah melalui budaya kolaborasi profesional tersebut (Hargreaves & O'Connor, 2017).

Clarke (1983) menegaskan bahawa teknologi hanya merupakan alat penyampaian dikaiskan seperti kenderaan yang membawa bahan keperluan dapur ke pasar. Bagi beliau yang lebih penting ialah kaedah pembelajaran yang mempengaruhi pencapaian pelajaran; alat media hanya merupakan alat penyampaian untuk membantu proses pembelajaran.

Hord (1997) menyatakan Komuniti Pembelajaran Profesional ialah sebagai sebuah sekolah yang mempunyai profesional sekolah iaitu pemimpin sekolah dan guru dalam mencari ilmu dan berkongsi teknik pembelajaran secara berterusan untuk meningkatkan prestasi pencapaian murid.

Menurut beliau lagi, sebuah sekolah yang mengamalkan Komuniti Pembelajaran Profesional memiliki ciri-ciri seperti mana berikut iaitu:

- a) mempunyai kepimpinan distributif dan menyokong;
- b) perkongsian visi dan misi;
- c) pembelajaran secara kolektif dan mengamalkan pembelajaran tersebut;
- d) persekitaran yang menyokong dan
- e) perkongsian amalan peribadi.

---

## **PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU**

Guru kanan memainkan peranan penting dalam menerajui kolaborasi dengan guru pakar dalam menghasilkan pengajaran berasaskan e-pedagogi. Antaranya ialah bersikap proaktif dengan mengatur mesyuarat, sesi latihan dan aktiviti sokongan lain untuk memastikan guru-guru dapat bekerjasama dengan efektif. Untuk membina hubungan yang baik dengan guru-guru, guru kanan telah juga memberikan sokongan dan galakan kepada mereka seperti mendengar pendapat mereka, menyertai sesi pengajaran mereka dan berkomunikasi secara terbuka. Ini dapat membantu memupuk hubungan yang bermakna dan saling menghormati antara guru kanan dan guru-guru. Saya juga telah menyediakan sumber dan kajian yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran seperti bahan bacaan, kajian terkini, sumber-sumber digital yang berguna bagi meningkatkan kemahiran pedagogi guru-guru dan memastikan sumber-sumber ini mudah diakses dan dikongsi dengan guru-guru.

Selain itu, ianya penting bagi guru pakar meluangkan masa untuk memberikan maklum balas yang praktikal dan tepat pada masanya dengan memberi tumpuan kepada topik yang dikongsi dan memberi pandangan serta cadangan yang membantu dalam pengajaran dan pembelajaran. Komunikasi secara kerap dan konsisten juga penting untuk memastikan kolaborasi tersebut berjalan dengan lancar. Untuk memperkukuhkan hubungan dengan guru-guru dan memastikan pengembangan dari segi kepakaran, guru kanan turut menyertai kursus atau bengkel, seminar pendidikan dan kerjasama dalam projek-projek pembangunan profesional. Dapatan yang diperoleh juga digunakan untuk mengambil tindakan sesuai selanjutnya dalam meningkatkan pembelajaran dan pengajaran dan memberi tumpuan kepada penambahbaikan dan inovasi yang boleh dilaksanakan bersama-sama dengan guru-guru.

Guru kanan juga telah menerajui inovasi bersama-sama guru kerana ia penting bagi membangun kepakaran dan meneroka teknologi dan pedagogi terkini. Justeru, guru kanan telah menggalakkan guru-guru untuk mencuba inisiatif baharu, mengkaji kaedah pengajaran yang inovatif dan berkongsi hasil penemuan. Saya juga memberi sokongan dan ruang untuk guru-guru bereksperimen dalam pengajaran dan pembelajaran.

## REFLEKSI

Sokongan dan tunjuk ajar Guru Pakar (MLCS) memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan pendekatan kami dalam e-pedagogi, terutama dalam penulisan interaktif dalam komponen kefahaman membaca. Kerjasama dengan Guru Pakar telah memperkayakan pemahaman kami tentang strategi pengajaran yang berkesan dalam konteks e-pedagogi dan dapat memberi pencerahan kepada pasukan tenaga pengajar kami. Melalui pemerhatian dan maklum balas yang teliti dan kritis serta menambah nilai perancangan dan pengajaran telah memberikan impak positif kepada amalan pengajaran kami. Kami benar-benar menghargai dedikasi dan komitmen beliau dalam membantu kami meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar kami. Kolaborasi ini akan diteruskan pada masa hadapan dan terus berkembang dalam usaha kami untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar kami.

---

## RUJUKAN

Mohd Faiz Mohd Yaakob, Muhamad Rozaimi Ramle<sup>1</sup>, & Jamal@Nordin Yunus (2016). Konsep kolaborasi dalam komuniti pembelajaran professional: Satu tinjauan dari perspektif Islam. *Geografia Online TM Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 10 (1 - 9).

Kamarudin Ismail, Rosnah Ishak, Fanny Kho Chee Yuet, & Siti Hajar Kamaruddin (2019). Komuniti pembelajaran profesional sebagai budaya kolaborasi profesional sekolah: Teori dan amalan. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 15 issue 4 (261-273).

Salwati Shafee, Zuraidah Abdullah, & Simin Ghavifekr (2019). Peranan amalan bimbingan dalam meningkatkan pembelajaran professional guru. *Jurnal kepimpinan pendidikan* | Januari 2019, bil. 6, isu 1.

Spillane, J., Halverson, R. and Diamond, J. (2001) *Towards a Theory of Leadership Practice: A Distributed Perspective*. Northwestern University, Institute for Policy Research Working 26 E-ISSN: 2289-9669 *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* | Januari 2019, Bil. 6, Isu 1 Article.

Hairon, S., & Tan, C. (2017). Professional learning communities in Singapore and Shanghai: Implications for teacher collaboration. *Compare: A Journal of Comparative and International Education*, 47(1), 91-104.

# POSTER PERBINCANGAN

## Kolaborasi Bersama Guru Pakar Dalam Menghasilkan Pengajaran e-Pedagogi



**CIKGU  
SURIANA  
SEKOLAH  
RENDAH  
KRANJI**

Guru-guru yang terlibat dalam 1-1 Pengalaman Pembelajaran memerlukan pengesahan bagi rancangan pengajaran dan pakej yang dibina mengikut standard e-pedagogi. Penghasilan pakej pelajaran untuk digunakan dalam masa pelaksanaan sering menyebabkan guru tidak berpeluang untuk membuat semakan bagi keberkesanan pengantaraan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran.

### PERANAN KETUA PEDAGOGI

menerajui kolaborasi  
dengan guru pakar  
dalam menghasilkan  
pengajaran  
e-pedagogi



bersikap proaktif dengan  
mengatur mesyuarat, sesi  
latihan dan aktiviti  
sokongan lain untuk  
memastikan guru-guru  
dapat bekerjasama dengan  
efektif





### PERANAN KETUA PEDAGOGI

meluangkan masa untuk memberikan maklum balas yang praktikal dan tepat pada masanya dengan memberi tumpuan kepada topik yang dikongsi dan memberi pandangan serta cadangan yang membantu dalam pengajaran dan pembelajaran



komunikasi secara kerap dan konsisten untuk memastikan kolaborasi berjalan dengan lancar

# POSTER PERBINCANGAN

## PERANAN KETUA PEDAGOGI

menerajui inovasi bersama-sama guru adalah penting bagi membangun kepakaran dan meneroka teknologi dan pedagogi terkini



menggalakkan guru-guru untuk mencuba inisiatif baru, mengkaji kaedah pengajaran yang inovatif dan berkongsi hasil penemuan mereka



memberi sokongan dan ruang untuk guru-guru eksperimen dalam pengajaran dan pembelajaran

# POSTER PERBINCANGAN




## Refleksi

Guru-guru yang berkolaborasi dengan guru pakar dalam e-pedagogi dapat memperoleh pengetahuan, kemahiran dan keyakinan yang diperlukan untuk menyampaikan pengajaran dalam talian yang berkesan.

Mereka juga belajar tentang kaedah pengajaran dalam talian yang berkesan, strategi untuk melibatkan pelajar dan perkembangan teknologi dalam pendidikan.

Kolaborasi ini juga meningkatkan keupayaan guru dalam merancang dan mengatur pengajaran dalam talian, serta meningkatkan penglibatan pelajar melalui teknik-teknik inovatif.



## KE ARAH KEBERKESANAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL GURU-GURU BAHASA ASING



**Azyanti Binte Mohamed Mudakir**  
Guru kanan  
Pusat Bahasa Kementerian  
Pendidikan

---

### SINOPSIS

Satu Komuniti Rangkaian Kerjasama Pembelajaran (*Networked Learning Community – NLC*) bertujuan untuk melengkapkan guru-guru bahasa asing dengan pendekatan-pendekatan kurikulum yang baharu, telah ditubuhkan dengan kerjasama guru-guru bahasa asing termasuk guru-guru Bahasa Melayu Program Khas dari Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan dan juga sekolah-sekolah lain. Penubuhan NLC ini memberikan peluang kepada guru-guru bahasa asing ini untuk mengenali dan mencuba pendekatan-pendekatan yang baharu untuk meningkatkan keterlibatan pelajar dalam pengajaran dan menambah nilai pengajaran dan pembelajaran. Diharapkan juga kemahiran guru dapat dipertingkatkan dan pembangunan profesional mereka dapat disokong dengan mengaplikasikan pendekatan-pendekatan kurikulum yang baharu. Cabaran yang dihadapi, ketua pedagogi berdepan dengan kegelisahan guru yang bergantung kepada bahan pengajaran yang tersedia dan jarang mencuba sebarang pembaharuan dari segi pendekatan. Bagi menangani cabaran ini, kami memilih untuk bersikap telus dan terbuka dengan para guru di mana rasional dan manfaat di sebalik pengaplikasian pendekatan-pendekatan baharu dikedepankan. Hasilnya, guru-guru menjadi yakin dalam melaksanakan pengajaran sekaligus berkeyakinan dalam pengajaran.

## PENGENALAN

Rasional di sebalik perkongsian ini adalah untuk memperlihatkan proses yang dilalui ketua pedagogi untuk membantu dan membimbing guru-guru bahasa asing yang berminat untuk memahami dan melihat keberkesanan pendekatan kurikulum baharu asing yang diketengahkan oleh Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan. Selain itu, dapat juga dilihat usaha guru-guru bahasa asing ini untuk mengkaji pendekatan kurikulum baharu dan mengaplikasikannya dalam pengajaran bahasa asing mereka. Daripada penubuhan kumpulan projek di Jabatan Bahasa Asia, Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan, sekumpulan guru bahasa asing telah menjalankan Bengkel Kendalian Guru dan kemudiannya bantu membentuk sebuah Komuniti Rangkaian Kerjasama Pembelajaran atau lebih dikenali dengan akronim NLC – *Networked Learning Community* dengan guru-guru bahasa asing dari sekolah-sekolah lain. Penubuhan NLC ini bertujuan untuk melihat keberkesanan pengajaran bahasa asing dengan pengaplikasian empat pendekatan kurikulum bahasa asing yang telah dilancarkan oleh Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan baru-baru ini.

Objektif perkongsian ini adalah untuk berkongsi tentang proses penubuhan dan pengendalian NLC yang melibatkan guru-guru bahasa asing dari Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan dan dari sekolah-sekolah lain, serta proses meningkatkan pemahaman dan kemahiran guru-guru ini dengan pendekatan kurikulum bahasa asing yang baharu.

Pendekatan kurikulum bahasa asing baharu diketengahkan untuk bantu melahirkan penutur bahasa yang berkesan. Maka itu, keterlibatan aktif pelajar dalam pengajaran bahasa asing dan juga kecekapan pelajar untuk mengaplikasikan apa yang dipelajari melalui pengajaran bahasa dalam kehidupan harian mereka sangat ditekankan. Kecekapan berbahasa pelajar ini selalu merujuk kepada pelbagai peringkat *CEFR (The CEFR Levels, 2024) – Common European Framework of Reference* iaitu kerangka piawaian antarabangsa yang membantu mengukur tahap penguasaan bahasa pada setiap peringkat pendidikan.

Dalam proses meningkatkan pemahaman dan kemahiran guru-guru bahasa asing tentang pendekatan kurikulum bahasa asing, beberapa prinsip andragogi telah diambil kira. Pelajar dewasa berorientasikan kerelevanan di mana mereka perlu mengetahui mengapa mereka perlu belajar sesuatu sebelum mereka mempelajarinya (Knowles, 1980). Maka itu, untuk menggalak guru-guru mencuba pendekatan kurikulum bahasa asing yang baharu, sebuah Bengkel Kendalian Guru telah dijalankan untuk memperkenalkan pendekatan kurikulum bahasa asing kepada mereka. Kemudian apabila diundang, guru-guru sendiri yang membuat pilihan untuk menyertai Kumpulan NLC yang ditubuhkan untuk melihat keberkesanan pendekatan kurikulum ini untuk pengajaran bahasa asing.

Selain itu, guru-guru bahasa asing yang memilih untuk mempelajari dan mengaplikasikan pendekatan kurikulum bahasa yang baharu dalam pengajaran bahasa asing mereka menampakkan sudut praktikal mereka (Knowles, 1980) yang ingin melihat keberkesanan pendekatan ini untuk membantu mereka membina pengajaran yang lebih bermakna dan efektif. Justeru itu, kumpulan NLC yang ditubuh bergerak dengan matlamat yang sedemikian.

---

## **PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU**

Sebagai ketua pedagogi, tanggungjawab besar yang harus digalas adalah untuk membimbing guru-guru untuk memahami, mencuba dan mengaplikasi dengan yakin pendekatan kurikulum baharu untuk pengajaran bahasa asing. Sememangnya pendekatan kurikulum baharu untuk pengajaran bahasa asing membawa banyak faedah dalam proses pengajaran dan pembelajarannya. Dengan mengaplikasikan pendekatan kurikulum baharu dengan berkesan, pelajar bukan sahaja lebih aktif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, malah lebih cekap untuk mengaplikasikan kemahiran bahasa yang dipelajari dalam kehidupan mereka.

Usaha ini bermula dengan menubuhkan kumpulan projek di Jabatan Bahasa Asia, Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan, tujuannya untuk meningkatkan kolaborasi antara guru-guru bahasa asing di mana proses untuk menggarap pendekatan kurikulum baharu boleh berlangsung dengan lebih efektif. Setelah bekerjasama untuk membina bahan dan rancangan pengajaran, melaksanakan pengajaran percubaan dan membuat pembentangan di peringkat jabatan dan pusat bahasa, guru-guru yang lebih mahir diajak untuk menjalankan Bengkel Kendalian Guru di mana ada usaha untuk berkongsi tentang keberkesanan pendekatan kurikulum bahasa asing dengan guru-guru di sekolah-sekolah lain. Apabila kumpulan NLC ditubuhkan dengan pelibatan guru-guru bahasa asing dari sekolah-sekolah lain, guru-guru baharu di pusat bahasa juga digalak untuk turut serta agar mereka dapat lebih pendedahan untuk memahami dan mengaplikasikan pendekatan kurikulum bahasa asing yang baharu.

Dari sudut pendekatan untuk meningkatkan pemahaman dan kemahiran guru-guru berkenaan dengan pendekatan kurikulum bahasa asing, beberapa kaedah dan strategi telah diterapkan. Kaedah penyampaian digunakan pada peringkat awal apabila guru-guru diperkenalkan kepada aspek-aspek penting dalam pendekatan-pendekatan kurikulum bahasa asing yang baharu. Memandangkan bahagian ini mengetengahkan banyak maklumat yang perlu difahamkan, contoh-contoh pengaplikasian pendekatan mengikut pengajaran bahasa juga diselitkan. Bukan itu sahaja, sesi amali turut dijalankan dalam bentuk kumpulan. Langkah-langkah ini dirancang dengan teliti memandangkan sesi-sesi yang diadakan berlangsung dalam talian.

Peluang dan ruang diberikan juga kepada guru-guru yang baru memahami pendekatan kurikulum baharu untuk berbincang dan cuba mengaplikasikannya dalam bahan dan rancangan pengajaran yang disediakan mereka. Sebelum itu, sesi pengamatan kelas juga diadakan untuk membantu meningkatkan pemahaman guru-guru tentang pengaplikasian pendekatan dalam pengajaran bahasa asing. Bukan itu sahaja, sampel bahan dan rancangan pengajaran juga disediakan untuk kegunaan guru-guru.

Sebagai ketua pedagogi, hubungan positif dengan guru-guru yang terlibat harus dijaga. Walaupun banyak sesi yang diadakan dalam talian, ruang untuk guru-guru berkongsi pandangan dan bertanyakan pendapat juga disediakan di aplikasi WhatsApp. Selain kumpulan WhatsApp umum yang diadakan untuk menghantar maklumat-maklumat penting kepada semua guru NLC, disediakan juga kumpulan WhatsApp untuk guru-guru setiap sekolah dan ketua pedagogi. Tujuannya untuk pastikan guru-guru selesa untuk mengemukakan soalan dan berkongsi pendapat dengan ketua pedagogi. Sebuah Google Drive juga disediakan untuk memudahkan perkongsian bahan dan rancangan pengajaran dan juga bahan-bahan NLC yang lain. Apabila tiba masa untuk pembinaan bahan dan rancangan pengajaran, ketua pedagogi turut serta dengan guru-guru lain membina bahan dan rancangan pengajaran baharu yang mengaplikasikan pendekatan kurikulum yang baharu. Malah, ketua pedagogi juga telah mengambil inisiatif untuk memulakan perkongsian bahan dan rancangan pengajaran. Dengan meletakkan hasil kerja ketua pedagogi untuk dibincang dan dianalisa bersama dengan guru-guru lain, guru-guru diharapkan akan lebih selesa apabila berkongsi hasil kerja mereka juga. Rasa rendah hati dari sudut intelektual cuba diterapkan secara tidak langsung di mana setiap kekurangan yang dikesan diharap dapat diterima dengan pemikiran terbuka (Gudeliauske, 2020). Guru-guru juga diharapkan lebih selesa dan terbuka untuk berkongsi hasil kerja mereka dalam perbincangan kumpulan dan dapat melihat kepentingan perbincangan dan perundingan dalam proses membina bahan dan rancangan pengajaran yang bermutu. Bak kata peribahasa - duduk seorang bersempit-sempit duduk bersama berlapang-lapang.

Selain itu, apabila guru-guru bahasa asing yang terlibat di dalam kumpulan NLC melihat keterlibatan aktif semua pihak, kumpulan ini lebih berusaha untuk melakukan yang terbaik untuk manfaat bersama. Dalam kumpulan NLC ini, kolaborasi aktif dapat dilihat dari peringkat penghasilan bahan dan rancangan pengajaran hinggalah ke bahagian pelaksanaan pengajaran percubaan. Guru-guru giat memberi pendapat dan saranan untuk membantu memperbaiki setiap bahan dan rancangan pengajaran. Selain itu, semasa pelaksanaan pengajaran percubaan, guru-guru juga turun padang untuk memberi sokongan dengan menjadi guru pemantau dan pengumpul data dalam sesi pengajaran. Bahan-bahan sokongan dalam pengajaran percubaan seperti borang maklum balas pelajar, borang pemantau dan borang renungan guru juga turut dikongsi dengan guru-guru. Akhir sekali, sampel slaid pembentangan juga disediakan agar guru-guru peka akan aspek-aspek penting yang harus dikongsi sewaktu membuat pembentangan masing-masing.

## REFLEKSI

Memandangkan kumpulan NLC ini merupakan kolaborasi pertama guru-guru Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan dengan guru-guru di sekolah-sekolah, guru-guru di Pusat Bahasa agak teruja apabila melihat pendekatan kurikulum yang baharu diaplikasikan oleh guru-guru di sekolah. Peluang dan ruang untuk bekerjasama dengan guru-guru di sekolah juga bantu meningkatkan tahap keyakinan mereka apabila membina bahan dan rancangan pengajaran dengan bersandarkan pendekatan kurikulum baharu.

Sebenarnya lebih banyak masa harus diberikan apabila bekerjasama dengan guru-guru yang sudah lama mengajar bahasa asing. Selain berkongsi pengalaman, mereka juga ada banyak idea yang boleh diguna pakai untuk menghasilkan pengajaran bahasa asing yang lebih bermutu. Namun, ada juga cabaran bagi mereka untuk mengaplikasikan pendekatan baharu dalam pengajaran mereka. Oleh sebab sudah selesa dengan penggunaan bahan pengajaran yang tersedia seperti buku teks dan buku aktiviti, ada segelintir yang agak gelisah dan kurang yakin untuk mengaplikasikan pendekatan baharu. Mereka mempunyai andaian bahawa untuk mengaplikasikan pendekatan baharu, bahan sedia ada tidak boleh digunakan dan harus diganti dengan bahan baharu. Salah satu langkah yang diambil untuk menangani situasi ini adalah dengan meyakinkan kepada guru-guru bahawa ada keperluan untuk menambah nilai bahan bahasa asing mereka yang sedia ada. Ini termasuk memperlihatkan bagaimana bahan-bahan buku teks dan buku aktiviti boleh disokong dengan aktiviti dan bahan-bahan tambahan untuk melaksanakan sesi pengajaran yang lebih bermakna dan lebih efektif.

Dalam usaha untuk bantu meningkatkan pembangunan guru-guru ini, kadang-kala timbul juga konflik dalam diri ketua pedagogi sama ada untuk menjaga hubungan dengan guru-guru ini atau memastikan mutu baik bahan dan rancangan pengajaran yang disediakan. Oleh sebab situasi ini kadang-kala dikaitkan dengan isu hormat sesama pendidik dan rasa hormat-menghormati merupakan salah satu faktor motivasi dalam pembelajaran pelajar dewasa (Vella, 2002), ketua pedagogi memilih untuk menjaga hubungan dengan guru-guru. Sememangnya, pembangunan profesional guru-guru harus diutamakan. Maka itu, langkah-langkah untuk memperbaiki bahan dan rancangan pengajaran hanya diberikan dalam bentuk saranan di mana guru-guru mempunyai kuasa sama ada untuk menggunakan saranan tersebut. Sumber-sumber untuk memperoleh bahan-bahan pengajaran yang lebih berkesan juga diberikan sebagai cadangan.

Walaupun objektif kumpulan NLC ini tercapai, masih perlu ada usaha untuk menambahbaikkan proses-prosesnya agar pembangunan profesional guru-guru dapat ditingkatkan lagi. Salah satu langkah yang akan diambil adalah dengan meletakkan lebih masa untuk berbincang dengan guru-guru tentang bahan dan rancangan pengajaran yang disiapkan mereka. Dialog juga perlu diadakan untuk memahami rasional di sebalik setiap langkah yang mereka ingin jalankan di dalam pengajaran mereka.



Secara keseluruhan, usaha untuk menyokong pembangunan profesional guru-guru bahasa asing ini disambut baik oleh guru-guru bahasa asing dan pihak pengurusan sekolah serta Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan. Peluang dan ruang untuk mencuba pendekatan-pendekatan yang baharu amat dihargai. Selain kemahiran, tahap keyakinan guru-guru bahasa asing untuk menghasilkan pengajaran yang bermakna dan efektif juga dapat ditingkatkan.

---

## RUJUKAN

OF THE FORMATION AND DEVELOPMENT OF KNOWLEDGE. SOCIETY. INTEGRATION. EDUCATION. Retrieved from <https://journals.rta.lv/index.php/SIE/article/view/4928/4543>

Knowles, M. (1980). *The Modern Practice of Adult Education*. New York: Cambridge.

The CEFR Levels. (2024, May 21). Retrieved from Common European Framework of Reference for Languages (CEFR):

<https://www.coe.int/en/web/common-european-framework-reference-languages/level-descriptions>

Vella, J. (2002). *Learning to Listen, Learning to Teach: The Power of Dialogue in Educating Adults*. San Francisco: Jossey-Bass.


# POSTER PERBINCANGAN

## KE ARAH KEBERKESANAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL GURU-GURU BAHASA ASING

### Maklumat Ringkas

#### Rasional Perkongsian:

- Untuk melihat proses yang dilalui ketua pedagogi untuk membantu dan membimbing guru-guru bahasa asing untuk memahami dan menganalisa keberkesanan pendekatan kurikulum baharu asing yang diketengahkan oleh Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan
- Untuk melihat usaha guru-guru bahasa asing untuk mengkaji pendekatan kurikulum baharu dan mengaplikasikannya dalam pengajaran bahasa asing mereka



#### Kumpulan Projek

Guru-guru Jabatan Bahasa Asia,  
Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan

Tujuan: Untuk memperkasa setiap guru bahasa asing untuk mengimplementasikan empat pendekatan kurikulum bahasa asing yang dilancarkan oleh Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan



#### Bengkel Kendalian Guru (TLW)

Guru-guru Bahasa Ibunda (Sekolah Rendah & Menengah)

Tujuan: Memperkenalkan empat pendekatan kurikulum bahasa asing dan berkongsi manfaat pengaplikasiannya untuk meningkatkan penglibatan pelajar



#### Komuniti Rangkaian Kerjasama Pembelajaran (NLC)

Guru-guru Bahasa Asing

Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan & Sekolah Menengah

Tujuan: Menganalisa keberkesanan pengaplikasian empat pendekatan kurikulum bahasa asing dalam pengajaran bahasa asing

Azyanti Mohamed Mudakir  
Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan

# POSTER PERBINCANGAN

## Peranan Ketua Pedagogi

- Beberapa prinsip andragogi digunakan untuk memastikan suasana pembelajaran yang efektif dan efisien untuk pelajar dewasa iaitu guru-guru bahasa asing yang baru mengenali pendekatan kurikulum baharu
  - kerelevanan - keperluan untuk mempelajari sesuatu ilmu
  - kebebasan untuk memilih dan mempelajari ilmu
  - kemanfaatan ilmu yang akan dipelajari



## Membina hubungan dengan guru-guru Jabatan Bahasa Asia, Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan

- Pendekatan kurikulum bahasa asing yang dilancarkan bertujuan untuk bantu melahirkan penutur bahasa asing yang berkesan

keterlibatan aktif pelajar  
pengajaran bahasa asing



kecekapan pelajar untuk  
mengaplikasikan kemahiran  
bahasa dalam kehidupan  
harian mereka





- Timbul kesedaran bagi guru-guru Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan untuk memperkasa diri dengan pendekatan kurikulum bahasa asing yang baru dilancarkan

## Kumpulan Projek Jabatan Asia, Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan (bermula 2022)

Kumpulan projek ditubuhkan untuk menyokong guru-guru bahasa asing yang ingin memahami dan mengaplikasikan pendekatan kurikulum bahasa asing serta meningkatkan kolaborasi antara guru-guru:

- Berkongsi idea/ Membuat bahan pengajaran
- Membina rancangan pengajaran dan bahan penilaian
- Menghasilkan rubrik/ bahan semakan dan bahan untuk mengumpul maklum balas



Setiap guru akan melaksanakan pengajaran percubaan dan membuat pembentangan di peringkat jabatan dan pusat bahasa

Kemudian, guru-guru yang lebih selesa dan mahir dengan pendekatan kurikulum bahasa asing diajak untuk berkongsi dengan komuniti guru yang lebih besar menerusi Bengkel Kendalian Guru

# POSTER PERBINCANGAN

## Membina hubungan dengan guru-guru bahasa yang lain



### Bengkel Kendalian Guru (TLW - Teacher-led Workshop) (April 2023)

- Pendekatan kurikulum bahasa asing diperkenalkan dan manfaat pengaplikasiannya dikongsi dengan guru-guru bahasa asing di sekolah lain dan juga guru-guru bahasa ibunda yang berdepan dengan pelajar asing dalam sesi Bengkel Kendalian Guru
- Guru-guru juga diberi peluang mengaplikasikan pendekatan kurikulum mengikut tema-tema buku teks sebelum sesi pembentangan dan perkongsian pendapat dijalankan
- Di akhir sesi, guru-guru di sekolah-sekolah lain dijemput untuk menyertai Komuniti Rangkaian Kerjasama Pembelajaran yang bertujuan untuk mendalami dan mengaplikasikan pendekatan kurikulum ini dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing sebelum menganalisa keberkesanannya



### Komuniti Rangkaian Kerjasama Pembelajaran (NLC - Network Learning Community) (2023-2024)

- NLC dimulakan pada Penggal 4 2023 dan akan berakhir Penggal 4 2024
- Profil guru yang terlibat dalam NLC:
  - Guru-guru Bahasa Melayu Program Khas (MSP - Malay Special Programme) dari sekolah-sekolah lain
  - Guru-guru baharu yang mengajar Bahasa Melayu Program Khas (MSP - Malay Special Programme)/ Bahasa Arab/ Bahasa Indonesia dari Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan



# POSTER PERBINCANGAN

## Meluangkan Masa Memberikan Maklumat & Maklum Balas

- Untuk meningkatkan pemahaman dan kemahiran guru-guru berkenaan pendekatan kurikulum bahasa asing, beberapa kaedah digunakan
  - Kaedah Penyampaian x Kaedah Amali
  - Kaedah Deduktif x Kaedah Induktif




Sesi Perbincangan (Teori) + Sesi Pengamatan Kelas (Demonstrasi-Contoh)  
+ Sesi Perbincangan (Pembinaan Bahan & Rancangan Pengajaran)

- Contoh bahan pengajaran disediakan untuk rujukan guru
- Ruang dan peluang disediakan untuk ketua pedagogi dan guru-guru berkongsi pandangan dan mengemukakan pendapat disediakan di aplikasi WhatsApp
  - Kumpulan WhatsApp Umum untuk semua peserta NLC
  - Kumpulan WhatsApp untuk Ketua Pedagogi & guru-guru setiap sekolah
- Google Drive disediakan untuk memudahkan perkongsian slaid mesyuarat, bahan rujukan, sampel bahan pengajaran serta perkongsian rancangan pengajaran dan bahan pengajaran yang disediakan guru-guru



## Belajar dan berkolaborasi bersama Guru

- Setiap guru akan melaksanakan membina bahan dan rancangan pengajaran, melaksanakan pengajaran percubaan dan membuat pembentangan - termasuk Ketua Pedagogi
- Ketua Pedagogi mendahului guru-guru lain dalam perkongsian bahan dan rancangan pengajaran yang dibina
  - Hasil kerja dibincang dan dikupas secara objektif
  - Setiap kekurangan dan saranan yang dikemukakan diterima dengan pemikiran terbuka
  - Tujuannya:
    - Agar guru-guru lebih selesa dan terbuka untuk berkongsi hasil kerja mereka
    - Agar guru-guru dapat melihat kepentingan perbincangan dan perundingan dalam proses membina bahan dan rancangan pengajaran yang bermutu



# POSTER PERBINCANGAN

## Refleksi Perkongsian Ketua Pedagogi

### Pengaplikasian Konsep 'Servant-Leadership'

- Fokus diletakkan pada keperluan pembelajaran guru-guru
- memberi ruang dan peluang untuk guru-guru mengemukakan keprihatinan
- menyiapkan bahan-bahan pembelajaran yang boleh digunakan sebagai rujukan guru-guru
- berkongsi bahan-bahan sokongan yang boleh membantu guru-guru dalam pelaksanaan pengajaran percubaan



### Dilema Ketua Pedagogi


#### - Menjaga Hubungan atau Menjaga Mutu Kerja

- Untuk mencapai hasil mutu pengajaran dan bahan yang baik kadang-kala hubungan ketua pedagogi dengan guru-guru boleh terjejas
- Berkaitan dengan isu hormat sesama pendidik
- Rasa hormat-menghormati merupakan salah satu faktor motivasi dalam pembelajaran pelajar dewasa (Vella, 2002)

>> Ketua Pedagogi memilih untuk menjaga hubungan dengan guru-guru memandangkan pembangunan profesional guru-guru yang harus diutamakan

### • Penglibatan Aktif Ahli NLC

- Apabila penglibatan aktif semua pihak dapat dirasakan, ahli kumpulan NLC ini lebih berusaha untuk melakukan yang terbaik untuk manfaat bersama
- Kolaborasi aktif dapat dilihat dari peringkat penghasilan bahan dan rancangan pengajaran hingga kepada bahagian pelaksanaan pengajaran percubaan



- Langkah-langkah untuk memperbaiki mutu pengajaran dan bahan anya diberikan dalam bentuk saranan dan sumber-sumber untuk memperoleh bahan-bahan pengajaran yang lebih berkesan hanya diberikan dalam bentuk cadangan


### • Lebih banyak masa untuk memanfaatkan kolaborasi dengan guru-guru berpengalaman

- Guru-guru berpengalaman perlu lebih diyakinkan dan disokong apabila mencuba pendekatan yang baharu
- Guru-guru ini ada banyak pengalaman dan juga idea yang boleh diaplikasikan untuk menghasilkan pengajaran yang lebih bermutu
- Sesi dialog perlu diadakan untuk lebih memahami rasional di sebalik setiap langkah yang ingin dijalankan dan setiap bahan yang ingin diketengahkan
- Salah tanggapan 'buang yang lama dan ambil yang baharu' harus dihapuskan agar guru-guru kurang gelisah dan lebih yakin untuk mengaplikasikan pendekatan yang baru mereka pelajari
- Ketua Pedagogi berkongsi contoh pengajaran yang mengaplikasikan pendekatan kurikulum dalam bahan pengajaran yang sedia ada dan juga yang baharu



### Rumusan:

- Usaha ketua pedagogi untuk meningkatkan pembangunan profesional guru-guru bahasa asing disambut baik guru-guru, pihak pengurusan sekolah dan pusat bahasa serta pihak berkepentingan yang lain
- Peluang dan ruang untuk memahami dan mencuba pendekatan-pendekatan kurikulum yang baru dilancarkan amat dihargai
- Kesan positifnya - selain kemahiran guru, tahap keyakinan mereka untuk menghasilkan pengajaran yang bermakna dan efektif juga dapat ditingkatkan



## KELOMPOK S1 BERSATU MENERAJU UNTUK PERKEMBANGAN PROFESIONAL GURU-GURU



**Safidah Samsudin**  
Guru Peneraju  
Sekolah Rendah Jing Shan



**Norwati Sulaiman**  
Guru Peneraju  
Sekolah Rendah Punggol

---

### SINOPSIS

Program ini merupakan satu inisiatif dari bawah (*'ground-up' initiatives*) yang bertitik tolak melalui perbincangan profesional yang tercetus antara Ketua-ketua Guru (Teacher Leaders) di Kelompok S1. Melalui perbincangan ini, fokus kemahiran yang ingin dicapai bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran iaitu Pengajaran Pembezaan & Penilaian dan Maklum Balas telah dipilih berasaskan kepentingan membina kemahiran guru untuk menentukan titik pemeriksaan pembelajaran (*learning checkpoints*) bagi memberi informasi tentang proses pembelajaran. Cabaran yang dihadapi pelbagai memandangkan setiap sekolah mempunyai perbezaan profil murid dan masa untuk lima buah sekolah bertemu. Namun ini tidak menghalang kami menjalankan program ini walaupun terdapat cabaran-cabaran tersebut. Bagi memastikan usaha ini berjalan lancar, kami berkolaborasi dengan Guru Pakar untuk mendapatkan pandangan dan saranan di sepanjang program ini. Melalui perkongsian kandungan dan pengetahuan, rancangan pengajaran dan bahan, kami dapat melebarkan pengetahuan kami tentang penilaian dan maklum balas dan menambah nilai PdP yang boleh kami lanjutkan atau adaptasi di sekolah masing-masing.

# PENGENALAN

## Maklumat ringkas perkongsian

Program ini merupakan satu inisiatif daripada guru-guru yang bertitik tolak melalui perbincangan profesional yang tercetus antara ketua-ketua guru yang mewakili lima buah sekolah rendah di Kelompok S1. Keperluan ini bermula dengan keinginan dan kesedaran guru-guru tentang pentingnya mempunyai kemahiran dan memantapkan pengajaran dan pembelajaran dalam Pengajaran Pembezaan & Penilaian dan Maklum balas. Dengan pemerolehan ilmu dan pedagogi dalam memahami prinsip ini, guru-guru yakin dapat membina kemahiran untuk menentukan titik pemeriksaan bagi memberi informasi tentang proses pembelajaran.

## Objektif perkongsian


Pada akhir perkongsian ini, guru diharapkan dapat:

- memantapkan pengajaran dan pembelajaran dalam Pengajaran Pembezaan & Penilaian dan Maklum balas
- melebarkan pengetahuan tentang Pengajaran Pembezaan & Penilaian dan Maklum Balas
- berkongsi strategi-strategi Pengajaran Pembezaan yang dijalankan di sekolah masing-masing

## Kajian lepas yang menyokong perkongsian:

Dalam Kelompok S1, bagi menerajui program Pembangunan Profesional guru-guru, kami menggunakan Kerangka Pembangunan Ketua-ketua Guru Kelompok S1 (*Teacher Leaders Development Framework*) sebagai landasan dan Prinsip Andragogi bagi memastikan keberkesanan program ini.

Berikut adalah Kerangka Kerja Pembangunan Ketua-ketua Guru Kelompok S1:





Berlandaskan kerangka kerja ini, kami memahami akan pentingnya mengetahui dan mengenal pasti 'Mengapa', 'Apa', 'Bagaimana' dan lingkaran pembelajaran dalam membangunkan guru-guru supaya proses ini dapat dilakukan secara dasar, mendalam dan dilaksanakan dalam bilik darjah bagi memberikan kesan kepada pembelajaran pelajar. 'Mengapa' mendasari matlamat pembangunan professional, 'Apa' merujuk pada kesan meneraju dengan kemahiran, keinginan dan keterujaan dalam melalui proses ini. 'Bagaimana' merupakan suasana pemangkin yang mendukung proses ini supaya mencapai matlamat.

Rujukan pada Prinsip Andragogi oleh Knowles, 1984 turut dikaji dan difahami bagi memahami komitmen guru-guru dalam pelajari sesuatu iaitu berdasarkan lima faktor:

Motivasi	Pelajar dewasa belajar apabila mereka mahu belajar dan mahukan motivasi dalaman
Kesediaan	Pelajar dewasa bersedia belajar apabila terdapat relevan dalam ilmu yang dipelajari
Pengalaman	Pelajar dewasa kaya dengan pengalaman yang menjadi asas pembelajaran
Kendiri	Pelajar dewasa menghargai pembelajaran sendiri
Orientasi	Pelajar dewasa belajar sesuatu yang ada kaitan dan boleh diaplikasi langsung

Prinsip andragogi ini amat membantu dalam memastikan arah tuju pembangunan profesional guru-guru agar keberkesanannya dapat terjamin.

Keperluan memahami Pengajaran Pembezaan (DI) menuntut kami memahami akan prinsip di sebaliknya. Menurut Carol Ann Tomlinson (2017), DI memberikan tumpuan tentang pengajaran dan pembelajaran dan tindak balas guru terhadap keperluan pelajar berpandukan prinsip menghormati tugas, pembentukan kumpulan yang fleksibel, penilaian berterusan dan kurikulum yang berkualiti dan ditambah oleh SFED DI dengan pembentukan komuniti pelajar yang sedar pengajaran pembezaan adalah tentang mengimbangi keperluan individu dan kelas secara keseluruhan. Setiap pelajar mempunyai suara dan tanggungjawab supaya mereka ada ruang dan peluang untuk belajar dan memiliki pembelajaran itu sendiri bersama-sama dengan rakan sekelas dalam satu komuniti yang positif.

DI berpusatkan pelajar dengan mengambil kira kesediaan, minat dan profil pembelajaran pelajar di dalam kelas yang lebih rencam. Ini ditambah dengan pelajar berlatar belakang yang pelbagai dari segi kemampuan kognitif, keupayaan berbahasa, tahap motivasi, sikap dan minat. Oleh itu guru-guru berperanan menggabungkan panduan, prinsip dan pengetahuan mereka dalam perancangan dan pelaksanaan DI di dalam bilik darjah.

## PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU

Sebagai Ketua Pedagogi, tugas kami merencana program pembangunan pedagogi guru-guru berdasarkan literatur dan prinsip-prinsip pembelajaran serta keperluan guru-guru itu. Perbincangan profesional sangat penting dalam memahami metakognitif, kepercayaan dan naratif guru sebelum menjalankan program ini. Memandangkan program ini melibatkan lima buah sekolah yang mempunyai profil yang berbeza, maka kriteria ini turut dititikberatkan dalam mencari persamaan dan menyantuni perbezaan yang wujud dalam setiap sekolah. Sesi utama yang menyatukan kesemua guru berperanan menyatukan guru-guru dalam memahami dan menyokong visi dan matlamat program ini.

Selanjutnya, setiap sekolah, bergerak secara persendirian dengan dibantu oleh guru-guru peneraju dan guru pakar yang dilamar untuk menceduk ilmu yang ada pada kepakaran beliau. Guru-guru diberikan bahan-bahan rujukan dan ruang serta peluang untuk bertanyakan pada guru-guru peneraju dan guru pakar dalam proses pembangunan ini. Program diakhiri dengan satu sesi perkongsian daripada setiap sekolah yang amat membantu dalam menelusuri cara pendekatan DI dan Penilaian serta Maklum Balas dijalankan di setiap sekolah di samping berkongsi dapatan daripada pengalaman setiap sekolah juga. Dengan keberkesanan program ini, maka program susulan diajukan dengan meluaskan fokus dan menilai tambah mengikuti arus teknologi dengan penggabungjalinan e-pedagogi atau EdTech pada tahun selanjutnya.

---

### REFLEKSI

Strategi yang telah digunakan sangat berkesan untuk mengiktiraf pelajar yang mempunyai pelbagai tahap kebolehan dan menyediakan pembelajaran yang memberi tumpuan kepada minat dan tahap kesediaan pelajar serta yang lebih inklusif dan bermakna.

Guru-guru lebih berkeyakinan untuk melaksanakan Pengajaran Pembezaan dalam bilik darjah dengan bimbingan dan pandangan daripada guru pakar. Kehadiran guru pakar dalam bilik darjah semasa pelaksanaan pengajaran telah menjadi pembakar semangat buat guru-guru sekolah tersebut.

Salah satu cabaran yang dihadapi oleh guru adalah untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran tambahan untuk menyokong pengajaran pembezaan dan memastikan pelajar tetap fokus dalam kelas. Objektif untuk melebarkan pengetahuan para guru telah tercapai melalui sesi perkongsian rancangan pengajaran pembezaan yang diadakan untuk kelima-lima sekolah dalam sesi terakhir.

---

## RUJUKAN

Amalan Pengajaran Singapura, (Singapore Teaching Practice): Ministry of Education Singapore, Malay Language Center of Singapore, Academy of Singapore Teachers

Hattie, J. (2012). *Visible learning or teachers: Maximizing Impact on learning*. Routledge/Taylor & Francis Group.

Knowles, M. S., Holton III, E. F. & Swanson, R. A. (2005). *The Adult Learner: The Definite Classic in Adult Education and Human Resource Development*. Elsevier Butterworth Heinemann.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015. Singapura: CPDD, Kementerian Pendidikan Singapura.

Tomlinson, C. A. (1999). *The Differentiated Classroom: Responding to the Needs of All Learners*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.

Tomlinson, C.A., & Murphy, M. (2015). *Leading for differentiation: growing teachers who grow kids*. ASCD.

Tomlinson, C. A. (2017). *How to Differentiate Instruction in Academically Diverse Classrooms*. ASCD.

# POSTER PERBINCANGAN



# POSTER PERBINCANGAN



# POSTER PERBINCANGAN

## S1 Teacher Leaders Development Framework

**The WHY**

This is the ultimate goal of the S1 PD Framework for TLs

**The WHAT**

These three interconnected inputs (A, B & C) are critical elements that will result in goal achievement and the corresponding outputs- LEAD with Skill, Will & Thrill.

**The HOW**

This refers to the enabling environment that supports the achievement of the goal and the 3 outcomes.

**The LEARNING LOOP**

The undulating lines in varied gradient colours that cut across the three inputs represent the three phases of the learning process- surface, deep & transfer.

S1 Teacher Leaders Support Group

---

### Prinsip-prinsip Andragogi

pelajar sendiri dan bertanggungjawab pada pembelajaran sendiri

bersedia untuk belajar mempunyai keperluan untuk mengisi jurang pengetahuan dan kemahiran

bermotivasi secara intrinsik

menyadari nilai pada pengetahuan dan kemahiran yang boleh diaplikasi dalam kehidupan yang nyata

mempunyai pengetahuan sedia ada yang berpotensi menjadi sumber pengetahuan dalam pembelajaran

berminat untuk mengetahui bagaimana pembelajaran dapat digunakan dalam konteks yang autentik

# POSTER PERBINCANGAN

### Perjalanan Kita

### Pengajaran menggunakan Di

CHJ Our Lady of the Nativity  
Primari 2  
Unit 8. Imbuan per- dan pen-

### Aplikasi Nearpod

### Sesi Perkongsian Profesional Kelompok S1

Sekolah Rendah Punggol  
17 Ogos 2023

Bengkel Guru-guru Bahasa Melayu Kelompok S1  
Pengajaran Pembelajaran (Di) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bilik Darjah

## SESI PERKONGSIAN SEKOLAH RENDAH JING SHAN

Charmis, 17 Ogos 2023

### Differentiated (DI) Formative Assessment (FA) Unjuk & Ujar Darjah 2

Unit 4 Pelajaran 3: Di Pusat Makanan  
Sekolah Rendah Ang Mo Kio

Cikgu Amirah Mohd Ismail  
Cikgu Nur Adawiyah Rosli

### Pengajaran Pembezaan dalam Karangan

## Murid Sasaran: Primari 4 2023

Masalah:

- Murid kurang/ hampir tidak dapat meluaskan isi
- Karangan
- Murid hanya menulis idea-idea yang mereka nampak di dalam gambar (*yang nyata sahaja bukan interests!*)
- Kebanyakan murid tidak dapat memberikan idea-idea yang tidak dapat dalam gambar tetapi ada kaitannya

### Kelompok S1

## Penerapan EdTech dalam PdP DI di bilik darjah

### PEMEROLEHAN

#### 1. Peta Reka Bentuk Pelajaran


Kemahiran, Kefahaman dan Interaktif Isuan

Masa	1	2	3	4
1	Prerangka Darjah 5	Topik: Bumi Kita		
2	Objektif: Pada akhir pelajaran, murid murid dapat: 1. Mengenal pasti jenis jenis pencemaran alam. 2. Memahami link lagan dan menjabah isuan-kefahaman. 3. Berteraka beritama keluarga tentang pencemaran.			
3	Guru memaparkan slide dan membuat maklum kelas			
4				

# POSTER PERBINCANGAN







# MODEL ROTASI STESEN DALAM MAKMAL PEMBELAJARAN



**Norhidayana Jabar**  
Guru Kanan Bahasa Melayu  
Sekolah Rendah Punggol Green



---

## SINOPSIS

Model Putaran Stesen atau lebih dikenali dengan nama *Station Rotation Model* merupakan pendekatan pembelajaran teradun yang menggabungkan teknologi serta interaksi antara guru dan pelajar. Pemilihan model pembelajaran ini bertujuan untuk menyokong pengajaran pembezaan mengikut keperluan dan kesediaan pelajar, justeru menjadikan pembelajaran lebih interaktif dan berpusatkan pelajar. Pelajar juga terlibat aktif di dalam pelbagai aktiviti pembelajaran yang dapat mendalami pemahaman dan meningkatkan kemahiran mereka. Namun, cabaran utama yang dihadapi guru meliputi beberapa perkara seperti keperluan perancangan secara teliti untuk setiap aktiviti dan pengurusan masa yang efektif semasa melaksanakan pengajaran. Penggunaan model putaran stesen ini dapat membantu guru-guru dalam pembangunan profesional dengan menyediakan peluang untuk guru menjadi lebih reflektif dan dapat memperbaiki kemahiran teknologi, pengurusan kelas dalam melaksanakan strategi pembelajaran teradun.

## PENGENALAN

Idea yang diapung-apungkan sejak tahun 2022 ketika menghadiri program TLP bersama sekumpulan guru-guru kanan akhirnya dapat dilahirkan menerusi ruang pembelajaran *The Learning Lab* di Sekolah Rendah Punggol Green. Ruang pembelajaran yang berteraskan teknologi membolehkan guru bereksperimen dengan menjalankan pembelajaran berteraskan teknologi. Model '*Station Rotation*' atau Rotasi Stesen dalam pembelajaran teradun melibatkan murid berpindah dari satu stesen pembelajaran ke stesen pembelajaran yang lain dalam tempoh masa yang ditetapkan. Setiap stesen pula menyediakan aktiviti pembelajaran yang berbeza. Setiap murid terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran dan membolehkan penggunaan teknologi yang meluas. Murid juga berpeluang untuk bekerjasama dan berinteraksi dengan rakan sebaya demi memupuk kemahiran abad ke-21.

Objektif perkongsian adalah seperti berikut:

- Memperkenalkan tentang implementasi model rotasi stesen dalam pembelajaran teradun.
- Penerapan pengajaran pembezaan dalam model rotasi stesen.

Catlin R. Tucker (2016) mengkaji tentang model rotasi stesen terhadap penglibatan pelajar dan hasil pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan bahawa model ini dapat meningkatkan pelibatan pelajar dan menjadikan pembelajaran lebih interaktif. Penerapan model pembelajaran ini juga sesuai apabila guru ingin memberi tumpuan secara langsung kepada pelajaran dalam kumpulan murid yang lebih kecil. Kaedah ini bersesuaian demi meningkatkan pelibatan murid.

Tomlinson (2014) pula memberikan panduan komprehensif tentang pelaksanaan rotasi stesen di dalam bilik darjah. Perancangan yang teliti di dalam menetapkan tugas-tugas yang bersesuaian dengan tahap keupayaan murid merupakan antara kunci bagi menjadikan model ini sangat berkesan dalam pembelajaran teradun. Selain itu, Horn & Staker (2014) menjelaskan bahawa pengurusan kelas yang baik merupakan kunci bagi keberhasilan model rotasi stesen di dalam bilik darjah. Guru perlu menetapkan aturan dan prosedur yang jelas bagi memastikan peralihan yang lancar di antara stesen.

---

## PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU

Guru kanan dan guru peneraju memainkan peranan sebagai ketua pedagogi dan harus mendepani pembangunan pedagogi guru. Ini dapat dijalankan dengan menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang membolehkan elemen dan amalan pedagogi dilaksanakan di dalam bilik darjah. Perancangan yang strategik setiap tahun harus direncanakan agar projek atau program yang ingin dilaksanakan dapat memenuhi objektif. Di PGPS, guru-guru kanan dan guru-guru mapan mempunyai kumpulan sokongan yang dinamakan TLC atau *Teacher Leaders Council*. Kumpulan inilah yang mengetuai pembangunan pedagogi guru di sekolah.

Selain itu, ketua pedagogi berperanan untuk membina hubungan professional untuk membina kepercayaan guru-guru. Ini juga memudahkan usaha untuk meningkatkan kolaborasi dalam kalangan guru menerusi 'PLC' dan 'Timetabled Time'. Usaha ini juga membolehkan para ketua pedagogi membina kepercayaan guru-guru dan memberikan mereka suntikan semangat dengan menjadi 'penyokong' yang setia.

Ketua pedagogi harus dilihat lebih kerap berkongsi ilmu menerusi secara dalam talian mahupun menerusi perkongsian. Mereka harus bersedia untuk 'membuka' bilik darjah masing-masing agar guru-guru lain dapat meraih manfaat menerusi pemantauan di dalam bilik darjah.

Dari sudut inovasi di dalam pengajaran pula, ketua pedagogi harus bersedia untuk mencuba dan mencari guru-guru yang mempunyai minat dan keprihatinan yang sama di dalam menerajui inovasi. Di PGPS, kami mempunyai kumpulan sokongan yang dinamakan EdTech Champions dan saling berkongsi ilmu di dalam pembelajaran berteraskan teknologi.

---

## REFLEKSI

Sebagai ketua pedagogi, penerapan model rotasi stesen telah memberikan saya perspektif yang mendalam tentang bagaimana pendekatan ini dapat memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar. Strategi ini membolehkan saya memberikan perhatian yang lebih kepada pelajar melalui stesen berasaskan guru, sementara pelajar lain dapat belajar secara sendiri atau melalui teknologi di stesen lain. Proses peralihan antara stesen-stesen juga membantu mengekalkan tahap pelibatan pelajar yang tinggi sepanjang sesi pembelajaran. Pedagogi pembelajaran teradun ini memberi guru strategi yang boleh diguna pakai dalam bilik darjah. Mereka lebih bersedia untuk memenuhi keperluan pelajar yang berbeza. Guru juga dapat berkongsi pengalaman dan belajar dari satu sama lain.

Antara cabaran utama adalah memastikan guru-guru bersedia untuk meneroka dan selesa dengan kaedah rotasi stesen ini. Meskipun guru-guru di primari rendah pernah mencuba kaedah ini menerusi 'Learning Centres', kaedah yang menerapkan teknologi masih lagi baharu dan guru-guru masih belum yakin menjalankan model tersebut. Tugas sebagai ketua pedagogi bermakna, guru harus membina kepercayaan dan keyakinan dalam menggunakan strategi ini. Selain itu, logistik pengurusan masa dan sumber juga merupakan cabaran, terutamanya dalam memastikan setiap stesen dilengkapi dengan bahan yang diperlukan dan pelajar tahu apa yang perlu dilakukan di setiap stesen. Mengatasi rintangan awal ini memerlukan sokongan berterusan dan penyesuaian berterusan berdasarkan maklum balas dan pemerhatian. Pada masa yang sama, guru kanan juga perlu memastikan sama ada status objektif tercapai, tidak tercapai atau memerlukan penambahbaikan.

---

## RUJUKAN

Caitlin R Tucker, T. W. (2016). Exploring the Effects of Station Rotation Model on Student Engagement and Learning Outcomes. *Journal of Educational Technology*.

Horn, M. B. Staker, H. (2014). *Blended Learning in Practice: Case Studies from Leading Schools*. Clayton Christensen Institute for Disruptive Innovation.


Tomlinson, Carol A. (2014). *The Differentiated Classroom: Responding To The Needs of All Learners*. ASCD.

# POSTER PERBINCANGAN



## 'THE LEARNING LAB'

### Makmal Pembelajaran



- Ruang pembelajaran yang fleksibel.
- Mudah untuk disesuaikan mengikut pelbagai keperluan PdP.
- Penggunaan teknologi.

### Model Rotasi Stesen



- Pembelajaran teradun.
- Setiap stesen menyediakan aktiviti berbeza.
- Murid terlibat aktif.

# POSTER PERBINCANGAN



## PELAKSANAAN

- Stesen 1 : Penggunaan Teknologi
- Stesen 2 : Kerja Kumpulan
- Stesen 3 : Bersama Guru

## PENGAJARAN PEMBEZAAN

- Meningkatkan pelibatan pelajar.
- Tumpuan kepada kumpulan murid yang lebih kecil.
- Aktiviti sesuai dengan keupayaan murid.



# POSTER PERBINCANGAN

## KETUA PEDAGOGI @ PGPS

### TEACHER LEADERS COUNCIL

- TLC terdiri daripada guru kanan & guru mapan.
- Mencorak pembangunan profesional di sekolah.



### EDTECH CHAMPIONS

- Pejuang EdTech di sekolah.
- Guru-guru yang cenderung menggunakan teknologi dalam PdP.





# POSTER PERBINCANGAN

## SEMESTER 1

### WORKSHOPS ON WEDNESDAYS (WOW) & TEACHERS TEACHING TEACHERS (TTT)

- WOW - Bengkel untuk guru.
- TTT - Perkongsian secara informal.



## SEMESTER 2

### PROFESSIONAL LEARNING COMMUNITY (PLC)

- Projek PLC berteraskan EdTech & Pengajaran Pembezaan.
- Festival pembelajaran pada akhir tahun.



# POSTER PERBINCANGAN

## REFLEKSI GURU KANAN



- Model Rotasi Stesen
- Kepelbagaian kaedah dalam setiap pelajaran.
- Berpusatkan guru, sendiri & berkumpulan.
- Membina keyakinan guru.
- Kumpulan sokongan yang padu.
- Guru sebagai pereka pembelajaran.

[norhidayana\\_jabar@schools.gov.sg](mailto:norhidayana_jabar@schools.gov.sg)





# MENGGUNAKAN KECERDASAN BUATAN DALAM PENILAIAN KENDIRI



**Esfan Rizal Bin Rahwom**  
Guru Kanan  
Sekolah Menengah Tampines

---

## SINOPSIS



Unit Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Tampines mahu memanfaatkan kecerdasan buatan (AI) dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan melalui penggunaan ChatGPT yang dapat menganalisis maklumat dan memberikan maklum balas kepada guru dan pelajar. Maklum balas ini dapat memperbaiki penulisan pelajar dengan memberikan panduan-panduan tertentu. Para pelajar menjalani latihan untuk menggunakan ChatGPT sebagai alat penilaian sendiri di dalam bilik darjah. Cabaran pertama yang dihadapi, menghasilkan arahan (*prompts*) yang sesuai untuk digunakan dalam pencarian bahan yang diinginkan. Cabaran kedua, para pelajar masih belum mahir menggunakan ChatGPT seperti yang diinginkan malah pelajar menggunakan ChatGPT untuk menghasilkan penulisan yang dihantar sebagai hasil penulisan terakhir yang telah mereka hasilkan sendiri. Inisiatif ini membuka ruang kepada para guru untuk membangunkan kemahiran baharu di samping kemahiran ICT yang sedia ada. Hal ini juga dipercayai membina peluang guru untuk meneroka kecerdasan buatan dan perbincangan profesional yang terus membina kemahiran guru menggunakan Ed-Tech secara berkesan

## PENGENALAN

Dengan pengumuman EdTech Masterplan 2030 pula, para guru berdepan dengan satu lagi alat pengajaran dan penilaian yang mempunyai potensi untuk memacu pembelajaran kepada tahap yang lebih tinggi. Antara hasiltujuan EdTech Masterplan 2030 ialahadalah untuk menghasilkan Pelajar Abad ke-21 yang Perkasa Digital dan Pelajar yang Mahir Ddigital (MOE, 2023). Para pelajar diharapkan menjadi pelajar yang berupaya menetapkan matlamat dan mengurus pembelajaran mereka menggunakan pelbagai alat dan sumber digital dan mengaplikasikan literasi digital dan teknologi untuk menyuling dan membezakan maklumat secara berkesan.

Unit Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Tampines telah membuat keputusan untuk memanfaatkan kecerdasan buatan (AI) dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan melalui penggunaan ChatGPT.

Penggunaan ChatGPT dipercayai berupaya untuk membantu pelajar dalam aspek penilaian sendiri. Apabila pelajar bijak menggunakan keupayaan kecerdasan buatan (AI), para pelajar dipercayai dapat memanfaatkan lapor balik bagi pembelajaran sendiri dan berupaya mempertingkatkan penguasaan bahasa mereka daripada aspek kemahiran menulis. Dalam percubaan kami di Sekolah Menengah Tampines, para akan dilatih untuk menggunakan ChatGPT sebagai alat penilaian sendiri. Melalui hal tersebut, kami berharap dapat mencapai matlamat berikut:

- Pelajar boleh membuat penilaian sendiri dengan bantuan kecerdasan buatan.
- Pelajar boleh menghasilkan karangan naratif yang berkesan yang memenuhi aspek perwatakan, plot dan bahasa yang baik.

Menurut beberapa kajian, Memarian & Doleck (2023) menyatakan bahawa walaupun AI telah digunakan dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, teori yang berkaitan dengan AI dalam aspek penilaian untuk pembelajaran belum dikaji secara ekstensif. Selain itu, Black et al. (2004) menyarankan bahawa untuk meraih keberkesanan dalam penilaian untuk pembelajaran, para pelajar boleh digalakkan untuk membandingkan kelakonan mereka terhadap diri mereka sendiri.

Oleh yang demikian, kami ingin mengeksperimenkan keberkesanan AI dalam penilaian sendiri para pelajar, terutama sekali dalam aspek penulisan karangan naratif. Karangan naratif dipilih kerana karangan ini merupakan jenis karangan yang popular dalam kalangan pelajar. Walaupun begitu, para pelajar tidak dapat menulis karangan naratif secara berkesan kerana gagal memenuhi aspek plot, perwatakan atau bahasa yang baik.

## PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU

Dalam pelaksanaan tersebut, selaku ketua pedagogi, ST memainkan peranan dalam membimbing para guru untuk melaksanakan program tersebut. Beberapa platform digunakan dalam hal tersebut seperti sesi pembangunan profesional berstruktur yang ditetapkan oleh sekolah dan juga perbincangan *adhoc*.

Antara perkara penting yang perlu dicapai untuk menjalankan program ini adalah untuk mencapai *buy-in* agar pelaksanaan program tersebut mempunyai pemilikan bagi setiap anggota jabatan. Untuk mencapai hal ini, ST bekerjasama dengan Ketua Jabatan (HOD) bagi melancarkan pelaksanaan program tersebut melalui beberapa sesi perbincangan dan penyusunan struktur komunikasi dan peringkat program. Beberapa keprihatinan juga dibincangkan agar kami dapat mengemukakan keprihatinan tersebut kepada para guru dalam jabatan untuk dibincang sama.

HOD dan ST mengenal pasti beberapa bahan yang boleh dijadikan panduan kepada para guru. Kami menyediakan templat untuk digunakan sebagai pangkalan data *prompts* yang akan digunakan. Selain itu, HOD juga berkongsi beberapa bahan yang pernah digunakan oleh beberapa sekolah (dalam bahasa Cina - diterjemahkan) dan disesuaikan oleh ST untuk kegunaan guru-guru dalam Unit Bahasa Melayu.

Dalam sesi pertemuan Pembangunan Profesional yang terancang, ST membimbing para guru untuk mengemaskinikan *prompts* yang akan digunakan oleh para pelajar. Beberapa permutasi telah dibina dan dicuba untuk melihat respons ChatGPT sehingga kami mendapatkan *prompts* yang sesuai demi memenuhi matlamat kami.

Dalam berusaha membina budaya berkongsi, iaitu setiap anggota kumpulan bebas berkongsi pandangan untuk mencapai matlamat yang telah dilakarkan. Hal ini meningkatkan keyakinan para guru untuk meluahkan pandangan dan keprihatinan.

Melalui dapatan ini. Setiap guru berkongsi pengalaman mereka dan hasil yang mereka dapatkan daripada percubaan yang dijalankan dalam kelas masing-masing. Dapatan ini dirakamkan dalam templat yang disediakan. Melalui perkongsian ini, para guru boleh membuat pembaikan kepada amalan yang dijalankan dalam kelas masing-masing.

Penggunaan kecerdasan buatan (ChatGPT) dalam penilaian sendiri masih dalam peringkat baharu dan melalui eksperimen kami, kami dapati masih ada beberapa perkara yang boleh menimbulkan cabaran seperti berikut:

- “ingatan” ChatGPT agak singkat. Selepas interaksi yang berlapis-lapis, ChatGPT akan “terlupa” tentang konteks bualan yang utama.
- Penggunaan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu yang kadang-kadang bersilih ganti dalam ChatGPT.
- Terdapat para pelajar yang menggunakan respons ChatGPT sebagai hasil tugas mereka.

Walaupun begitu, kami berpendapat bahawa dengan penggunaan ChatGPT yang berkesan, ChatGPT mempunyai potensi untuk mencapai hasil pembelajaran yang diharapkan.

---

## REFLEKSI

Penggunaan ChatGPT dalam penilaian untuk pembelajaran (penilaian sendiri) boleh membantu pelajar dalam menilai hasil tugas mereka. Dengan saranan yang diberikan oleh ChatGPT, para pelajar dapat melihat cara-cara penulisan mereka dan memperbaiki penulisan. Oleh itu, hal ini menggalakkan para guru untuk memanfaatkan hal tersebut demi manfaat pelajar-pelajar mereka.

Guru mempunyai satu lagi alat yang berpotensi untuk digunakan secara berkesan dan membantu para guru untuk menggalakkan para pelajar menghasilkan karangan yang lebih baik. Pada awalnya, para guru menghadapi cabaran dalam penggunaan alat kecerdasan buatan tersebut. Pelbagai permutasi prompts telah dihasilkan. Dalam hal tersebut, guru menjadi lebih yakin untuk menggunakannya walaupun timbul keraguan bahawa pelajar akan menyalahgunakan ChatGPT untuk menghasilkan karangan yang dihantar sebagai tugas sendiri.

Para guru telah didedahkan dengan kemahiran baharu dalam penilaian para pelajar. Dalam perbincangan kami, kami juga melanjutkan perbincangan kami kepada cara-cara menggunakan kecerdasan buatan dalam membantu guru menilai tugas karangan pelajar menggunakan rubrik-rubrik yang sedia ada. Maka, para guru telah berjaya melihat potensi kecerdasan buatan dalam pengajaran dan pembelajaran di samping bantuan yang ChatGPT dapat lakukan dalam profesionalisme guru.

Tidak banyak bahan rujukan yang boleh diguna pakai memandangkan hal ini merupakan hal yang baharu, lebih-lebih lagi dalam Bahasa Melayu. Kajian yang mendalam tentang aspek yang ingin difokuskan juga tidak banyak. Oleh itu, unit kami perlu bersedia untuk menggunakan kaedah *trial-and-error* bagi mendapatkan hasil yang kami inginkan.

Secara amnya, objektif yang ditetapkan tercapai, walaupun masih boleh dilakukan beberapa pembaikan. Perancangan masa hadapan untuk program ini adalah untuk melanjutkan penggunaannya dalam karangan-karangan jenis lain (deskriptif dan ekspositori).

---


## RUJUKAN

Black, P., Harrison, C., Lee, C., Marshall, B., & William, D. (2004). Working Inside The Black Box: Assessment for Learning in the Classroom. Sage Journals, 86(1). <https://doi.org/10.1177/003172170408600>

Memarian, B., & Doleck, T. (2024). A review of assessment for learning with artificial intelligence. Computers in Human Behavior: Artificial Humans, 2(1). <https://doi.org/10.1016/j.chbah.2023.100040>



MOE. (2023, September 20). "Transforming Education through Technology" Masterplan 2030 Gain insights on the strategic focus of our "Transforming Education through Technology" Masterplan 2030. Ministry of Education (MOE). <https://www.moe.gov.sg/education-in-sg/educational-technology-journey/edtech-masterplan>

# POSTER PERBINCANGAN





# POSTER PERBINCANGAN



# POSTER PERBINCANGAN




## PERJALANAN TPSS


**PERANAN GURU KANAN**  
membimbing para guru dalam pelaksanaan proyek melalui platform seperti sesi pembangunan profesional berstruktur yang disediakan oleh sekolah dan juga perbincangan ad-hoc.

**MEMBINA HUBUNGAN**  
mencapai tujuan agar setiap anggota mempunyai perisian, bekerjasama dengan HOD untuk melaksanakan pelaksanaan program, mendengar dan membincangkan kepeghatian, yang ada dan mencapai penyelesaian bersama.

**MENYEDIAKAN SUMBER**  
menghasilkan bahan-bahan yang boleh dijayakan rujukan dan penulisan menyediakan templat untuk memulakan hasil perbincangan  
HOD mengemukakan bahan daripada sekolah-sekolahan lain.



loop



## PEMBELAJARAN BERSAMA SECARA BERTERUSAN

membimbing para guru untuk mengemukakan prompty yang akan digunakan oleh para pelajar bersama-sama mengemaskini pemuliharaan yang telah dibina dan diubah untuk melihat respons sehingga mendapatkan prompty yang sesuai demi memenuhi maklumat.

**BUDAYA BERKONGSI**  
setiap anggota kumpulan bebas berbangkit pandangan untuk mencapai maklumat, meningkatkan keyakinan para guru untuk melakukan pandangan dan kepeghatian.

**DAPATAN**  
hasil daripada percubaan dikongsi dalam sesi Pembangunan Profesional berstruktur guru berbangkit pandangan dan hasil daripada percubaan yang dijalankan dalam kelas masing-masing diumumkan dalam templat sebagai rujukan agar para guru boleh membuat pembaikan kepada amalan yang dijalankan.


**MENERAJU INOVASI**  
penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam penulisan sendiri masih dalam peringkat baharu memerlukan beberapa caaturan.

# POSTER PERBINCANGAN

## CABARAN

- 01 "Ingatan" ChatGPT agak singkat. Selepas interaksi yang berlapis-lapis, ChatGPT akan "terlupa" tentang konteks buatan yang utama
- 01 Penggunaan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu yang kadang-kadang bersilih ganti oleh ChatGPT
- 01 Para pelajar yang menggunakan respons ChatGPT sebagai hasil tugas mereka

Walaupun begitu, kami berpendapat bahawa dengan penggunaan ChatGPT yang berkesan, ChatGPT mempunyai potensi untuk mencapai hasil pembelajaran yang diharapkan.



## REFLEKSI

### Manfaat

membantu pelajar dalam menilai hasil tugas mereka  
ChatGPT boleh menyarankan kepada pelajar cara-cara penulisan mereka dapat dibaloi.

### Impak Kepada Guru

satu lagi alat yang berpotensi untuk digunakan secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran  
membantu para guru untuk menggantikan para pelajar menghasilkan karangan yang lebih baik  
potensi untuk digunakan sebagai alat menyemak karangan pelajar



### Pembangunan Pedagogi

kemahiran baharu dalam penilaian para pelajar  
menggunakan kecerdasan buatan dalam membantu guru menilai tugas karangan pelajar menggunakan rubrik-rubrik yang sedia ada


# POSTER PERBINCANGAN




9273323 1



estfan\_rizal\_rahwom  
@  
schools.gov.sg



# MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS PELAJAR MELALUI PEMBELAJARAN BERDASARKAN PENGALAMAN



**Norah Bte Nordin**  
Guru Kanan  
Sekolah Perempuan Haig

---

## SINOPSIS



Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman merupakan program bagi para pelajar darjah 3 berdarmawisata ke Muzium Sejarah Semulajadi Lee Kong Chian. Para pelajar akan mencatatkan fakta dan menulis tentang flora dan fauna yang terdapat di muzium tersebut dengan menggunakan aplikasi Padlet. Pelajar menulis refleksi dan pengalaman berdarmawisata dengan merujuk kepada bahan-bahan yang berkaitan dengan flora dan fauna yang terdapat di sana, kemudian memuatnaikkan ke laman yang dihasilkan guru. Pelajar meraih pengalaman pembelajaran yang menarik dan berkesan di samping menimba ilmu pengetahuan. Cabaran yang dihadapi adalah masa yang diperlukan untuk merancang dan menjalankan program ini. Masa sehari diperlukan untuk membawa para pelajar ke muzium tersebut dan guru juga perlu merancang dan menyiapkan bahan-bahan bagi keperluan pelajar. Berdasarkan pemantauan program ini, guru-guru didapati mampu mengasah kemahiran ICT mereka semasa menyiapkan laman yang mengandungi bahan-bahan rujukan untuk pembelajaran. Guru juga dapat meningkatkan kemahiran melatih pelajar menggunakan aplikasi Padlet dan memastikan kesahihan bahan-bahan rujukan.

## PENGENALAN

Perkongsian ini tercetus apabila guru-guru darjah tiga daripada Jabatan Sains hendak mengadakan darmawisata ke Muzium Sejarah Semulajadi Lee Kong Chian dengan tujuan mempelajari tentang pelbagai kehidupan yang terdapat di Singapura dan Asia Tenggara. Melalui darmawisata ini, kolaborasi bersama Jabatan Bahasa Ibunda telah disarankan dan pembelajaran pelajar mengandungi elemen pembelajaran Bahasa Ibunda.

Perbincangan telah dijalankan dan guru-guru Bahasa Melayu darjah 3 telah menyarankan supaya tumpuan diberi kepada kemahiran menulis pelajarpara pelajar memandangkan mereka baru mula hendak menulis karangan secara berperenggan. Oleh itu, mereka perlu berlatih dan meningkatkan kemahiran menulis mereka.

PdP kemahiran menulis memerlukan strategi-strategi tertentu kerana ia merupakan satu kemahiran yang sukar. Setelah para pelajar pelajar dapat menguasai kemahiran mendengar, bertutur dan membaca, barulah mereka akan dapat menguasai kemahiran menulis. Bimbingan guru dalam penggunaan kosa kata yang sesuai yang dijalankan melalui perkongsian ini juga diperlukan apabila mereka mengarang dan sebagai pemudah cara, guru terus membantu hingga mereka dapat menghasilkan tugas mereka itu.

Dalam perancangan program ini, pendekatan pedagogi Pengajaran Pembezaan telah dipilih. Untuk menjadikan pengajaran pembezaan berkesan yang dijalankan, guru perlu mengenal pasti kebolehan pelajar yang mereka bimbing. (Dr Abbas Mohd Shariff, 2006).

Pengajaran pembezaan yang berkesan memerlukan guru untuk mengenal pasti profil pelajar dan terdapat empat perkara yang boleh dibezakan dan diubah berdasarkan kebolehan dan minat murid iaitu kandungan, proses, produk dan persekitaran pembelajaran untuk memastikan peluang untuk mempertingkatkan diri pelajar dapat dimaksimumkan. (Tomlinson C, 2002). Guru juga menggunakan panduan dan maklumat tentang pengajaran pembezaan yang terdapat di Sukatan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (2024) semasa PdP dijalankan.

Penggunaan Pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas atau *Making Thinking Visible* yang juga digunakan guru dalam perkongsian ini, dapat membina dan memperkasakan kemahiran berfikir murid. Ketika memupuk pelibatan, mendedahkan pemahaman dan menggalakkan kebebasan dalam suasana budaya berfikir, guru menggunakan kaedah pemikiran jelas iaitu proses belajar untuk berfikir dan berfikir untuk belajar. Guru juga menunjukkan cara berfikir (*modelling*) dan bersifat eksplisit dalam proses berfikir. (Ron Richhart, Mark Church dan Karin Morrison, 2011).

Pengajaran Secara Eksplisit berteraskan ICT yang dijalankan guru melalui perkongsian ini membuat pelajarpara pelajar berasa seronok dan PdP menjadi lebih menarik. Alat ICT juga memainkan peranan penting bagi penilaian dan ketika guru memberi maklum balas secara dalam talian dan pelajar pula dapat membuat penilaian sendiri dan rakan sebaya. Teori Sosio-Budaya Vygotsky (1934) memberi tumpuan kepada perkembangan kognitif kanak-kanak. Teori ini menekankan bahawa bimbingan guru atau rakan sedarjah yang lebih maju dapat membina ilmu dan kemahiran yang lebih tinggi.

---

## **PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU**

Perbincangan bagi perkongsian ini sering dijalankan kerana masa untuk perbincangan telah ditetapkan. Proses menjalankan perkongsian ini dibincangkan bersama-sama guru-guru Bahasa Melayu yang lain juga. Dengan cara ini, pelbagai idea dapat diterapkan semasa PdP dijalankan. Perbincangan yang dijalankan juga memudahkan guru-guru untuk membincangkan perkara-perkara yang harus diperbaiki dari masa ke semasa.

Kolaborasi yang dijalankan bersama jabatan lain membolehkan guru-guru mendapatkan maklumat dan sokongan daripada satu sama lain. Pihak pentadbir sekolah juga memberikan sokongan bagi mereka dengan menjalankan latihan berteraskan ICT bagi pembangunan diri guru. Ini memberikan mereka keyakinan untuk menjalankan PdP dengan berkesan kerana mereka boleh merujuk kepada guru-guru yang mempunyai kemahiran tertentu seperti kemahiran menggunakan ICT dengan cekap. Dengan cara ini juga, mereka dapat meneroka teknologi terkini dengan lebih selesa dan yakin.

Maklumat mengenai perkongsian ini dikumpul dan dianalisis dan penilaian secara kualitatif dijalankan pada tahun pertama dan maklum balas diberi bagi langkah selanjutnya. Saranan dibuat bagi mengadakan penilaian kuantitatif pada tahun ini supaya PdP bagi meningkatkan kemahiran menulis ini akan dapat dinilai dengan lebih berkesan.

Perkongsian yang dijalankan ini dapat membina kepakaran guru sama ada dari segi pedagogi ataupun apabila mereka meneroka teknologi apabila menjalankan PdP berteraskan ICT. Kemahiran-kemahiran yang mereka peroleh melalui latihan yang mereka jalani dapat diaplikasikan dan mereka dapat mendalami pengetahuan dan meningkatkan kemahiran mereka. Budaya inovasi akan menjadi kekuatan bagi sesebuah sekolah jika guru-guru mereka selalu mengamalkan inovasi bagi PdP di dalam kelas mereka dan budaya ini dapat dilihat melalui amalan guru-guru yang menjalankan perkongsian ini.

Guru-guru dibimbing cara bagi memberi maklum balas hasil kerja para pelajar supaya lebih mudah difahami dan PdP menjadi lebih berkesan. Pelajar didapati lebih bersedia untuk menghasilkan tugas menulis yang lebih mencabar kerana guru dapat mengasah minat menulis mereka. Guru juga dapat mendalami pengetahuan mereka di dalam bidang pedagogi.

---

## REFLEKSI

Penggunaan strategi bagi perkongsian ini baik dan berkesan. Perkongsian ini dapat mencapai objektif PdP yang dijalankan. Walau bagaimanapun, terdapat perkara-perkara yang boleh diperbaiki dan cabaran-cabaran yang dihadapi guru. Penambahbaikan juga dilakukan setelah penilaian dibuat ke atas perkongsian tersebut.

Masa yang diperlukan untuk merancang dan menjalankan program ini agak mencabar. Masa sehari diperlukan untuk membawa para pelajar ke muzium tersebut dan guru juga memerlukan masa bagi menyiapkan bahan-bahan bagi keperluan pelajar.

Melalui perkongsian ini, guru-guru dapat mengasah kemahiran ICT mereka apabila mereka menyiapkan laman yang mengandungi bahan-bahan rujukan pelajar. Mereka menggunakan perisian pembuat laman, Weebly, bagi membina laman bagi perkongsian ini dan mereka harus memastikan bahan-bahan rujukan yang digunakan di laman tersebut sah. Mereka juga perlu melatih murid cara menggunakan aplikasi *Padlet* dan membimbing mereka menghantar tugas mereka. Masalah teknikal juga menyebabkan agak sukar bagi PdP ini dijalankan.

Penambahbaikan dilakukan dengan menyiapkan ruang berasingan bagi murid-murid pelajar dari kelas-kelas yang terlibat untuk menghantar hasil kerja mereka. Pada tahun pertama perkongsian ini dijalankan, hanya satu ruang di aplikasi *Padlet* diadakan bagi murid-muridpelajar menghantar hasil kerja mereka dan agak sukar bagi guru-guru untuk mengenal pasti hasil kerja murid-muridpara pelajar mereka.

Perkongsian ini dijalankan dengan harapan akan dapat mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan PdP kemahiran menulis bagi murid-muridpara pelajar darjah 3 dan dengan kemahiran mengajar guru-guru yang semakin meningkat dan dengan bantuan alat ICT, PdP kemahiran menulis murid-muridpara pelajar dapat dipertingkatkan. Guru-guru juga dapat memberangsang minat muridpelajardan dengan persekitaran yang positif, kondusif dan menyeronokkan, PdP dapat dijalankan dengan berkesan.



## RUJUKAN

Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum (2024). Sukatan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Singapura : Kementerian Pendidikan

Dr Abbas Mohd Shariff (2006). Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa, Singapore : Alfa Media

Menjadikan Pemikiran Jelas. Pelaksanaan Rutin Berfikir di Bilik Darjah. Pusat Bahasa Melayu Singapura. Akademi Guru Singapura. Kementerian Pendidikan Singapura. Singapura: Oxford Graphic Printers Pte Ltd

Mook Soon Sang (2009). Literatur dan Kaedah Penyelidikan, Selangor : Penerbitan Multimedia

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). Amalan Pengajaran Singapura. Singapura: Oxford Graphic Printers Pte Ltd

# POSTER PERBINCANGAN



*Bahari Berbicara 2024*

## “Meningkatkan Kemahiran Menulis Pelajar Darjah 3 Melalui Pengalaman Berdarmawisata”

### Pengenalan

- Projek melibatkan guru-guru dan para pelajar Darjah 3.
- Menjalankan darmawisata ke Muzium Sejarah Semulajadi Lee Kong Chian.
- Projek merupakan kolaborasi bersama Jabatan Sains dan Jabatan Bahasa Ibunda.
- Saranan pengajaran dan pembelajaran para pelajar mengandungi elemen pembelajaran Bahasa Ibunda.

### Objektif

- Mempelajari serta meningkatkan kosa kata mereka tentang pelbagai kehidupan yang terdapat di Singapura dan Asia Tenggara.
- Meningkatkan kemahiran menulis murid-murid memandangkan mereka baru menulis karangan berperenggan.



Persidangan Kafe Sedunia  
Peserta : Norah Nordin,  
Sekolah Perempuan Haig

# POSTER PERBINCANGAN

## PERANAN DAN SOKONGAN KETUA PEDAGOGI



- Menetapkan arah tuju/objektif
- selepas mendapat maklumat daripada guru
- Mengikut keperluan sekolah/murid, menetapkan pedagogi yang menjadi tumpuan bersama
- mendapatkan cadangan dan memberi sokongan



Memastikan guru jelas apa yang perlu dilakukan sebelum dan sesudah lawatan.  
Meningatkan guru maklumat yang perlu dikumpulkan termasuk pemantauan murid.  
Memberi guru bahan bacaan lebih awal sebagai persiapan.

- Memastikan guru jelas dengan matlamat program supaya program akan berjalan lancar
- Memastikan program mengikut jadual yang ditetapkan
- semua keperluan telah disiapkan (logistik)
  - ibu bapa telah memberi kebenaran

## TAHAP AWAL



- Perbincangan di peringkat sekolah/tahap (Darjah 3)
- Membuat persetujuan untuk melibatkan guru Bahasa Ibunda
- Jadual untuk darmawisata ditetapkan oleh ketua jabatan
- Guru menyiapkan murid bagi darmawisata



# POSTER PERBINCANGAN

## PERANAN DAN SOKONGAN KETUA PEDAGOGI



Mendapatkan bantuan pakar jika perlu bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas. Memastikan murid dapat menghasilkan tugas mereka jika dilakukan di rumah.



Memastikan maklumat dikumpul dengan cara yang betul dan dianalisa. Membimbing guru menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai.



## TAHAP IMPLEMENTASI



- Guru berkolaborasi dengan guru subjek Sains semasa aktiviti darmawisata dijalankan.
- Perbincangan diadakan sebelum guru menjalankan pelajaran dan pengajaran di kelas selepas lawatan.
- Guru yang pakar menyiapkan lelamen bagi tujuan pengajaran. Guru muat naik maklumat yang penting sebagai bahan rujukan.



- Memastikan guru jelas dengan matlamat program semasa diimplementasikan.
- Guru dapat menggunakan kemahiran ICT mereka semasa lawatan dijalankan untuk membimbing dan memantau murid.
- Guru mengumpul maklumat untuk dianalisa.

# POSTER PERBINCANGAN

## PERANAN DAN SOKONGAN KETUA PEDAGOGI

- Mendapatkan maklum balas daripada guru.
- Membimbing guru memberi maklum balas secara spesifik, praktikal dan tepat pada masanya
- Maklumat perlu diberi secara kerap dan konsisten

## TAHAP PEMANTAUAN & PENYELESAIAN

- Berkongsi pengalaman, ilmu serta kemahiran yang diperolehi bersama-sama guru-guru.
- Memperbaiki dan mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran guru dan murid.

- Guru mengumpul maklumat dan memberi maklum balas.
- Guru menggunakan maklumat dan maklum balas untuk memantau hasil kerja murid.
- Guru membuat keputusan langkah yang perlu diambil selanjutnya.
- Murid telah menulis tentang pengalaman mereka di Aplikasi Padlet.
- Guru membimbing murid menulis tentang flora dan fauna.
- Murid mendapatkan maklumat daripada laman yang telah disediakan guru.

# POSTER PERBINCANGAN

**REFLEKSI**

- Pelbagai idea dapat diterapkan semasa PdP dijalankan kerana perbincangan sering dilakukan.
- Kolaborasi bersama jabatan lain dan sokongan Pihak Pentadbir Sekolah memudahkan guru-guru mendapatkan maklumat dan sokongan.
- Guru dapat meneroka dan mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam bidang ICT.

**BAHAN RUTUKAN**

Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum (2024). Sukatan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Singapura : Kementerian Pendidikan


Dr Abbas Mohd Shariff (2006). Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa, Singapore : Alfa Media

Menjadikan Pemikiran Jelas. Pelaksanaan Rutin Berfikir di Bilik Darjah. Pusat Bahasa Melayu Singapura. Akademi Guru Singapura. Kementerian Pendidikan Singapura. Singapura: Oxford Graphic Printers Pte Ltd

Mook Soon Sang (2009). Literatur dan Kaedah Penyelidikan, Selangor : Penerbitan Multimedia

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). Amalan Pengajaran Singapura. Singapura: Oxford Graphic Printers Pte Ltd

**TERIMA KASIH**



# PEMBELAJARAN BERDASARKAN PENGALAMAN: SATU KOLABORASI PEMBELAJARAN BUDAYA



**Zulkifli Bin Khamis**  
Guru Kanan  
Sekolah Menengah Bendemeer

## SINOPSIS

Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman: Satu Kolaborasi Pembelajaran Budaya merupakan berkolaborasi Sekolah menengah Bendemeer dengan MENDAKI melalui sebuah program khas yang dilaksanakan sejak tahun 2022 yang menyediakan pelbagai ranah budaya Melayu progresif yang relevan di abad ke-21. Bagi memperkayakan lagi pembelajaran pelajar, nilai-nilai modul MENDAKI's Future Ready 101 turut diterapkan ke dalam sesi- sesi tersebut. Pelajar diajar cara mencipta Pantun, mempelajari dan melaksanakan gerak asas Silat Pengantin, menari Zapin, menghayati dendangan paluan kompang dan menikmati kekayaan Bercerita melalui pembelajaran Sastera dan Hikayat. Beberapa cabaran yang dihadapi seperti hari dan masa yang sesuai, tempat di mana aktiviti tersebut akan dilakukan dan tenaga guru yang terlibat semasa program dijalankan merupakan cabaran yang terpaksa ditangani. Pelajar didapati berpeluang berinteraksi dengan aktivis budaya Melayu. Guru juga berpeluang memantau kemajuan pelajar individu pelajar.

## PENGENALAN

Memahami profil anak didik saya yang kurang berkemampuan dan sukar untuk pergi ke kelas-kelas tuisyen kendalian MENDAKI, saya telah menghubungi MENDAKI beberapa kali melalui talian telefon, Zoom dan perjumpaan secara fizikal untuk menjemput pegawainya datang dan mengeelolakan program tertentu di sekolah saya. Akhirnya, usaha tersebut membuahkan hasil pada tahun 2021 apabila seorang pegawai MENDAKI, Puan Murshidah, bersetuju untuk memulakan kerjasama dan kolaborasi bersama pada tahun 2022.

Berpegang pada prinsip pepatah Melayu "*Yang bulat tidak akan datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang*" yang bermaksud sesuatu kejayaan itu tidak akan datang dengan mudah tanpa berusaha", saya telah menghubungi MENDAKI sejak tahun 2019 menjemput MENDAKI untuk bersama menyemaikan 'Semangat Raikan Ilmu' yang memaparkan kepercayaan bersama kita tentang pentingnya pembelajaran sepanjang hayat.

Sejak tahun 2022 hingga 2024, Unit Bahasa Melayu, Sekolah Menengah Bendemeer (BDMS), dengan sukacitanya mengalu-alukan usaha berkolaborasi dengan MENDAKI sebagai salah satu rakan kongsi kami untuk mengendalikan beberapa siri modul yang memperkukuh nilai dan aspek budaya pelajar Melayu di perkarangan sekolah BDMS.

Pada tahun 1982, Yayasan MENDAKI ditubuhkan 'untuk memperkasakan masyarakat melalui kecemerlangan dalam pendidikan' (Yayasan MENDAKI, 2017; Mustapha, Li & Chong, 2019). Program MENDAKI juga direka untuk menambah atau melengkap inisiatif pendidikan negara (Yayasan MENDAKI, 2017; Mustapha, Li & Chong, 2019).

Modul-modul yang telah dipersetujui bersama telah meningkatkan dan memupuk minda positif pembelajaran serta memberikan bimbingan berharga kepada pelajar saya untuk menjadi contoh teladan masa depan dalam komuniti. (*Rujuk Lampiran 2*)

Bermula dengan Modul 1 telah dijalankan melalui Zoom pada 10 Mei 2022 kerana cabaran COVID-19. Ia memfokuskan kepada kepentingan "Pemeliharaan Jati Diri Melayu Melalui Puisi". Modul-modul lain pula dapat dilakukan secara bersemuka dengan beberapa tokoh masyarakat Melayu yang terkenal seperti Encik Iskandar Muda Abdul Jalil yang merupakan seorang guru Silat yang terkenal. Beliau berkongsi beberapa petua kepada pelajar Menengah 3 kami tentang cara menjadi seorang yang berjaya dengan menerapkan nilai-nilai yang dipelajari melalui Silat.

Encik Anuar Othman pula telah datang ke sekolah saya untuk berbual mengenai nilai-nilai murni yang boleh dipelajari melalui pembacaan penulisan sastera. Beliau adalah seorang penulis prolific yang telah menulis 15 buah buku. Salah satu buku Encik Anuar yang terkenal ialah Mencari Hidayah. Beliau juga telah berkongsi mengenai orang Melayu yang berjaya yang boleh menjadi contoh kepada masyarakat Melayu.



## PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU

Sebagai Ketua Pedagogi, matlamat utama untuk memastikan para guru bekerjasama untuk memastikan kejayaan program ini. Keunikannya menggunakan waktu kurikulum memerlukan sokongan pengetua sekolah dan pengorbanan masa rehat guru. Pemantauan perlu dibuat untuk meneliti program dan semasa membuat perancangan agar aktiviti-aktiviti yang dirancang sesuai dengan pembelajaran pelajar di sekolah dan memastikan juga prasarana yang digunakan sesuai.

Pembelajaran di luar bilik darjah amat menarik dan bermakna. Pengalaman pembelajaran ini adalah lanjutan daripada pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah. Para guru dan pelajar selalunya lebih bermotivasi untuk belajar, bekerjasama ketika membina hubungan dengan rakan sebaya mereka; nilai yang bermanfaat untuk pertumbuhan mereka. Wadah penyebaran program melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan dirakamkan di majalah sekolah dan penyebaran melalui tiktok. Antara pencapaian nilai tambah pelajar yang ketara, tiga hasil karya pelajar dalam bentuk puisi telah berjaya dipilih dan disiarkan di akbar pelajar Generasi Geliga, terbitan Berita Harian pada tahun 2023. Pada awal tahun 2024 pula, dua lagi hasil karya pelajar telah diterbitkan di akhbar yang sama juga. Penulisan tersebut merupakan kesan positif para pelajar yang telah menghadiri modul-modul penulisan puisi dan juga cerminan minda positif para guru untuk melestarikan hasil pembelajaran pelajar melalui penulisan sastera.

---

### REFLEKSI

Peranan seorang Ketua Pedagogi dalam program bukan sahaja sekadar mendidik tetapi perlu juga mengurus dan mentadbir aktiviti unit Bahasa Melayu, menyampaikan ilmu pengetahuan, mencetus idea, mencorak budaya yang positif, menjana minda dan membentuk sahsiah para pelajar sebagai agen perubahan serta agen pembangunan negara. Berbekalkan iltizam tersebut, saya terpanggil untuk mencorakkan sesuatu pembaharuan di minda institusi MENDAKI agar turun padang dan jangan hanya mengharapkan pelajar menghadiri tuisyen semata-mata. Perjalanan BDMS masih jauh. Ini hanya tahun ketiga kita berkolaborasi. Namun hasil bekerjasama para guru dan sokongan pihak sekolah telah menyemarakkan lagi semangat kolaborasi tersebut.

Pada tahun ini, MENDAKI akan cuba mengelolakan satu darmawisata BDMS kepada syarikat-syarikat raksasa seperti Google, Tiktok atau AI (Artificial Intelligence). Semoga impian BDMS ke sana akan menjadi realiti kelak. Peralihan minda juga telah dilihat dengan penghijrahan konsep daripada program CERAH kepada program LESTARI. (*Lampiran 3*)

---

## RUJUKAN

Mustapha, S. A., Li, J., & Chong, S. (2019). Employing data to enhance teaching and learning in MENDAKI Tuition Scheme (MTS). ASCILITE Publications, 354-358.

Yayasan MENDAKI (2017). About Mendaki, dari <http://www.mendaki.org.sg/about-mendaki/general>

## LAMPIRAN 1

MENDAKI's Future Ready 101

Objectives of Programme:

1. Equip the youth with skills and knowledge needed to thrive in a rapidly changing world
2. Enhance the career readiness of youth to succeed in an evolving job market

S/N	Curriculum
1	Discover My Personality: MBTI Approach At the end of the workshop, students will be equipped with knowledge and skills to: <ul style="list-style-type: none"><li>• Understand their personality traits based on MBTI concept</li><li>• Understand the personality traits of their mentor based on MBTI concept</li></ul>
2	Discover My Gifts and Strengths At the end of the workshop, students will be equipped with knowledge and skills to: <ul style="list-style-type: none"><li>• Distinguish the differences between gifts and strengths</li><li>• Identify and discuss their gifts and strengths</li><li>• Develop one goal / resolution in relation to their gifts</li></ul>
3	Discover My Game Plan At the end of the workshop, students will be equipped with knowledge and skills to: <ul style="list-style-type: none"><li>• Describe SMART goals</li><li>• Construct an action plan comprising of 2 short-term goals and 1 long-term goal in accordance to SMART framework, including the utilisation of My Game Plan tool</li></ul>
4	Discover My Future At the end of the workshop, students will be equipped with knowledge and skills to: <ul style="list-style-type: none"><li>• Illustrate occupations that match their gifts and strengths based on National Youth Council's (NYC) On My Way resources</li><li>• Articulate desired career pathways through card games (if applicable)</li></ul>
5	Unlock My Personal Branding At the end of the workshop, students will be equipped with knowledge and skills to: <ul style="list-style-type: none"><li>• Recognise the importance of Resume Writing and Profile Writing on LinkedIn</li><li>• Apply strategies to answer interview questions</li></ul>
6	Unlock My Personal Development At the end of the workshop, students will be equipped with knowledge and skills to: <ul style="list-style-type: none"><li>• Understand the importance of process in learning</li><li>• Apply Kolb's Experiential Learning Framework</li></ul>
7	Unlock My Growth Mindset At the end of the workshop, students will be equipped with knowledge and skills to: <ul style="list-style-type: none"><li>• Understand that intelligence, abilities, and talents can be developed through dedication, hard work, and perseverance</li><li>• Apply growth mindset to focus on learning and growth, rather than fixed traits or abilities</li></ul>
8	Unlock My Positive Self-Esteem Towards a Better Mental Health At the end of the workshop, students will be equipped with knowledge and skills to: <ul style="list-style-type: none"><li>• Discuss coping mechanisms to better manage anxiety, stress and negative thought patterns</li><li>• Describe positive traits in others to develop healthier, more supportive relationships</li></ul>

## LAMPIRAN 2

Program CERAH adalah sebuah program yang diciptakan untuk membantu pelajar-pelajar menjadi (Mencari Jati Diri) seorang anak Melayu yang progresif dalam meniti arus kemodenan di abad yang ke 21 ini.

### Tujuan

Setelah menjalani program ini, pelajar dapat mengenal ciri-ciri **CERAH**:

- Character: Mengenal sifat-sifat dan keperibadian orang Melayu
- Entrepreneurial: Mengenal sifat keusahawanan orang Melayu
- Resilient: Mengenal sifat berdaya tahan orang Melayu
- Adaptable: Mengenal sifat-sifat yang boleh membantu seorang Melayu beradaptasi
- Humility: Mengenal sifat-sifat rendah diri orang Melayu

### Modul 1: Memelihara jati diri melalui puisi.

Pelajar akan belajar sambil mempelajari cara mencipta puisi melalui tema, irama (rima), kandungan ilmu dan melodi yang membawa maksud kepada mereka yang mendengar puisi tersebut.

### Modul 2: Semangat mempertahankan diri untuk memperjuangkan kejayaan.

Pelajar akan mempelajari bagaimana semangat perjuangan ke arah kejayaan dapat dikekalkan oleh setiap anak Melayu melalui sifat-sifat yang diamalkan oleh ahli silat.

### Modul 3: Kisah saya dan identiti Melayu.

Pelajar akan mengetahui latar belakang bangsa Melayu dan apakah ciri-ciri identiti Melayu. Identiti ini boleh dikembangkan melalui pemahaman dan kajian cerita rakyat Melayu dan filem moden.

### Modul 4: Memotivasikan Pemuda Melayu kita.

Para pelajar akan diperkenalkan dengan tokoh-tokoh Melayu yang telah mencapai kejayaan, cabaran yang dihadapi dan cara mereka mengatasinya.

### Modul 5: Adat resam dan budaya Melayu abad ke-21.

Pelajar akan belajar bagaimana untuk mengekalkan warisan dan kebijaksanaan adat dan budaya Melayu yang tersendiri pada abad ke-21.

## LAMPIRAN 3

Lestari bertujuan untuk menggalakkan pemahaman dan penghargaan di kalangan belia terhadap warisan budaya Melayu Singapura yang kaya melalui seni persembahan, kesusasteraan dan fesyen.

### **Objektif:**

- Celik: Mewujudkan kesedaran di kalangan peserta
- Rai: Raikan warisan budaya

### **Lestari: Wujudkan minat peserta**

Di akhir program, peserta akan:

- Fahami ciri-ciri dan keperibadian orang Melayu
- Kaitkan sifat-sifat yang memupuk kebolehsuaian orang Melayu
- Bezakan sifat rendah diri orang Melayu

### **Kompang:**

- Pengenalan kepada pelbagai gendang dalam budaya Melayu
- Sejarah kompang dan bahan-bahan yang digunakan untuk membuat alat tersebut
- Bunyi yang berbeza kompang boleh buat
- Pukulan kompang asas
- Kepentingan kompang dalam perayaan dan perayaan Melayu

### **Tarian Melayu:**

- Pengenalan kepada 5 bentuk asas tarian dan muzik Melayu
- Sejarah setiap bentuk tarian dan muzik
- Mempelajari adat, adab dan tatasusila budaya Melayu melalui tarian
- Peserta akan mencuba setiap bentuk tarian
- Kepentingan tarian Melayu dalam kehidupan seharian
- Memahami ciri-ciri dan keperibadian orang Melayu melalui tarian.

### **Pakaian Tradisional Melayu:**

- Pengenalan kepada pelbagai jenis pakaian tradisional Melayu
- Evolusi pakaian tradisional
- Kepentingan setiap pakaian dalam kehidupan seharian
- Ketahui cara memakai pakaian
- Membezakan sifat rendah diri orang Melayu melalui fesyen

### **Dikir Barat:**

- Pengenalan Dikir Barat dan sejarahnya
- Evolusi Dikir Barat
- Elemen dalam persembahan Dikir Barat (tepuh sepuluh, Wau Bulan dll)
- Instrumen yang digunakan dalam persembahan Dikir Barat
- Peserta akan mempersembahkan Dikir Barat

### **Muzik Tradisional Melayu:**

- Pengenalan kepada 5 genre muzik tradisional Melayu Singapura
- Sejarah setiap genre
- Alat muzik yang digunakan dalam ensembel muzik Melayu tradisional
- Unsur-unsur dalam muzik Melayu tradisional (taksim, tandak, wainab dll)
- Puisi dalam muzik
- Kenal pasti sifat-sifat dalam muzik yang memupuk kebolehsuaian dan keupayaan orang Melayu untuk bertindak balas terhadap perubahan

### **Kesusasteraan:**

- Pengenalan puisi tradisional Melayu (pantun, syair, dll)
- Menulis gubahan sastera
- Puisi dalam muzik
- Kepentingan puisi dalam kehidupan seharian
- Memahami ciri dan keperibadian orang Melayu melalui bahasa
- Terokai bagaimana bahasa Melayu merangkumi kualiti yang menggalakkan kebolehsuaian dan daya tahan.

# POSTER PERBINCANGAN

## Menjunjung Budaya, Menerap Nilai Bersama MENDAKI



**Nama**  
Zulkifli Bin Khamis

**Sekolah**  
Sekolah Menengah Bendemeer

### Sinopsis

Sekolah Menengah Bendemeer (BDMS) ialah satu-satunya sekolah di Singapura yang berkolaborasi dengan MENDAKI melalui sebuah program khas yang dicipta secara khusus sejak tahun 2022 hingga 2024.

Kolaborasi ini memerlukan MENDAKI memenuhi permintaan sekolah untuk menyediakan dan mewujudkan kesedaran di kalangan pelajar bahasa Melayu mengenai pelbagai domain budaya Melayu progresif yang relevan di abad ke-21. Bagi memperkayakan lagi pembelajaran pelajar, nilai-nilai modul *MENDAKI's Future Ready 101 (Lampiran 1)* turut diterapkan ke dalam sesi-sesi tersebut. Semasa kerjasama ini, pelajar diajar cara mencipta Pantun, mempelajari dan melaksanakan gerak asas Silat Pengantin, menari dengan kelincahan tarian Zapin, menghayati dendangan paluan kompang dan menikmati kekayaan Bercerita melalui pembelajaran Sastera dan Hikayat.

Semua aktiviti telah dilakukan di perkarangan sekolah semasa waktu kurikulum. Ini menimbulkan beberapa cabaran seperti hari dan masa yang sesuai, tempat di mana aktiviti tersebut akan dilakukan dan tenaga guru yang terlibat semasa program dijalankan.

Sepanjang program ini, para guru dan pelajar berinteraksi dengan beberapa aktivis budaya Melayu dan diterapkan nilai modul *MENDAKI's Future Ready 101* untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk berkembang maju dalam dunia yang pesat berubah dan meningkatkan minda kesediaan kerjaya belia untuk berjaya dalam pasaran pekerjaan yang berkembang.

# POSTER PERBINCANGAN

## Pengenalan

MENDAKI ialah sebuah kumpulan bantu diri yang berdedikasi untuk membantu masyarakat Melayu/Islam. MENDAKI, dengan rakan kongsi agensi-agensi M<sup>3</sup>, MUISS dan MESRA sangat penting dalam memastikan generasi seterusnya dalam keadaan yang baik untuk menyumbang kepada masyarakat masa depan dengan memenuhi visi untuk menjadikan masyarakat Melayu Singapura sebuah masyarakat gemilang.

Memegang kepada prinsip pepatah Melayu "*Yang bulat tidak akan datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang*" yang bermaksud sesuatu kejayaan itu tidak akan datang dengan mudah tanpa berusaha", saya telah menghubungi MENDAKI sejak tahun 2019 menjemput MENDAKI untuk bersama menyemaikan 'Semangat Raikan Ilmu' yang memaparkan kepercayaan bersama kita tentang pentingnya pembelajaran sepanjang hayat.

Memahami profil anak didik saya yang kurang berkemampuan dan sukar untuk pergi ke kelas-kelas tuisyen kendalian MENDAKI, saya telah menghubungi MENDAKI beberapa kali melalui talian telefon, Zoom dan perjumpaan secara fizikal untuk menjemput pegawainya datang dan kelolakan program tertentu di sekolah saya.

Akhirnya usaha tersebut membuahkan hasil pada tahun 2021 apabila seorang pegawai MENDAKI, Puan Murshidah, bersetuju untuk memulakan kerjasama dan kolaborasi bersama pada tahun 2022.

Sejak tahun 2022 hingga 2024, Unit Bahasa Melayu, Sekolah Menengah Bendemeer (BDMS), dengan sukacitanya mengalu-alukan MENDAKI sebagai salah satu rakan kongsi kami untuk mengendalikan beberapa siri modul yang memperkukuh nilai dan aspek budaya pelajar Melayu di perkarangan sekolah BDMS.

Modul-modul yang telah dipersetujui bersama telah meningkatkan dan memupuk minda positif pembelajaran serta memberikan bimbingan berharga kepada pelajar saya untuk menjadi contoh teladan masa depan dalam komuniti.  
**(Lampiran 2)**

# POSTER PERBINCANGAN

## Peranan Ketua Pedagogi dalam menerajui pembangunan pedagogi guru

Para guru telah bekerjasama untuk memastikan kejayaan program ini. Keunikannya menggunakan waktu kurikulum memerlukan sokongan pengetua sekolah dan pengorbanan masa rehat guru. Guru perlu teliti semasa membuat perancangan agar aktiviti-aktiviti yang dirancangan sesuai dengan jadual sekolah pelajar, pihak penganjur MENDAKI dan memastikan juga tempat-tempat yang digunakan ada dan sesuai.

Pembelajaran di luar bilik darjah boleh menjadi menarik dan bermakna. Pengalaman ini adalah lanjutan daripada pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah. Para guru dan pelajar selalunya lebih bermotivasi untuk belajar, bekerjasama ketika membina hubungan dengan rakan sebaya mereka; nilai yang bermanfaat untuk pertumbuhan mereka.

Aktiviti ini telah diabadikan melalui penyiaran di majalah sekolah dan penyebaran melalui tiktok.

Tiga penulisan puisi pelajar telah berjaya diterbitkan di akbar pelajar Generasi Geliga, terbitan Berita Harian pada tahun 2023. Pada awal tahun 2024 pula, dua penulisan pelajar telah diterbitkan di akhbar yang sama juga. Penulisan tersebut ada berkemungkinan kesan positif para pelajar yang telah menghadiri modul-modul penulisan puisi dan juga cerminan minda positif para guru untuk melestarikan hasil pembelajaran pelajar melalui penulisan sastra.

## Refleksi

Peranan seorang guru bukan sahaja sekadar mendidik tetapi perlu juga mengurus dan mentadbir aktiviti unit Bahasa Melayu, menyampai ilmu pengetahuan, mencetus idea, mencorak budaya yang positif, menjana minda dan membentuk sahsiah para pelajar sebagai agen perubahan serta agen pembangunan negara.

Berbekalkan iltizam tersebut, saya terpanggil untuk mencorakkan sesuatu pembaharuan di minda institusi MENDAKI agar turun padang dan jangan hanya mengharapkan pelajar menghadiri tuisyen semata-mata. Perjalanan BDMS masih jauh. Ini hanya tahun ketiga kita berkolaborasi. Namun hasil bekerjasama para guru dan sokongan pihak sekolah telah menyemarakkan lagi semangat kolaborasi tersebut.

Tahun ini, MENDAKI akan cuba mengelolakan satu darmawisata BDMS kepada syarikat-syarikat raksasa seperti Google, Tiktok atau AI (Artificial Intelligence). Semoga impian BDMS ke sana akan menjadi realiti kelak.

Peralihan minda juga telah dilihat dengan penghijrahan konsep daripada program CERAH kepada program LESTARI. (Lampiran 3)



# POSTER PERBINCANGAN

## Lampiran 1

### **MENDAKI's Future Ready 101**

Objectives of Programme:

1. Equip the youth with skills and knowledge needed to thrive in a rapidly changing world
2. Enhance the career readiness of youth to succeed in an evolving job market

#### **S/N Curriculum**

- 1 Discover My Personality: MBTI Approach  
At the end of the workshop, students will be equipped with knowledge and skills to:
  - Understand their personality traits based on MBTI concept
  - Understand the personality traits of their mentor based on MBTI concept
- 2 Discover My Gifts and Strengths  
At the end of the workshop, students will be equipped with knowledge and skills to:
  - Distinguish the differences between gifts and strengths
  - Identify and discuss their gifts and strengths
  - Develop one goal / resolution in relation to their gifts
- 3 Discover My Game Plan  
At the end of the workshop, students will be equipped with knowledge and skills to:
  - Describe SMART goals
  - Construct an action plan comprising of 2 short-term goals and 1 long-term goal in accordance to SMART framework, including the utilisation of My Game Plan tool
- 4 Discover My Future  
At the end of the workshop, students will be equipped with knowledge and skills to:
  - Illustrate occupations that match their gifts and strengths based on National Youth Council's (NYC) On My Way resources
  - Articulate desired career pathways through card games (if applicable)
- 5 Unlock My Personal Branding  
At the end of the workshop, students will be equipped with knowledge and skills to:
  - Recognise the importance of Resume Writing and Profile Writing on LinkedIn
  - Apply strategies to answer interview questions
- 6 Unlock My Personal Development  
At the end of the workshop, students will be equipped with knowledge and skills to:
  - Understand the importance of process in learning
  - Apply Kolb's Experiential Learning Framework
- 7 Unlock My Growth Mindset  
At the end of the workshop, students will be equipped with knowledge and skills to:
  - Understand that intelligence, abilities, and talents can be developed through dedication, hard work, and perseverance
  - Apply growth mindset to focus on learning and growth, rather than fixed traits or abilities
- 8 Unlock My Positive Self-Esteem Towards a Better Mental Health  
At the end of the workshop, students will be equipped with knowledge and skills to:
  - Discuss coping mechanisms to better manage anxiety, stress and negative thought patterns
  - Describe positive traits in others to develop healthier, more supportive relationships

# POSTER PERBINCANGAN

## Lampiran 2

Program CERAH adalah sebuah program yang diciptakan untuk membantu pelajar-pelajar menjadi (Mencari Jati Diri) seorang anak Melayu yang progresif dalam meniti arus kemodenan di abad yang ke 21 ini.

### Tujuan

Setelah menjalani program ini, pelajar dapat mengenali ciri-ciri CERAH

- Character: Mengenal sifat-sifat dan keperibadian orang Melayu
- Entrepreneurial: Mengenal sifat keusahawanan orang Melayu
- Resilient: Mengenal sifat berdaya tahan orang Melayu
- Adaptable: Mengenal sifat-sifat yang boleh membantu seorang Melayu beradaptasi
- Humility: Mengenal sifat-sifat rendah diri orang Melayu

### Modul 1: Memelihara jati diri melalui puisi.

Pelajar akan belajar sambil mempelajari cara mencipta puisi melalui tema, irama (rima), kandungan ilmu dan melodi yang membawa maksud kepada mereka yang mendengar puisi tersebut.

### Modul 2: Semangat mempertahankan diri untuk memperjuangkan kejayaan.

Pelajar akan mempelajari bagaimana semangat perjuangan ke arah kejayaan dapat dikekalkan oleh setiap anak Melayu melalui sifat-sifat yang diamalkan oleh ahli sifat.

### Modul 3: Kisah saya dan identiti Melayu.

Pelajar akan mengetahui latar belakang bangsa Melayu dan apakah ciri-ciri identiti Melayu. Identiti ini boleh dikembangkan melalui pemahaman dan kajian cerita rakyat Melayu dan filem moden.

### Modul 4: Memotivasikan Pemuda Melayu Kita.

Para pelajar akan diperkenalkan dengan tokoh-tokoh Melayu yang telah mencapai kejayaan, cabaran yang dihadapi dan cara mereka mengatasinya.

### Modul 5: Adat resam dan budaya Melayu abad ke-21.

Pelajar akan belajar bagaimana untuk mengekalkan warisan dan kebijaksanaan adat dan budaya Melayu yang tersendiri pada abad ke-21.

6

## Lampiran 3

Lestari bertujuan untuk menggalakkan pemahaman dan penghargaan di kalangan belia terhadap warisan budaya Melayu Singapura yang kaya melalui seni persembahan, kesusasteraan dan fesyen.

### Objektif:

- Cilik: Mewujudkan kesedaran di kalangan peserta
- Rai: Raiikan warisan budaya

### Lestari: Wujudkan minat peserta

Di akhir program, peserta akan

- Fahami ciri-ciri dan keperibadian orang Melayu
- Kaitkan sifat-sifat yang memupuk kebolehsuaian orang Melayu
- Bezakan sifat rendah diri orang Melayu

### Kompang:

- Pengenalan kepada pelbagai gendang dalam budaya Melayu
- Sejarah kompang dan bahan-bahan yang digunakan untuk membuat alat tersebut
- Bunyi yang berbeza kompang boleh buat
- Pukulan kompang asas
- Kepentingan kompang dalam perayaan dan perayaan Melayu

### Tarian Melayu:

- Pengenalan kepada 5 bentuk asas tarian dan muzik Melayu
- Sejarah setiap bentuk tarian dan muzik
- Mempelajari adat, adat dan tata-susila budaya Melayu melalui tarian
- Peserta akan mencuba setiap bentuk tarian
- Kepentingan tarian Melayu dalam kehidupan seharian
- Memahami ciri-ciri dan keperibadian orang Melayu melalui tarian.

### Pakaian Tradisional Melayu:

- Pengenalan kepada pelbagai jenis pakaian tradisional Melayu
- Evolusi pakaian tradisional
- Kepentingan sebahagian pakaian dalam kehidupan seharian
- Ketahui cara memakai pakaian
- Membezakan sifat rendah diri orang Melayu melalui fesyen

### Dikir Barat:

- Pengenalan Dikir Barat dan sejarahnya
- Evolusi Dikir Barat
- Elemen dalam persembahan Dikir Barat (tepuk sepuluh, Wau Bulan dll)
- Instrumen yang digunakan dalam persembahan Dikir Barat
- Peserta akan mempersembahkan Dikir Barat


### Muzik Tradisional Melayu:

- Pengenalan kepada 5 genre muzik tradisional Melayu Singapura
- Sejarah setiap genre
- Alat muzik yang digunakan dalam ensemble muzik Melayu tradisional
- Unsur-unsur dalam muzik Melayu tradisional (taksim, tandak, wainab dll)
- Puisi dalam muzik
- Kenal pasti sifat-sifat dalam muzik yang memupuk kebolehsuaian dan keupayaan orang Melayu untuk bertindak balas terhadap perubahan

### Kesusasteraan:

- Pengenalan puisi tradisional Melayu (pantun, syair, dll)
- Menulis ubahsastera
- Puisi dalam muzik
- Kepentingan puisi dalam kehidupan seharian
- Memahami ciri dan keperibadian orang Melayu melalui bahasa

7



## PROGRAM MEMUPUK KEMAHIRAN BERTUTUR DAN BERKOMUNIKASI PELAJAR



**Manisah Bte Osman**  
Guru Peneraju  
Sekolah Rendah Yio Chu Kang

### SINOPSIS

Program Memperkasa Kemahiran Bertutur dan Berkomunikasi Pelajar ini merupakan inisiatif Jabatan Bahasa Ibunda sekolah ini untuk tahun 2024, yang tertumpu kepada Pembelajaran Profesional (PL) guru untuk menambah nilai kepada Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) pelajar, khusus untuk kemahiran lisan pelajar. Program ini mengguna pakai strategi OREO untuk peringkat darjah 5 dan 6, sementara struktur SPEARL untuk darjah 3 dan 4. Kedua-dua strategi ini disesuaikan daripada strategi penulisan yang didapati berjaya membolehkan pelajar membina kemahiran berfikir dan menyusun idea mereka sebagai persiapan menjawab bahagian perbualan untuk penilaian lisan. Dengan inisiatif ini, ketua-ketua guru berpeluang untuk bekerjasama dengan ketua jabatan serta guru-guru mapan dalam satu jawatankuasa kerja khas untuk meneroka kajian lepas dan membina bahan PdP yang menarik dan dapat diselaraskan untuk ketiga-tiga bahasa ibunda. Natijahnya, hal ini bukan sahaja telah menyumbang kepada PL para guru Bahasa Ibunda di sekolah ini, malahan juga untuk PL jawatankuasa kerja khas tersebut juga

## PENGENALAN

Program ini dirancang oleh jawatankuasa kerja khas yang terdiri daripada Guru Peneraju dan Guru Kanan dengan kerjasama Ketua Jabatan Bahasa Ibunda dan beberapa orang guru mapan yang terpilih. Ini disebabkan pihak sekolah mahu menyelaraskan fokus PL para guru untuk ketiga-tiga bahasa ibunda, dengan menjadikan pemerksaan kemahiran bertutur pelajar sebagai matlamat utamanya. Hal yang menjadi cabaran utama program ini sudah tentulah terletak kepada pemilihan pedagogi yang sesuai dan wajar yang boleh diguna pakai untuk membina kemahiran berfikir dan bertutur pelajar yang boleh digunakan untuk ketiga-tiga bahasa ibunda. Namun, pihak sekolah yakin bahawa dengan memberikan tumpuan kepada pembinaan kemahiran lisan ini bukan sahaja dapat memastikan bahawa pelajar akan dapat bertutur untuk berkomunikasi dengan berkesan, malahan akan juga membina daya berfikir mereka.

### Objektif Perkongsian

Walaupun pelaksanaan program Memperkasa Kemahiran Bertutur dan Berkomunikasi Pelajar ini belum diimplementasikan dan bahan PdP untuk keseluruhan program ini belum siap sepenuhnya, terdapat banyak hal positif yang masih boleh dikongsikan. Oleh itu, dua objektif utama perkongsian ini adalah untuk merakamkan:

1. pengalaman Guru Peneraju bersama jawatankuasa kerja khas sepanjang fasa perancangan dan pembinaan bahan PdP; dan
2. pelajaran dan pemahaman baharu yang telah diperolehi.

### Kajian Lepas

Adalah menjadi keprihatinan dan fokus utama jawatankuasa kerja khas program ini untuk menyelaraskan matlamatnya seperti yang tercatat dalam Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010, iaitu:

‘Kurikulum Bahasa Ibunda perlulah dirancang dan diajarkan untuk **membina pengguna bahasa yang cekap dan boleh berkomunikasi dengan efektif** menggunakan bahasa dalam konteks kehidupan sebenar dan mengaplikasikannya dalam komunikasi interpersonal, mendengar dan membaca untuk memahami, dan melakukan penyampaian dalam bentuk lisan dan penulisan.’

Saranan utama ini dijadikan pegangan dengan harapan agar kecekapan bertutur dan berkomunikasi dapat dipertingkatkan melalui pembelajaran aktif di dalam bilik darjah.

Di samping itu, pihak jawatankuasa juga telah mengadaptasi dua kaedah pengajaran penulisan untuk kegunaan pelajar semasa membuat persiapan untuk berinteraksi secara lisan dengan guru atau pemeriksa lisan yang bertugas. Setelah melalui proses perbincangan yang agak meluas, strategi OREO (*Opinion, Reason, Explanation and Opinion*) dan SPEARL (*Setting, People, Emotion/Expression, Action, Reason, Learning*) telah dipilih untuk dua peringkat yang berbeza, OREO untuk darjah 5 dan 6, sementara SPEARL pula untuk darjah 3 dan 4.

Pertama sekali, kaedah OREO dan SPEARL ini telah digunakan dengan mengekalkan istilahnya dalam bahasa Inggeris untuk tujuan penyelarasan bagi ketiga-tiga bahasa ibunda – Cina, Melayu dan Tamil. Kedua, penggunaannya dalam bahasa Inggeris juga memudahkan pelajar mengingat strukturnya. Mentelah lagi, mereka sudah lebih terdedah kepada bahasa tersebut dan ini dapat membantu pemahaman mereka.

Satu kajian yang dijalankan oleh Prof. Resty C. Samosa dan teman-teman telah mengusulkan kaedah OREO digunakan oleh para pendidik kerana telah menunjukkan hasil yang positif ke atas kelakonan pelajar –

*‘Educators in any field should try to apply an OREO method as an innovation in teaching any subjects because it shows a positive result in the performance of the learner, and it is an imparting life-long learning outcomes.’*

Maka, program ini juga berharap agar dapat melihat hasil yang sama dengan penggunaan kaedah OREO ini.

Sebaliknya, kaedah SPEARL pula merupakan akronim yang dihasilkan untuk kegunaan pelajar di peringkat 3 dan 4 untuk diselarikan dengan kaedah **5W 1H**. Namun, dengan SPEARL, pelajar tahu bahawa mereka harus menerangkan apa yang terdapat dalam gambar untuk penilaian lisan dengan menceritakan secara terperinci tentang – **S**etting (latar tempat dan masa), **P**eople (rupa dan pakaian orang dalam gambar), **E**motion (perasaan watak-watak dalam gambar itu), **A**ction (perbuatan watak-watak dalam gambar itu), **R**eason (sebab-sebab watak-watak itu bertindak sebegitu) dan **L**earning (apa yang boleh dipelajari atau dihuraikan tentang tindakan atau perbuatan tersebut). Penggunaan akronim bukanlah kaedah PdP yang baharu. Margo A. Mastropieri dan Thomas E. Scruggs dalam sebuah artikelnya telah merumuskan bahawa penggunaan strategi mnemonik dan akronim boleh menjadi faktor utama untuk kejayaan pelajar dalam pembelajaran mereka.

Melalui dapatan daripada tinjauan literatur dan perbincangan yang dilakukan oleh jawatankuasa kerja, jelaslah bahawa kaedah yang digunakan ini amat diyakini dapat membantu para pelajar dalam program ini.

## PERANAN KETUA PEDAGOGI DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN PEDAGOGI GURU

Walaupun idea untuk program ini merupakan sesuatu yang dicetuskan oleh naib pengetua sekolah, namun kesemua pihak yang terpilih telah melibatkan diri dengan aktif dan penuh komitmen. Sebaik sahaja fokus telah ditetapkan, Guru Peneraju dan Guru Kanan (Bahasa Cina) terus membuat tinjauan literatur dan pembacaan mengenai kaedah-kaedah dan pendekatan-pendekatan yang sedia ada. Beberapa sesi perbincangan diadakan sebelum pemilihan strategi dibuat.

Kolaborasi antara ketua pedagogi ini perlu untuk dijadikan contoh kepada para guru akan perlunya kerjasama dan toleransi semasa menjalankan tugas. Selain itu, terdapat juga kolaborasi silang budaya antara kesemua guru mapan yang terlibat semasa sesi perbincangan yang berikutnya.

Jadual untuk sesi perbincangan dan komunikasi dengan guru-guru lain dalam jabatan bahasa ibunda juga membantu semua pihak yang terlibat untuk sama-sama menyedari tugas dan tarikh-tarikh penting bila mana mereka perlu untuk membuat perkongsian mahu pun taklimat untuk semua guru bahasa ibunda.

Sepanjang ketiadaan Guru Peneraju selama satu penggal kerana menghadiri kursus TLP2, Guru Kanan memainkan peranan sebagai ketua projek dan berkomunikasi dengan semua guru yang terlibat. Sokongan daripada Guru Kanan ini amat membantu agar proses komunikasi dan pembinaan bahan PdP dapat dijalankan dengan sebaik mungkin.

Terdapat juga sesi pembelajaran sendiri oleh pihak guru yang terlibat untuk memastikan PL yang lebih mendalam dan bermakna. Perbincangan yang diadakan secara adhoc dan tidak formal untuk pencerahan juga amat membantu kesemua pihak.

Walaupun program ini masih lagi berada di peringkat pembinaan bahan PdP, adalah diharapkan bahawa kerjasama yang kukuh ini dapat berterusan semasa proses implementasi dan pengumpulan data kelak. Namun, yang jelas proses pembinaan bahan ini sedang berjalan lancar dengan adanya perkongsian bahan dan penilaian semula terhadap bahan-bahan yang sedia ada.

---

### REFLEKSI

Keputusan untuk berkongsi pengalaman saya sebagai Guru Peneraju dalam program sekolah saya ini merupakan satu keputusan yang masih saya ragukan kerana projek ini belum sempat diimplementasikan, bahkan masih lagi dalam binaan. Namun, apa yang boleh saya kongsi merupakan pengalaman dan pembelajaran saya setakat enam bulan pertama program ini dibina.

Menerusi lensa seorang ketua pedagogi yang menjadikan PdP yang berkesan sebagai tumpuan utama saya, sudah tentulah saya mahu melihat hasil yang positif daripada program ini. Setakat ini, hasil positif yang dapat saya lihat hanyalah berproksikan keterlibatan para guru semasa proses pembelajaran bersama sebagai satu jabatan bahasa ibunda. Memang jelas ada tenaga positif yang mendorong semua yang terlibat untuk melakukan yang terbaik. Contohnya, melalui perkongsian maklumat dan bahan PdP. Hal ini menjadi pemangkin kepada usaha sama dan penerokaan idea-idea baharu yang lebih mencabar, seperti perkongsian silang bahasa untuk dapatan hasil penyampaian pelajar kelak.

Saya pelajari juga bahawa sikap terbuka itu amat perlu jika kita mahu melihat hasil yang lebih sinergistik. Sebagai ketua pedagogi, mengambil sikap untuk lebih banyak mendengar adalah lebih baik daripada sentiasa menunjuk arah. Hal ini membolehkan para guru untuk lebih bebas bersuara dan mengemukakan idea. Cara begini juga memberikan mereka rasa pemilikan terhadap idea yang mereka kemukakan, lantas membuat mereka mahu lebih banyak meneroka. Misalnya, dalam penggunaan alat-alat ICT untuk tujuan PdP, sikap terbuka dan tidak cepat menilai memberikan para guru ruang selamat untuk terus meneroka aplikasi atau fitur yang paling baik dalam SLS, untuk kegunaan dalam bahan PdP.

Namun, cabaran utama kami sudah tentulah masa dan tenaga kerja yang amat terhad untuk bahasa Melayu dan Tamil, khususnya. Masa kami sebagai guru yang banyak tanggungjawab dan tugas seharian yang perlu dibereskan menjadikan tumpuan untuk membina bahan PdP untuk program ini sering terkejar-kejar. Walaupun ada sebahagian bahan yang sudah siap, kami masih lagi berasa bahawa banyak lagi yang boleh diperbaiki.

Apatah lagi sebagai seorang Guru Peneraju, saya masih memerlukan masa untuk menambah nilai kepada bahan yang sedia ada. Terutamanya untuk menyesuaikan penggunaan ICT. Kadang-kadang timbul juga tekanan dan kekecewaan, tetapi saya anggap sahaja itu sebagai cabaran yang harus ditangani dengan tenang dan berhati-hati.

Adalah menjadi harapan besar saya agar program ini nanti akan dapat membentuk kemahiran bertutur yang baik dalam diri kesemua pelajar bahasa ibunda di sekolah kami. Saya amat mengharapkan suatu masa apabila setiap pelajar bahasa ibunda dapat mengaplikasikan OREO dan SPEARL dalam pertuturan mereka, walau apa pun bahasa ibunda yang mereka pelajari.

## RUJUKAN

Kementerian Pendidikan Singapura. (2011). *Memupuk Pelajar Aktif dan Pengguna Cepak – Laporan Semakan Bahasa Ibunda 2010*. National Library Board Singapore.

Mastropieri, M. A., & Scruggs, T. E. (n.d.). Enhancing school success with mnemonic strategies. LD OnLine. dari <https://www.ldonline.org/ld-topics/study-skills/enhancing-school-success-mnemonic-strategies>

Samosa, R. C., et al. (2021). Opinion, Reason, Explanation and Opinion (OREO) as an innovation to improve learners' writing skills among Grade Four learners. *International Journal of Academic Multidisciplinary Research (IJAMR)*, 5(12), 166-172. ISSN: 2643-9670.



# POSTER PERBINCANGAN

MEMPERKASA

KEMAHIRAN

BERTUTUR

dan

BERKOMUNITAS

Program Pembelajaran Profesional (PL) guru untuk menambah nilai kepada Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), khususnya untuk kemahiran lisan pelajar.

Perkongsian oleh *Cikgu Manisah Osman*

Guru Peneraju Sekolah Rendah Yio Chu Kang

# POSTER PERBINCANGAN

**PROGRAM**

- diterajui oleh jawatankuasa khas [Guru Peneraju, Guru Kanan, Ketua Jabatan dan guru-guru mapan]
- pemilihan pedagogi yang sesuai dan wajar yang boleh diguna pakai untuk membina kemahiran berfikir dan bertutur pelajar yang boleh digunakan untuk ketiga-tiga bahasa ibunda.
- belum diimplementasikan, bahan Pdp masih dalam pembinaan

**STRATEGI PILIHAN**

SPEARL - darjah 3 & 4  
OREO - darjah 5 & 6

- disesuaikan daripada strategi penulisan
- untuk membina kemahiran berfikir & menyusun idea bagi menjawab bahagian perbualan penilaian lisan

**OBJEKTIF PERKONGSIAN**

untuk merakamkan

- pengalaman Guru Peneraju bersama jawatankuasa kerja khas sepanjang fasa perancangan dan pembinaan bahan Pdp; dan
- pelajaran dan pemahaman baharu yang telah diperoleh.

# POSTER PERBINCANGAN

## APA ITU SPEARL & OREO?

SPEARL - darjah 3 & 4  
OREO - darjah 5 & 6

- dikekalkan istilahnya dalam bahasa Inggeris untuk tujuan penyetaraan bagi ketiga-tiga bahasa ibunda - Cina, Melayu dan Tamil perbuatan penilaian lisan
- memudahkan pelajar mengingat strukturnya; dan
- mereka sudah lebih terdedah kepada bahasa tersebut dan ini dapat membantu pemahaman mereka.

Setting	Opinion
People	
Emotion/ Expression	Reason
Action	Explanation
Reason	
Learning	Opinion

- Penggunaan akronim bukanlah kaedah PdP yang baharu.
- Penggunaan strategi mnemonik dan akronim boleh menjadi faktor utama untuk kejayaan pelajar.'

~ Margo A. Mastropieri dan Thomas E. Scruggs

'Educators in any field should try to apply an OREO method as an innovation in teaching any subjects because it shows a positive result in the performance of the learner, and it is an imparting life-long learning outcomes.'

~ Prof. Resty C. Samosa et al.

# POSTER PERBINCANGAN

## PERANAN KETUA PEDAGOGI

#1

Membina rasa memiliki bersama oleh semua anggota jawatankuasa khas yang membina bahan PdP

#2

menjadikan kolaborasi antara Guru Peneraju dan Guru Kanan sebagai contoh baik kepada para guru akan perlunya kerjasama dan toleransi

#3

menggalakkan kolaborasi silang budaya antara kesemua guru yang terlibat

#4

menimbulkan kesedaran akan pentingnya pembelajaran sendiri untuk guru yang terlibat, demi memastikan PL yang lebih mendalam dan bermakna untuk diri mereka sendiri

#5

memudah cara perkongsian bahan dan penilaian semula terhadap bahan-bahan yang sedia ada



# POSTER PERBINCANGAN

## REFLEKSI

### Hasil Positif

Keterlibatan aktif dan tenaga positif untuk melakukan dan menghasilkan sesuatu yang terbaik.

### Sikap Terbuka

- untuk hasil yang lebih sinergistik
- lebih banyak mendengar daripada menunjuk arah
- tidak cepat menilai dan memberi guru ruang selamat bagi meneroka aplikasi atau fitur terbaik dalam SLS

### Cabaran Utama

- kekangan masa dan tuntutan tugas utama
- masih banyak yang boleh diperbaiki
- perlukan masa untuk menambah nilai kepada bahan sedia ada

### Harapan

Semoga program ini berjaya memperkasa kemahiran bertutur dan berkomunikasi pelajar dengan mengaplikasikan SPEARL dan OREO walau apa pun bahasa ibunda yang mereka pelajari.

## JAWATANKUASA PENGANJUR

---

# BESTARI BERBICARA 2024

### **Penasihat**

Norhayati Awang

*Pengarah Pusat*

*Pusat Bahasa Melayu Singapura*

### **Jawatan Kuasa Utama**

Muhammad Rafi Abu Bakar - *Guru Pakar*

Nurul Huda Muhammad Yasin - *Jurulatih Pusat*

### **Turut Menjayakan**

*Guru Pakar-Guru Pakar Pusat*

*Bahasa Melayu Singapura*

Rahmat Subadah

Siti Faridah Omar

Haryati Surana

Arshid Abdullah

Salina Hussin

Muslim Hanafiah

# SEKALUNG BUDI

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dihulurkan kepada:

## Pembentang Perkongsian

Mohd Zaki Bin Hashim - Sekolah Rendah North Vista  
Mohd Saidali Bin Ali - Sekolah Rendah Sembawang  
Esfan Rizal Bin Rahwom - Sekolah Menengah Tampines  
Noor Aini Binte Jamin - Sekolah Rendah Northoaks  
Dr Mohamed Pichay Ghani Bin Mohamed Abdul Aziz - Maktab Rendah St Andrews  
Samsiah Mohamed Diah - Sekolah Menengah Fairfield Methodist  
Sanisah Bte Rahim - Sekolah Rendah Huamin  
Manisah Bte Osman - Sekolah Renda Yio Chu Kang  
Faezah Binte Noorahman - Sekolah Menengah Edgefield  
Noorlizasabariah Ramil - Sekolah Menengah Anderson  
Qamarul Azhar Bin Ahmad Kamil - Sekolah Rendah Evergreen  
Makhfadzah Bte Abu Bakar - Sekolah Rendah Naval Base  
Norah Binte Nordin - Sekolah Perempuan Haig  
Kasumawati Benti Wansi - Sekolah Menengah New Town  
Siti Aisha Binte Ahmat Yusop - Sekolah Menengah Yio Chu Kang  
Rita Zarina Mohd Nazeer - Sekolah Menengah Marsling  
Norhidayana Jabar - Sekolah Rendah Punggol Green  
Safidah Samsudin - Sekolah Rendah Jing Shan  
Norwati Sulaiman - Sekolah Rendah Punggol  
Suriana Mohamed Bakri - Sekolah Rendah Kranji  
Azyanti Mohamed Mudakir - Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan  
Siti Fatimah Bte Omar Bakri - Sekolah Rendah Xinmin  
Ruhaizah Osman - Sekolah Rendah Seng Kang  
Zulkifli Bte Khamis - Sekolah Menengah Bendemeer


## Pengacara Majlis

Norhamidah Hassan - Sekolah Menengah Geylang Methodist

dan sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan perancangan, pengurusan dan pelaksanaan Program Bestari Berbicara 2024.



Ministry of Education  
SINGAPORE



**PUSAT BAHASA MELAYU SINGAPURA  
AKADEMI GURU SINGAPURA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN SINGAPURA**

